



PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

OFFICIAL REPORT

CONTENTS

EXEMPTED BUSINESS (MOTION) [Col. 3484]

BILL:

The Supply Bill, 1963—

Committee of Supply (Twelfth Allotted Day)—

Heads S. 45-S. 48 [Col. 3431]

Heads S. 49-S. 54 [Col. 3462] [Col. 3485]

Heads S. 55-S. 60 [Col. 3522]

Heads S. 61-S. 65 [Col. 3565]

FEDERATION OF MALAYA
DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

Official Report

Fourth Session of the First Dewan Ra'ayat

Wednesday, 19th December, 1962

The House met at Ten o'clock a.m.

PRESENT:

- The Honourable the Prime Minister, Minister of External Affairs and Minister of Information and Broadcasting, Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M. (Kuala Kedah).
- „ the Minister of Works, Posts and Telecommunications, DATO' V. T. SAMBANTHAN, P.M.N. (Sungei Siput).
- „ the Minister of Agriculture and Co-operatives, ENCHE' MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ the Minister of Health, ENCHE' ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB (Kuantan).
- „ the Minister of Commerce and Industry, DR LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).
- „ the Minister without Portfolio, ENCHE' ABDUL AZIZ BIN ISHAK (Kuala Langat).
- „ the Minister of Education, TUAN HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).
- „ the Assistant Minister of the Interior, ENCHE' CHEAH THEAM SWEE (Bukit Bintang).
- „ the Assistant Minister of Labour and Social Welfare, ENCHE' V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ the Assistant Minister of Commerce and Industry, TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).
- „ the Assistant Minister of Information and Broadcasting, ENCHE' MOHAMED ISMAIL BIN MOHAMED YUSOF (Jerai).
- „ ENCHE' ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).
- „ ENCHE' ABDUL RAUF BIN A. RAHMAN, P.J.K. (Krian Laut).
- „ ENCHE' ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).
- „ ENCHE' ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Sungei Patani).
- „ TOH MUDA HAJI ABDULLAH BIN HAJI ABDUL RAOF (Kuala Kangsar).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., P.I.S. (Segamat Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ABDULLAH (Kota Bharu Hilir).
- „ ENCHE' AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).

The Honourable ENCHE' AHMAD BOESTAMAM (Setapak).

- „ ENCHE' AHMAD BIN MOHAMED SHAH, S.M.J.
(Johor Bahru Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAAID (Seberang Utara).
- „ ENCHE' AHMAD BIN HAJI YUSOF, P.J.K. (Krian Darat).
- „ TUAN HAJI AZAHARI BIN HAJI IBRAHIM (Kubang Pasu Barat).
- „ ENCHE' AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- „ DR BURHANUDDIN BIN MOHD. NOOR (Besut).
- „ ENCHE' CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).
- „ ENCHE' CHAN SIANG SUN (Bentong).
- „ ENCHE' CHAN YOON ONN (Kampar).
- „ ENCHE' CHIN SEE YIN (Seremban Timor).
- „ DATIN FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N.
(Jitra-Padang Terap).
- „ ENCHE' GEH CHONG KEAT (Penang Utara).
- „ ENCHE' HAMZAH BIN ALANG, A.M.N. (Kapar).
- „ ENCHE' HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N. (Kulim Utara).
- „ ENCHE' HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Baling).
- „ ENCHE' HARUN BIN PILUS (Trengganu Tengah).
- „ TUAN HAJI HASAN ADLI BIN HAJI ARSHAD
(Kuala Trengganu Utara).
- „ TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ ENCHE' HASSAN BIN MANSOR (Melaka Selatan).
- „ ENCHE' HUSSEIN BIN TO' MUDA HASSAN (Raub).
- „ TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN
(Kota Bharu Hulu).
- „ ENCHE' IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN (Seberang Tengah).
- „ ENCHE' ISMAIL BIN IDRIS (Penang Selatan).
- „ ENCHE' ISMAIL BIN HAJI KASSIM (Kuala Trengganu Selatan).
- „ ENCHE' KANG KOCK SENG (Batu Pahat).
- „ ENCHE' K. KARAM SINGH (Damansara).
- „ CHE' KHADIJAH BINTI MOHD. SIDEK (Dungun).
- „ ENCHE' LEE SAN CHOON (Kluang Utara).
- „ ENCHE' LEE SECK FUN (Tanjong Malim).
- „ ENCHE' LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).
- „ ENCHE' LIU YOONG PENG (Rawang).
- „ ENCHE' T. MAHIMA SINGH, J.P. (Port Dickson).
- „ ENCHE' MOHAMED BIN UJANG (Jelebu-Jempol).
- „ ENCHE' MOHAMED ABBAS BIN AHMAD (Hilir Perak).
- „ ENCHE' MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA (Pasir Puteh).
- „ ENCHE' MOHAMED NOR BIN MOHD. DAHAN (Ulu Perak).
- „ DATO' MOHAMED HANIFAH BIN HAJI ABDUL GHANI, P.J.K.
(Pasir Mas Hulu).
- „ ENCHE' MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ NIK MAN BIN NIK MOHAMED (Pasir Mas Hilir).
- „ ENCHE' NG ANN TECK (Batu).

- The Honourable ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH (Tanah Merah).
- „ ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID (Rembau-Tampin).
- „ ENCHE' SEAH TENG NGIAB (Muar Pantai).
- „ ENCHE' D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).
- „ ENCHE' S. P. SEENIVASAGAM (Menglembu).
- „ TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S.
(Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN SYED HASHIM BIN SYED AJAM, A.M.N., P.J.K.
(Sabak Bernam).
- „ TUAN SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, J.M.N.
(Johor Tenggara).
- „ ENCHE' TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ ENCHE' TAN CHENG BEE, J.P. (Bagan).
- „ ENCHE' TAN PHOCK KIN (Tanjong).
- „ ENCHE' TAN TYE CHEK (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TENGKU BESAR INDERA RAJA IBNI AL-MARHUM SULTAN
IBRAHIM, D.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).
- „ DATO' TEOH CHZE CHONG, D.P.M.J., J.P. (Segamat Selatan).
- „ ENCHE' TOO JOON HING (Teluk Anson).
- „ ENCHE' V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Kota Star Selatan).
- „ WAN YAHYA BIN HAJI WAN MOHAMED (Kemaman).
- „ ENCHE' YAHYA BIN HAJI AHMAD (Bagan Datoh).
- „ ENCHE' YEOH TAT BENG (Bruas).
- „ ENCHE' YONG WOO MING (Sitiawan).
- „ PUAN HAJIAH ZAIN BINTI SULAIMAN, J.M.N., P.I.S.
(Pontian Selatan).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB (Langat).
- „ ENCHE' ZULKIFLEE BIN MUHAMMAD (Bachok).

ABSENT:

- The Honourable Mr Speaker, DATO' HAJI MOHAMED NOAH BIN OMAR,
S.P.M.J., D.P.M.B., P.I.S., J.P.
- „ the Deputy Prime Minister, Minister of Defence and
Minister of Rural Development, TUN HAJI ABDUL RAZAK
BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- „ the Minister of Internal Security and Minister of the
Interior, DATO' DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN,
P.M.N. (Johor Timor).
- „ the Minister of Finance, ENCHE' TAN SIEW SIN, J.P.
(Malacca Tengah).
- „ the Minister without Portfolio, DATO' SULEIMAN BIN DATO'
HAJI ABDUL RAHMAN, P.M.N. (Muar Selatan).
- „ the Minister of Transport, DATO' HAJI SARDON BIN HAJI
JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).

The Honourable the Minister without Portfolio, DATO' ONG YOKE LIN,
P.M.N. (Ulu Selangor).

- .. the Minister of Labour and Social Welfare,
ENCHE' BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
- .. ENCHE' CHAN SWEE HO (Ulu Kinta).
- .. ENCHE' V. DAVID (Bungsar).
- .. ENCHE' HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, A.M.N., P.J.K. (Parit).
- .. ENCHE' KHONG KOK YAT (Batu Gajah).
- .. ENCHE' LEE SIOK YEW, A.M.N. (Sepang).
- .. ENCHE' LIM JOO KONG, J.P. (Alor Star).
- .. ENCHE' MOHAMED DAHARI BIN HAJI MOHD. ALI
(Kuala Selangor).
- .. TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- .. ENCHE' QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Barat).
- .. ENCHE' TAN KEE GAK (Bandar Melaka).
- .. WAN MUSTAPHA BIN HAJI ALI (Kelantan Hilir).

PRAYERS

(Mr Deputy Speaker *in the Chair*)

BILL

THE SUPPLY BILL, 1963

Order read for resumed consideration
in Committee of Supply (Twelfth
Allotted Day).

House immediately resolved itself
into Committee of Supply.

(Mr Deputy Speaker *in the Chair*)

SCHEDULE

Heads S. 45-S. 48—

Resumption of debate on Question:

That the sum of \$8,153,582 for Heads
S. 45, S. 46, S. 47 and S. 48 stand part of
the Schedule.

Mr Chairman: Ahli² Yang Berhormat, saya suka menyatakan ia-itu masa yang di-untukkan kepada Kementerian ini ia-lah 4 jam. Sa-malam telah di-bahathkan sa-lama 2 jam 15 minit dan tinggal 1 jam 45 minit lagi. Pada pukul 11.45 masa-nya habis bagi Kementerian ini. Oleh itu, pada pukul 11.15 saya hendak beri peluang kepada Menteri yang berkenaan menjawab.

Enche' Zulkiflee bin Muhammad (Bachok): Tuan Pengerusi, membahathkan soal perhubungan di-

antara majikan dan buruh di-dalam negeri ini, terutama pada hari ini bukan-lah satu soal akedemik yang di-teori²kan, tetapi ia itu ada-lah satu soal perektik yang berhajat kepada penyelenggaraan perektik supaya apa yang di-katakan sa-bagai kachau-bilau perusahaan dalam negeri ini dapat di-hindarkan. Sa-malam telah saya katakan kepada Dewan yang bertuah ini bahawa di-dalam dasar Kerajaan menyukarelakan diri dalam perhubungan ini ternampak beberapa kelemahan yang mesti di-atasi. Dan bagi mengatasi-nya, perinsip yang mengatakan chukup-lah dengan menggunakan ayer lior dari pihak Kerajaan hendaklah di-ketepikan.

Tuan Pengerusi, memang benar "The best Government is the Government that governs the least—sa-elok² Kerajaan itu ia-lah Kerajaan yang chuba memerintah sadikit", tetapi kita janganlah berpegang kepada "maxim" ini dalam semua masaalah, terutama dalam masaalah yang mengancham kepentingan orang ramai dalam negeri ini. Kita tahu, Tuan Pengerusi, di-dalam soal perhubungan di-antara dua pihak yang bertegang dari satu masa ka-satu masa terpaksa beberapa hal di-perhatikan dan kuasa Kerajaan mesti ditegaskan. Saya nampak kesalahan sadikit sa-banyak timbul daripada beberapa pihak nyata, dari pihak majikan telah timbul beberapa keadaan

yang tidak di-ingini seperti yang telah di-terangkan oleh Ahli² Yang Berhormat yang telah berchakap dahulu daripada saya. Tetapi ada pula beberapa perkara yang di-sampaikan kepada pengetahuan saya berkenaan dengan pehak yang melakukan pemogokan itu sendiri; ia-itu sa-tengah daripada mereka itu telah tidak mengikut peratoran dalam soal yang mengator perhubungan majikan dan buroh dalam negeri ini. Ada yang melakukan pemogokan dengan tidak memberi pemberitahuan menurut waktu yang ditentukan, dan ada pula yang melakukan daya dan helah di-dalam perundingan, sa-hingga menjadikan perundingan itu satu perkara yang mandol, tidak dapat menelorkan satu hasil yang baik.

Tuan Pengerusi, pada waktu² yang akhir² ini telah pernah terjadi dalam negeri ini kekerasan dalam hal menyelesaikan perhubungan di-antara majikan dengan buroh. Ahli² Yang Berhormat ada mendengar dalam Dewan ini bahawa senjata api telah di-gunakan, dan daripada ma'lumat yang saya dapat kekerasan itu di-lakukan oleh kedua pehak, dan kadang² orang luar daripada lengkongan buroh masuk dalam mogokan itu yang menyebabkan bertambah keroh lagi pemogokan itu. Di-dalam perkara memechahkan peratoran seperti itu, terutama memechahkan asas melakukan mogok oleh orang dari luar, saya fikir sudah sampai masa-nya bagi Kerajaan mempunyai sedikit sa-banyak kuasa yang boleh melakukan sa-suatu bagi kepentingan ra'ayat dan negeri ini.

Tuan Pengerusi, yang kita takuti ialah ada-nya gangguan² dari luar daripada orang² yang sengaja, umpama-nya, datang di-tempat² pemogokan itu dan mengaku² diri-nya sa-bagai orang² yang mogok; ini berlaku di-beberapa tempat telah saya dengar sendiri. Jadi, Tuan Pengerusi, hal ini tidak-lah timbul sa-kira-nya kesihatan kesatuan² buroh dalam negeri ini dapat di-kawal dengan baik. Saya patut mengingatkan, Tuan Pengerusi, bahawa ada satu penyakit yang telah timbul di-dalam majikan² di-dalam negeri ini ia-itu satu syndicate yang di-buat

oleh majikan² yang mesti-lah di-awasi oleh Kerajaan supaya perkara ini jangan berlaku. Syndicate majikan² ini menetapkan barang siapa mogok pada satu tempat maka dia tidak akan dapat kerja sampai bila² pun di-mana² tempat. Ini ada-lah satu perkara di-dalam kebebasan majikan tetapi ini ada-lah pada diri-nya sendiri berten-tangan dengan semangat Undang² Industry di-dalam negeri ini.

Tuan Pengerusi, kita tahu bahawa baharu² ini perkara pemogokan yang berlaku di-dalam masaalah keretapi telah memunchak dan nyata-lah bahawa mereka itu tidak mahu menerima tawaran Kerajaan. Saya berharap kepada Menteri Yang Berhormat menyampaikan rayuan daripada kita semua di-sini supaya hal ini dapat juga di-hindarkan dan pemogokan yang besar ini dapat sa-kurang²-nya di-ketepikan pada masa ini dan di-tanggohkan sa-hingga satu masa yang di-fikirkan munasabah. Sebab-nya, Tuan Pengerusi, saya katakan bagini sa-lagi rasa baik sangka dan rasa berpatutan maseh ada pada dua pehak, saya perchaya perkara ini dapat di-atasi. Saya merasa tidak puas hati kerana Kerajaan tidak champor tangan dengan lebeh tinggi sebab sekarang ini maseh juga bertepok² belakang sahaja yang menyebabkan hal ini terjadi demikian. Saya berharap bahawa sa-kira-nya kepentingan ra'ayat negeri ini hendak di-perhatikan, Yang Berhormat Perdana Menteri sendiri mesti-lah memberikan jasa baik-nya supaya hal ini dapat di-atasi.

Tuan Haji Ahmad bin Saaid (Seberang Utara): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk berchakap di-atas perbekalan bagi Kementerian Buroh dan Kebajikan Masharakat ini. Saya mengikut² kerja² yang telah di-laksanakan oleh Kementerian ini dari semenjak pilihan raya dahulu, saya sendiri berasa sangat-lah puas hati dan saya ucapkan sa-tinggi² tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan juga Menteri Muda-nya dan juga kepada kaki² tangan-nya yang telah pun menjalankan tugas dan kewajipan masing² sa-hingga sangat-lah memuaskan hingga pada hari ini. Ini jikalau

kita pandang dengan chara pentadbiran di-negeri² lain mithal-nya sa-bagaimana di-Singapura, beberapa banyak mogok² telah berlaku dan dengan kebijaksanaan Menteri Yang Berhormat ini beberapa banyak perkara kita telah elakkan dan dapat di-baiki dan pemogokan² itu dapat di-hindarkan. Saya berharap Yang Berhormat Menteri supaya segala anchaman² mogok yang akan kita hadapi dapat-lah di-hindarkan dan dapat di-baiki oleh Kerajaan. Kewajipan pehak Kerajaan daripada pehak orang ramai dan juga bagi pehak Kementerian ini, ini satu perkara yang kita sangat² takut kerana kita sangat bimbang kerana berlaku-nya mogok dalam negara kita ini. Kerana kita dapat tahu akibat daripada mogok ini sangat-lah susah dan memberi kesusahan kepada beberapa golongan khas-nya kepada orang ramai dan juga ahli² perniagaan. Oleh itu patut-lah di-antara dua belah pehak di-usahakan oleh Kementerian ini dapat di-baiki daripada berlaku-nya perkara² pemogokan ini.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, sa-bagaimana perjalanan pentadbiran kesatuan² di-negara kita ini, kalau kita perhatikan ada-lah berjalan di-atas kebebasan pada ahli sa-kerja-nya untuk mendaftarkan kesatuan²-nya. Sa-bagaimana yang di-sebutkan oleh Yang Berhormat wakil dari Damansara tadi kita tidak memberi kebebasan, ini adalah perkara² yang tidak benar. Kebebasan ia-lah berpandukan kepada Undang² tidak-lah dapat di-daftar sa-barang ahli² kesatuan sa-bagai persatuan dengan tidak patoh kepada Undang² yang kita sendiri menggubal dan mengesahkan-nya. Begitu juga sa-bagaimana persatuan masyarakat dan persatuan kebajikan dan juga parti² politik boleh di-daftarkan mengikut Undang², tidak ada ketegahan-nya. Jadi jikalau di-katakan bahawa pehak Kementerian atau pun pehak Pendaftaran ini menolak pendaftaran, itu adalah kuasa bagi pehak-nya mengadu perkara ini kepada Yang Berhormat Menteri supaya mengambil langkah dan tindakan atas pegawai pendaftaran yang menolak satu² pendaftaran yang halal dari segi Undang² itu. Kalau di-

sebutkan persatuan² ini tidak bebas, saya tidak bersetuju sama sa-kali, Tuan Pengerusi.

Satu perkara yang saya ingin berchakap ia-lah berkenaan dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Sa-bagaimana saya telah tegaskan dahulu ini ada-lah satu badan masyarakat yang di-kawal oleh pehak Jawatan-Kuasa sukarela yang menjadi badan bagi pehak Kerajaan. Jadi kita dapati peruntokan wang itu tidak begitu menchukupi. Saya harap mendapat bantuan lebeh lagi dan mustahak di-tambahkan pegawai² bagi jawatan kebajikan masyarakat ini khas-nya kalau boleh di-ambil-lah pegawai² wanita kerana banyak perkara² yang berkait dengan wanita supaya dapat-lah mereka mengadu kepada pegawai² masyarakat yang mana dapat di-selesaikan dengan sempurna. Kerana ini satu perkara yang mustahak patut di-berikan peluang kepada pegawai wanita.

Satu perkara lagi, Tuan Pengerusi, ia-lah mengenai senggaraan. Berkenaan dengan rumah² tumpangan yang ada berselerak di-Persekutuan Tanah Melayu ini dan ada juga di-Pulau Pinang beberapa rumah untuk di-hantar orang² tua di-situ. Ada sa-tengah tempat, orang² tua tidak mahu pergi ka-rumah itu dan sa-tengah tempat tidak dapat sambutan kepada orang yang kita hendak tempatkan mereka itu. Oleh yang demikian saya berharap-lah di-adakan satu chara yang mana orang² tua yang dudok di-kampung² ini yang tidak suka keluar pergi dudok rumah tumpangan, orang² tua ini di-buat satu peruntokan khas di-dirikan sa-buah rumah yang bermodal saya ingat tidak banyak hanya \$150 supaya orang ini boleh dudok dalam rumah ini dan dapat di-kawal oleh jiran²-nya dan di-ambil perhatian di-atas hal keadaan orang² tua ini. Kebanyakan orang² tua khas-nya orang Melayu tidak suka hendak keluar daripada masyarakat kampung-nya sebab itu-lah lebeh baik di-adakan peruntokan ini untuk orang² tua. Dari itu patut-lah Kementerian ini mengambil perhatian di-atas perkara ini supaya di-buatkan satu rumah di-kampung-nya sendiri supaya dapat mereka dudok di-sekeliling masyarakat-nya, sekian-lah.

Tuan Haji Azahari bin Haji Ibrahim (Kubang Pasu Barat): Tuan Pengerusi, saya suka hendak menarek perhatian tentang ucapan yang telah di-buat oleh Menteri Muda berhubung dengan kedudukan badan² kumpulan masharakat sukarela. Tuan Pengerusi, saya sangat²-lah tertarek hati mengalu²kan chadangan Kerajaan hendak mengkaji sa-mula tentang kedudukan badan² masharakat sukarela ini kerana pada masa ini patut-lah Kerajaan memberi tumpuan tenaga dan usaha tentang menolong kepada badan² tersebut yang ada jauh² daripada bandar. Memandang di-atas kedudukan badan² ini sangat-lah sedikit kewangan-nya, oleh itu harap dapat di-kaji sa-mula dan Kerajaan dapat menggalakkan orang² kampong yang dudok di-luar bandar ini menubuhkan badan² masharakat sukarela di-tingkatan mukim. Sekarang kita lihat ada di-tubuhkan di-tingkatan negeri dan district, tetapi belum ada lagi badan² di-tingkatan mukim. Kalau sa-kira-nya dapat Kerajaan menggalakkan orang² kampong dengan menubuhkan badan ini di-tingkatan daerah atau mukim maka dapat-lah perhubungan yang rapat dengan badan² masharakat di-tingkatan daerah dan mukim dan seterusnya pula di-tingkatan negeri. Sa-kira-nya perkara² ini dapat di-jalankan, sa-kira-nya ada kemalangan pada kampong² yang jauh daripada bandar atau pekan maka sangat-lah sukar hendak mendapat pertolongan bagi pehak yang dapat kemalangan, kerana tidak ada satu badan pun yang bertanggungjawab di-tempat itu boleh membawakan perkara itu kepada pehak yang tertentu.

Oleh sebab² yang demikian, saya harap-lah Kerajaan dapat menggalakkan orang ramai dengan menubuhkan badan² masharakat di-peringkat mukim itu. Tuan Pengerusi, saya suka juga menarek perhatian tentang youth services, di-sini saya nampak bagi orang² yang menjalankan kerja² atau pun bagi orang yang membantu badan² pemuda itu di-dalam negeri kita ini sangat-lah kurang. Kalau kita lihat di-dalam item 13 di-muka 234 yang mana peruntukan sa-banyak \$150,000 kepada pertubohan² sukarela—dan kalau hendak di-berikan kepada 11 buah negeri ini ada

lebih kurang \$1,300 dapat di-berikan kepada satu² negeri untuk memberi bantuan kepada pertubohan² pemuda itu. Jadi nampak-nya memang-lah sangat kurang dengan memandangkan banyak-nya pertubohan² yang muncul sekarang ini, mereka memang menunggu² sahaja bantuan daripada Kerajaan. Jadi, saya harap-lah kepada Kerajaan patut-lah memberikan banyak lagi bantuan kepada pertubohan² pemuda itu. Berhubung dengan item 10 sub-head 10 pula, di-sini saya nampak kalau sa-kira-nya Kerajaan hendak melancharkan kursus² bagi menggalakkan pemuda² menjadi ketua seperti yang di-adakan di-Morib itu, kursus ini hanya terbuka kepada orang² bandar sahaja atau pun badan² yang berdekatan dengan bandar atau yang dekat dengan pehak welfare office. Tetapi Kerajaan hendak-lah memberi peluang yang lebih kepada pemuda² yang dudok di-dalam kampong yang ingin hendak mendirikan badan pemuda atau pun ada kemahuan untuk hendak memimpin pemuda² di-kampong² mereka.

Saya harap Kerajaan hendak-lah memberikan banyak lagi peluang kepada mereka dan jangan-lah diberikan kepada orang bandar sahaja. Sa-tengah mereka itu pula sa-lepas mengambil kursus itu hanya dudok diam² sahaja, boleh jadi mereka mempunyai kerja yang banyak, kalau diberikan kepada orang kampong maka saya perchaya mereka akan dapat menubuhkan pertubohan dan memimpin anak² bangsa kita di-kampong² itu dengan mendapat kejayaan yang gemilang. Itu-lah sahaja harapan saya dan harap dapat perhatian daripada pehak yang berkenaan.

Enche' Chin See Yin (Seremban Timor): Mr Chairman, Sir, I would draw the attention of the Honourable Minister of Labour to the conduct of a certain officer in the Labour Department at Malacca. Sir, the case refers to a compensation award made to a worker who sustained an injury some time in December, 1961. This worker, by the name of Loo Eng San, came to see me and told me how he was threatened by the officer at Malacca. He was injured some time in December, 1961 and he made a claim. This

claim was looked into by an officer in the Labour Department at Seremban—I must say at this juncture that the officers at Seremban were very fair and just—I am referring not only to one officer—and I must pay my compliments to all officers in the Labour Department, Seremban. After careful enquiry, after having gone into the doctor's certificate and after having taken statements from both sides, an award of \$3,000 was made to this man some time in August. The employers concerned were a firm of transporters and they were prepared to pay when payment was pressed. However, unfortunately, the insurance company concerned was not agreeable to the amount. The insurance company is the Overseas Assurance Co., Ltd. When the Labour Officer at Seremban made approaches to the insurance company all sorts of excuses were made by them. When the worker came to see me I wrote to the employer, and the employer told me that he was prepared to pay but not the insurance company. To my surprise this worker came to see me again, only a week or so ago, and told me that he had received a letter from an officer of the Labour Department in Malacca and that this officer, one Mr Chong, called him to the office and told him that he should accept the offer made to him by the Overseas Assurance Corporation which is only 10 per cent. This officer threatened this worker saying that he should not be asking too much, the doctor's certificate is all absurd, and the doctor is stupid. Sir, what I want to know is this: when an award has been made by an officer in the Seremban Labour Department, what business has an officer in a different State to interfere with the matter? I want to know what business has this officer to speak on behalf of the insurance company. To my mind the whole thing is fishy, and I ask the Honourable Minister to look into this matter. The public, and the workers particularly, must be protected. They have not the means to obtain legal aid and that is why they go to the Labour Department. The officers should be fair and just. They should not behave as if they are demi-gods. These officers should consider them-

selves as public servants, who are being paid by the public through the Federal Treasury. Public officers should not consider themselves to be above members of the public, that they are demi-gods, and that they are masters and lords over members of the public.

Sir, I am bringing this subject matter up in this House in order that the Honourable Minister would look into this matter. I would speak about this insurance company when the Insurance Bill comes up. Talking about insurance companies, I would like to say that they like to take premiums but when awards are made they very seldom pay, and quite a few of these insurance companies are very nasty. I hope the Government will look into this matter and see that when the Bill is passed we will have provisions to take action against such insurance companies. Coming back to this case, the employer is prepared to pay but not the insurance company, and I don't know why this officer in the Labour Department in Malacca should intervene. The most interesting part, Sir, is that when the worker went to see him he quickly called back the letter fearing that this letter might come into the hands of somebody and might be referred to higher authority. This is most unbecoming and I hope the Honourable Minister would look into this matter.

Enche' Abdul Ghani bin Ishak (Melaka Utara): Tuan Pengerusi, saya suka mengambil bahagian sedikit dalam hal Kementerian yang berkenaan ini. Mula² saya hendak berchakap berkenaan dengan kepentingan buroh. Pada pengalaman saya, dan saya pernah juga menjadi Setia-Usaha Agong pada sa-buah Trade Union, ia-itu kelancharan gerakan kesatuan buroh, saya rasa boleh di-baiki sakra-nya atoran² yang di-adakan oleh Kerajaan dari sa-masa ka-samasa dengan tidak di-champor tangan oleh anasir² luar, dan bagi pehak diri saya sendiri di-sini merayu dengan sunggoh²nya kapada Kementerian ini supaya benar² mengambil tindakan atas orang yang tidak berkepentingan terus, atau berkepentingan langsung yang mengambil bahagian champor tangan

dalam hal buroh ini yang mana mereka ini selalu menyekat perjalanan persatuan buroh. Saya pernah mengikuti hal keterangan di-negeri kita ini terutama hal² buroh yang banyak di-negeri kita ini ia-itu apabila datang sa-suatu pemogokan, maka orang² yang tidak ada kena-mengena dengan soal pertikaian antara buroh dengan majikan ini, selalu menonjol²kan diri bagi mengambil kesempatan—kechualilah dia mewakili badan persatuan, atau pun sa-bagai loyar bagi pehak persatuan itu, tetapi yang banyak kita ketahui bahawa chontoh di-luar negeri kita ada yang sanggup, mithal-nya perkara yang sa-macham ini akan mengakibatkan rosak-nya hal² kita, rundingan² di-antara pehak majikan dengan pehak buroh dan yang lebeh mendukachitakan tentang sa-suatu kejadian itu, mereka tidak menjadi rugi dalam hal champor tangan ini, tetapi sa-balek-nya yang rugi itu ia-lah bagi orang² yang mogok terutama sa-kali orang² yang ada mempunyai anak isteri. Jadi saya rasa dengan keadaan yang sa-macham ini, pehak Kementerian ini hendak-lah mengambil tahu dan, kalau dapat, hendak-lah menyekat terus atas orang² yang tidak berthabit dalam hal itu, atau champor tangan berkenaan pertikaian di-antara buroh dengan majikan.

Kita tahu dan kita dengar juga di-Dewan ini, atau pun di-luar Dewan ini ada orang² yang maseh lagi mengelirukan pekerjaan yang baik itu, atau pun yang menchari rezeki itu dengan fikiran yang di-atorkan, saperti yang saya katakan tadi hendak menanggok udang di-ayer yang keroh, kerana saya dapati pehak Kementerian ini menghantar wakil-nya daripada Pegawai Buruh bagi menasihatkan atau pun memberi pelajaran kepada orang ramai supaya membezakan di-antara Labour Party dengan Labour Union, kerana pada suatu masa dahulu, saya dapati satu chontoh dalam pilihan raya negeri tahun 1959 dahulu, ada pegawai² daripada Labour Party memberitahu kepada pekerja²-nya pada satu tempat yang berhampiran dengan kampung saya sendiri dengan mengatakan bahawa dia ini-lah satu badan yang bertanggung-jawab yang boleh memperjuang-

kan hak buroh dalam soal² kerja dan lain². Jadi soal yang sa-macham ini hendak-lah di-cheгах daripada sekarang supaya pada masa akan datang tidak-lah lagi akan berlaku bagi pehak yang mengambil kesempatan bagi menggambar-gemborkan perjuangan mereka yang betul itu dengan chara yang demokrasi.

Sekarang saya hendak berchakap berkenaan dengan kebajikan masha-rakat. Ada satu perkara yang patut saya sampaikan di-sini. Sekarang ini, bagi pehak jabatan ini ada juga memberi kebajikan yang banyak sedikit kapada ra'ayat kita apabila timbul hal² kesusahan kapada mereka, tetapi perkara yang telah di-jalankan ini sama ada arahan daripada Persekutuan kapada Negeri, tidak-lah dapat saya pastikan, tetapi kalau kita, pada tempat² yang benar berkehendakkan bantuan, saya rasa bantuan yang di-anjorkan oleh pehak yang berkenaan itu tidak-lah memadai. Saya boleh beri satu chontoh, umpama-nya dalam satu keluarga, si-isteri sa-orang yang tidak tahu menchari satu apa pun pada mula-nya, kemudian dia ada mempunyai tanggungan empat lima orang anak, apabila si-suami-nya mendapat kemalangan, katakan-lah dia jatuh dari pokok kelapa dan patah pinggang-nya serta mati anggota-nya. Jadi, bantuan yang sa-macham ini yang boleh di-keluarkan dari jabatan ini hanya-lah berupa beras, sedikit wang ia-itu lebeh kurang empat belas atau lima belas ringgit dalam satu bulan. Maka betapa hal-nya kapada anak² mereka yang di-dalam sekolah, makan minum-nya, pakaian-nya, ini semua patut-lah kita timbangkan, dan saya suka mengshorkan sa-kira-nya perkara ini terjadi, elok-lah pehak yang berkenaan mengadakan atau memberikan satu ranchangan bagi memberi pencharian kapada isteri-nya itu. Mithal-nya, dia tidak ada lain kerja, kita boleh beri dia mesen jahit kechil untuk menjahit, atau umpama-nya ada tuck shop di-kampong itu maka hendak-lah di-utamakan orang ini supaya dia dapat menyarakan anak²-nya itu sampai-lah mereka itu mendapat pelajaran sabagaimana anak² orang lain. Perkara ini, walau pun sudah ada bantuan,

saya rasa system atau chara ini hendaklah di-baiki lagi supaya benar² dapat kita memberi bantuan kepada mereka yang berkehendakkan bantuan. Itu-lah sahaja, terima kaseh.

Enche' Liu Yoong Peng (Rawang):

Mr Chairman, Sir, I speak under Supply Head 45, items (1) and (2) Minister and Assistant Minister. I do not intend to expound our whole idea of labour here, but I would just like to bring up some points of critical importance at the moment which are facing especially the estate labourers in our country. I have personal knowledge of labourers in my constituency working for the European estates and I find that most of them have now, in fact, been indirectly employed—they are now under the employment of contractors. These contractors, before this sort of contract system was introduced, were actually employees of the estates—they were the *kepala*s and such other personnel of the estate and later on these European estates made them into independent contractors to employ the tappers, so that the tappers became no longer directly responsible to the estate managers. Therefore, these labourers lose some security in their conditions of employment. They are no longer entitled to sick leave and other leave, and quite often the contractor can dismiss them whenever he wants. What is most unsatisfactory is that some of these contractors are not responsible people. I know of a contractor in Batu Arang who employed some tappers; and when he was unable to pay their wages he absconded—the estate manager had paid the contractor the wages but the contractor disappeared, leaving the tappers unprovided for. Sir, I want the Minister to look very seriously into this sort of thing. I see no reason why these estates, especially the European estates, cannot directly employ the labourers themselves, and let them be supervised by their own staff, because, in fact, many of these estates have their own staff. Why should they turn that system into this contract system? I think it is merely because they want to evade

responsibility. I hope the Minister will look into this matter seriously.

Now, Sir, I come to Supply Head 48, Social Welfare. Here, too, I am not going to expound our Socialist theory of what is social welfare but would just like to bring up a little matter which, I think, is of acute importance at the moment. I find that, especially in the rural areas, there are quite a lot of old people—some more than 55, 60 or 70 years of age—who definitely cannot get employment. Only yesterday, Sir, I went to Batu Arang and I came across an old man of 70 years of age. He directed me to his house, which is a hut about five feet square and all broken up. I do not think that that house can shelter him from rain. He had been unemployed for a long time and so he is asking for help from the Social Welfare Department. This is only one typical example which I have come across. Of course, it would be quite all right for us to get assistance from the Social Welfare Department on behalf of these people, but I think the Government should consider very seriously the question of having a more expedient method of allowing these people to get Social Welfare benefit. For instance, I know that in Britain people who are jobless can go to the post office every week and automatically get a certain amount. I know it would be very difficult for the Government at the moment to give every jobless person a certain amount of benefit, but at least for these people who are over 55 or 60 years of age, I think they should be provided with some means whereby they can go to the post office, fill up certain forms, and then be eligible for certain benefits. In this way, it will save a lot of inconvenience and work, and these people who live in the rural areas will not have to come all the way to Kuala Lumpur to the Social Welfare Department. It will save a lot of time indeed, and it would also make them very secure in a way.

While I am on this topic of Social Welfare, Sir, I think for the people in the Ulu Selangor area there should be a Social Welfare office in Rawang.

Only recently, thanks to the Government, a Labour Office has been set up in Rawang. This two-storey building is quite good, I think, and there is sufficient space to accommodate a Social Welfare Officer and his staff. I hope the Government will consider this matter as well.

Enche' Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Pengerusi, saya berdiri sambil mengalu²kan peruntukan Kementerian Buroh dan Kebajikan Masyarakat ini. Saya hanya hendak berchakap sedikit sahaja di-dalam Head 45 berhubung dengan Kementerian Buroh ini. Walau pun telah banyak di-chakapkan oleh Ahli² Yang Berhormat daripada rakan² saya tadi, saya gemar menarek perhatian Yang Berhormat Menteri dalam berbagai² perkara. Saya juga ada-lah puas hati di-atas ucapan Yang Berhormat Menteri berhubung dengan hal ini waktu beliau mengemukakan usul ini. Perkara yang hendak saya menarek perhatian ia-itu demi kepentingan buroh² atau kaum pekerja dalam negeri ini supaya Kementerian ini dapat memberi jasa baik-nya dengan melalui badan penasihat yang telah ditubuhkan itu ia-itu menasihatkan majikan di-ladang² atau di-kilang² di-mana supaya jangan mengeluarkan perkataan kasar dan kesat kepada pekerja²-nya. Ini, Tuan Pengerusi, saya mengharapkan ada-lah untuk menjaga di-antara pekerja dengan majikan tidak-lah timbul perasaan salah sangka di-antara kedua pehak itu. Sebab daripada kedua² pehak ada-lah mempunyai hasrat untuk mendapat kepercayaan antara kedua-nya. Sa-kira-nya tidak ada perasaan saling mengerti dan salah faham di-antara dua pehak ini saya khuatir berbagai² kejadian mungkin berlaku.

Sa-lain daripada itu saya gemar menarek perhatian Kementerian ini ia-itu dapat kira-nya di-buat perundingan dengan majikan² di-ladang² atau di-kilang² supaya memberikan chuti kepada pekerja² Islam pada hari Juma'at tidak sa-bagaimana sa-tengah daripada estate² atau pun sa-tengah daripada kilang² itu memberi chuti kepada pekerja² Islam pada hari Ahad. Walau pun tidak dapat di-beri-

kan mereka itu chuti beri-lah kesempatan kepada mereka itu supaya dapat menunaikan fardzu Juma'at pada hari itu.

Tuan Pengerusi, saya menarek perhatian dalam Jabatan Kebajikan ini dan saya mengalu²kan ia-itu Kementerian ini mempunyai banyak rancangan² berhubung dengan hendak membaiki akhlak pemuda² kita dalam negara ini. Saya harapkan supaya Kerajaan atau pun Pusat membaiki akhlak ini kalau boleh di-adakan pada tiap² negeri. Pusat ini tidak terbatas kepada kanak² atau pemuda² yang didapati salah atau tidak dapat di-kenal oleh ibu bapa-nya. Menurut hemat saya ia-itu hendak-lah di-sediakan Pusat latihan menerima pemuda² belasan tahun yang lepas Sekolah Rendah atau Sekolah Lanjutan. Sebab kita khuatir pemuda² yang berkeliaran di-bandar² atau di-kampong² yang tidak mempunyai pekerjaan mungkin memberi anchaman kepada masyarakat negeri kita ini. Kita banyak mengikuti akhbar² pemuda² sa-umpama ini kadang² tidor di-surau², di-masjid² atau di-tempat² sunyi, saya harap pehak Kerajaan mengambil perhatian dalam hal ini.

Dalam hal lain, Tuan Pengerusi, saya gemar menarek perhatian kepada Kementerian ini. Kerajaan kita sekarang ada memberi bantuan kepada orang² tua. Orang² tua ini ada dua jenis, satu jenis orang tua yang ditempatkan di-rumah orang tua yang didirikan oleh Kerajaan dan rumah orang² tua yang didirikan oleh badan masyarakat tempatan. Kalau orang² tua di-kampong sa-bagaimana yang telah di-chakapkan oleh Ahli² Yang Berhormat tadi ia-itu orang² tua—orang Melayu tidak suka hendak diam di-rumah itu. Pada masa ini menurut apa yang saya tahu, negeri Johor Kerajaan ada membahagi kepada mereka hanya \$8 sa-bulan. Jadi pembahagian \$8 ini-lah yang saya hendak menarek perhatian Yang Berhormat Kementerian ini. Saya fikir pembahagian sa-umpama ini tidak menchukupi dan kalau boleh kita tambah lagi sa-kadar boleh melegakan kesusahan kepada orang² tua dan orang² yang dzaif ini. Mereka ini memang-lah

tidak boleh bekerja lain tetapi kalau kita fikir \$8 yang kita bagi kepada mereka itu pada sa-bulan, hanya satu hari mereka boleh berbelanja 28 sen, dua chawan kopi tidak cukup. Mereka itu sudah berputus asa dan tidak upaya hendak bekerja, saya fikir kita harus-lah menimbangannya sa-kurang²-nya di-bagikan 60 sen atau 70 sen pada satu hari, sekian.

Enche' Tan Cheng Bee (Bagan):

Mr Chairman, Sir, I would like to touch on Remand Homes and Hostels under Social Welfare. I think all of us would have heard of the landslide very recently in Penang and of the damage that has been done to the Waterfall Hostel in Penang including the total wreck of the quarters of the Housemaster. The Housemaster has lost all of his property in the building, and I hope that proper compensation would be made to him for the loss he suffered. It was really fortunate that both he and his wife were out during the time of the disaster, otherwise, the incident would have been tragic.

Sir, I now come to Approved Schools, and in this respect I would like to pay tribute to the members of the Penang Juvenile Welfare Committee of which I am the Chairman (*Laughter*). I am paying tribute to the members for the amount of voluntary work they put in to go and see potential employers in order to seek employment for these boys who come out of the hostels and approved schools. It is something that requires real patience. These members are from various professions: some of them are lawyers, some doctors, businessmen, pensioners and many are teachers and, one or two contractors. They spend a great deal of time voluntarily going to see potential employers and persuading them to take in some of the boys. I am sure that they have done and are doing a really worthy job to the community and to society. Sir, in this connection, I would also like to pay compliments to some of the potential employers who are co-operative and who in spite of some disappointments have again and again taken in boys recommended by the Juvenile Welfare Committee.

Sir, I would like to appeal to the Minister to ensure the implementation of the policy of non-recording of convictions and punishments against juvenile offenders. I am sure that the Government has made that policy most prudently, because it will give the boys, who come out of remand schools, a chance to go back into society and obtain work as decent people. Sir, in this connection I therefore now appeal to the Honourable Minister of Labour and Social Welfare to see to it, that the records of juvenile offenders be taken off the hands of the Police immediately the case has been dealt with in the juvenile court. I make this appeal because of an instance of a Malay boy who came out of a remand school. On the recommendation of one of our members, this boy was employed by the R.A.A.F., Butterworth; he was employed for six months and was working very satisfactorily. When the boy was to be put on the permanent list, somehow or other, the boy's record came into the hands of the Staff Officer there—that this boy came out of a remand school—and straightaway the boy was discharged. Sir, one can imagine the embarrassment and disappointment of this boy: he was trying to lead a straightforward life and was trying to forget his past; yet despite all his efforts to keep straight, after six months he was told to leave the job. It is a shock to all of us really; and in spite of appeals by some of our members, the R.A.A.F. Staff Officer refused to reconsider his decision because, as one of the officers put it, the officer responsible for making the appointment was afraid that the families of the personnel and officers in the R.A.A.F. might blame him for not being careful about making appointments in case anything should go wrong. Sir, this is a very painful case, especially to us, members of the Juvenile Welfare Committee, who have been endeavouring to help these boys who come out of remand schools. Therefore, Sir, I appeal to the Minister of Labour and Social Welfare to discuss this matter with the Minister of Internal Security and see that, in future, the records of the Juveniles are taken off

the hands of the Police immediately the Juveniles have been dealt with. Thank you.

Dato' Mohamed Hanifah bin Haji Abdul Ghani (Pasir Mas Hulu): Tuan Pengerusi, saya suka hendak berchakap dalam perkara Kebajikan Masharakat ia-itu di-muka 235 Sub-head 14, Assisted Welfare Institutions and Associations. Tuan Pengerusi, saya berasa sukachita sa-kira-nya peruntukan wang ini dapat di-berikan kapada beberapa jurusan bukan hanya dalam lapangan sokan bahkan di-jurusan² yang penting yang sedang bergerak dalam negeri ini.

Umpama-nya dalam badan² sukarela bahasa dan persuratan ia-itu badan² yang berselerak di-Tanah Melayu ini dan badan² ini-lah yang patut di-galakkan dan di-beri sokongan supaya dapat-lah badan² ini bergerak lebih kuat lagi demi kepentingan bahasa dan bangsa. Badan² yang saya sebutkan ia-lah seperti Lembaga Tetap Congress Bahasa, Pakatan Bahasa Melayu, Persuratan Buku² di-Raja Johor, Lembaga Pembangunan Bahasa Melayu, Angkatan Sasterawan, Persatuan Wartawan Melayu, Persatuan Penulis Nasional (Pena), Gabongan Penuntut Melayu Semenanjung (G.P.M.S.), Ikatan Persuratan Melayu Malaya dan sa-kira-nya pehak Kerajaan dapat memberi bantuan ini maka haruslah badan² ini dapat bergerak lebih kuat lagi menjalankan kerja² mereka, begitu juga bantuan² ini dapat meliputi badan² sukarela lembaga seperti Kumpulan Budi Utara (Kubu), Pintu Gerbang Kerajaan (Gapurajaya), dan badan² seni yang selalu menunjukkan panchak silat dan drama pentas. Badan² yang seperti ini telah banyak di-tubuhkan, tetapi tidak dapat berjalan dengan lancar-nya di-sebabkan galakan dan bantuan dari pehak Kerajaan tidak ada. Jadi, di-antara badan² ini, di-dapati keadaan-nya hidup segan mati ta' mahu, dan termasuk-lah juga badan² kebudayaan itu seperti badan² yang mashhor di-Kuala Trengganu, Kesatuan Pelajar Hiliran. Saya harap pehak Kementerian kita dapat menguntokkan bantuan itu kapada badan² tersebut supaya badan²

ini dapat bergerak giat lagi dalam usaha bagi memajukan kebudayaan Melayu supaya mencapai taraf yang tinggi sa-suai bagi satu bangsa yang telah merdeka. Bagitu juga saya harap supaya bantuan ini dapat di-beri kapada badan² sukarela muhibbah masharakat atau pun badan² sukarela kebajikan, mithal-nya, Kesatuan Bekas Pasokan Keselamatan, PBPKM, yang sentiasa memberi khidmat pada bekas pasokan keselamatan dan kapada anak² isteri mereka. Badan² ini telah bergerak menjalankan usaha², dan kalau sa-kira-nya dapat bantuan daripada Kerajaan maka harus-lah badan² itu akan dapat menjalankan kewajipan-nya. Dan bantuan ini patut meliputi juga kapada badan² khairat kerana pada hari ini banyak badan² khairat yang telah tertuboh, kalau sa-kira-nya ada galakkan dan bantuan itu akan dapat-lah bertambah maju pergerakan yang sa-umpama ini. Satu lagi, Tuan Pengerusi, ia-itu dalam muka 25 sub-head 15 Malayan Association of Blind dua puluh lima ribu lapen puluh ringgit maka pada hari ini bantuan di-berikan kapada orang buta, maka saya harap juga pehak Kerajaan tidak-lah melupakan pertolongan kapada orang² pekak. Kerana dengan memberi pertolongan kapada orang² pekak ini dengan memberi radio telinga, saya perchaya dapat-lah memberi perkhidmatan kapada orang² pekak di-Persekutuan Tanah Melayu ini dan pehak Kerajaan hendak-lah memandang berat juga kapada orang² pekak ini. Sebab itu, Tuan Pengerusi, saya berharap-lah bantuan orang² buta itu dapat di-samakan dengan bantuan orang² pekak. Sub-head 14 Welfare Association supaya dapat di-tambahkan kerana memandang bantuan² itu dapat meliputi seluruh-nya yang saya sebutkan tadi.

Puan Hajjah Zain binti Sulaiman (Pontian Selatan): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap atas perkara yang mustahak, sa-benar-nya banyak perkara² yang hendak saya chakap sudah pun di-binchangkan. Perkara itu ia-lah berkenaan dengan Social Welfare ia-itu latehan kapada pemuda pemudi, badan² pemuda pemudi sa-lain dari-

pada di-lateh untuk menjadi ketua dan lain² maka saya minta-lah di-beri latehan pertolongan chemas kepada pemuda pemudi itu dengan siap alat²-nya sa-kali sama ada di-kampong² atau pun di-bandar². Oleh sebab pertolongan chemas itu sangat berguna bila² masa sahaja. Pertolongan chemas ini juga dapat menghapuskan keperchayaan yang karut², perchaya kepada hantu, tegoran², budak² jatuh di-katakan di-tarek jin dan manakala budak² itu patah tidak tahu pula apa yang hendak di-buat-nya, dan macham² kemalangan lagi yang akan berlaku pada budak² dan orang² dewasa. Di-samping itu juga dapat menolong sa-siapa juga di-dalam kemalangan dengan berani kerana ada pelajaran dalam perkara itu. Tuan Pengerusi, sunggoh pun ada di-ajar kepada Girl Guide, Boy Scout, St. John Ambulance, Red Cross, ini tidak memada² dan tidak meliputi, patut-nya di-ajar kepada semua manusia daripada kechil lagi.

Sa-perkara lagi, Tuan Pengerusi, ada-lah rumah kanak² yang di-sediakan oleh Kerajaan kita untuk menolong anak² yatim dan anak² miskin itu, sangat baik, tetapi manakala sudah di-kumpulkan anak² itu daripada segala bangsa di-satukan tempat tinggal-nya tentu-lah ugama mereka itu berlainan, tidak dapat hendak di-satukan dengan anak² Islam dengan ajaran Islam, hendak-lah pula anak² bangsa lain itu di-beri guru mengajar ugama masing²; sebab apabila di-tanamkan ugama di-dalam jiwa anak² itu, budak² itu akan baik perangai-nya, kerana apa juga ugama di-dalam dunia ini kalau di-amalkan akan menjadikan umat-nya baik. Budak² yang tinggal di-dalam Children's Home di-kehendaki juga di-ajar ilmu pertolongan chemas. Pertolongan chemas ini sangat berguna, kadang² sambil kanak² itu bermain di-chuchok duri atau di-sengat lipan dan sa-bagai-nya, maka dapat-lah di-beri pertolongan dengan chepat. Oleh itu saya harap, Tuan Pengerusi, siapkan-lah alat², kapas, iodine, bandages, dan sa-bagai-nya untuk pemuda pemudi itu belajar.

Mr Chairman: Saya hendak mengingati sadikit dua minit sahaja.

Che' Khadijah binti Mohamed Sidek (Dungun): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap atas muka 233, item (23)—Trained Nurse peruntokan sa-banyak \$277. Saya merasa peruntokan ini tersangat sadikit sa-kali, dan kalau sa-orang nurse di-beri, saya rasa ini ta' ada guna-nya. Saya minta supaya nurse ini di-banyakkan lagi dalam Kementerian ini, kerana saya merasa hendak-lah Kementerian ini mengadakan kereta² bagi membahagi²kan makanan yang berzat kepada anak² di-luar bandar, dan pada tiap² kereta itu, sa-kurang²-nya memakai sa-orang nurse yang tahu tentang hal² makanan yang hendak di-bahagikan itu. Saya meminta supaya peruntokan ini di-banyakkan lagi, dan kereta² itu di-jalankan sa-kurang²-nya sa-kali satu minggu ka-kampong² atau di-luar² bandar bagi membahagikan makanan² yang berzat kepada anak² di-kampong² yang kurang vitamin itu.

Saya rasa ini sangat bersesuaian dengan dasar Pertubohan Bangsa² Bersatu dan negara² lain yang telah menjalankannya, tetapi dalam negeri kita ini, saya nampak belum lagi di-jalankan. Oleh itu, saya minta kepada Kementerian ini mengambil perhatian, kalau betul² hendak menjadikan anak² negeri kita ini sa-bagai anak² yang sihat, dapat belajar dengan sunggoh², maka ada-lah di-harapkan supaya di-bahagi²kan makanan yang berzat kepada mereka itu, kerana anak² di-luar bandar yang kebanyakan-nya terdiri dari ibu bapa yang miskin. Saya minta peruntokan ini di-tambah lagi, kalau sa-kira-nya peruntokan dalam Kementerian ini yang sudah di-chatetkan hanya berjumlah sa-banyak \$277 sahaja, maka saya meminta sa-bagai peruntokan dari lottery board sa-banyak tujuh sa-tengah million ringgit itu di-masokkan kepada social welfare supaya di-ambil lagi peruntokan nurse ini untuk membahagikan makanan² yang berzat kepada anak² di-luar bandar, dan oleh kerana masa tidak menchukupi, maka ini-lah saya merayu kepada Kementerian ini supaya mengambil perhatian yang berat dengan memberi makanan yang berzat kepada anak² di-luar bandar, khas-nya di-sekolah² dan di-kampong² dengan mengadakan kereta² yang berjalan di-

kampong² bagi membahagikan ma-
kanan² itu.

The Acting Minister of Labour and Social Welfare (Enche' V. Manickavasagam): Mr Chairman, Sir, first of all I would like to thank the Honourable Members who have had nice words for some of the officers of my Ministry. The Honourable Members for Bungsar and Seberang Utara had encouraging remarks while at the same time the Honourable Members for Bungsar and Seremban Timor had complaints against some of my officers. Sir, some figures would probably impress the members. During October this year alone my officers dealt with 24 fatal cases and 1,162 other cases besides investigating 558 cases connected with workmen's compensation. This is over and above their normal duties. Nevertheless, if any specific complaints of neglect by officers are brought to my attention, appropriate action would be taken. I would assure the Honourable Member from Seremban Timor that I would investigate the case he mentioned in this House.

Sir, coming to the question raised by the Honourable Member for Bungsar regarding the Trade Union Ordinance, we feel that a certain amount of vigilance is necessary over the finances and administration of trade unions if workers are not to be exploited and unions are to be kept away from opportunists and subversive elements, and this has been said just now by some members of this House. This is a fact and not a myth created by the Government. I would like to quote a passage from the report of the I.L.O. Mission referred to many times by the Honourable Member for Bungsar—unfortunately he is not in the House. Sir, I quote—

"It is evident to the Mission that although there were able organisers and negotiators in the Malayan trade unions, there was a shortage of men with the necessary education and experience to take charge of trade union administration, conduct correspondence and keep satisfactory accounts. This lack of both general and trade union experience is a serious problem which is recognised by the Malayan Trades Union Congress, the leading trade unions and the Government and it is one of the reasons for the importance attached by them to trade union education

and training. Clearly the capacity to read and write is no guarantee of ability to keep proper accounts; nor is it certain that the worker who is willing to go to the trouble of collecting members' subscription will understand the importance of paying the union's money directly into a bank. The fact that confusion and loss have arisen for such very elementary reasons helps to explain the powers conferred upon the Registrar of Trade Unions in regard to the inspection of trade union rules, accounts, election returns and so on. It is important that the trade unions in Malaya succeed, as some of them had already done, in establishing sound administrative practices so that inspection and control by the public authorities may be reduced to a minimum."

Sir, this is the text of the report on the subject by the I.L.O. Mission. I would assure this House, Sir, that any suggestion by the Malayan Trades Union Congress to further strengthen the development of a free and democratic trade union movement in this country would always be considered by the Government.

Sir, I now refer to the remark made again by the Honourable Member for Bungsar in connection with the Port of Penang. The I.L.O. expert is coming here to administer a scheme of administration and not to examine the feasibility of introducing a scheme of registration as stated by the member. The Government accepts the necessity for registration. Registration of labour will do away with contract system and ensure that all labour laws, such as E.P.F. and others, are complied with.

Regarding the National Joint Labour Advisory Council, the Honourable Member alleged that the N.J.L.A.C. seldom meets. Sir, though the full council of the N.J.L.A.C. meets less frequently, various sub-committees dealing with specific subjects meet quite often. He also mentioned the Workmen's Compensation Ordinance. I can assure the House that if, as the Honourable Member said, the M.T.U.C. puts up suggested amendments to the Workmen's Compensation Ordinance, we would consider them. But I must point out that our employment insurance scheme is one of the matters being studied by the social security committee. Such a scheme would ensure that the present draw-backs of the Workmen's Compensation Ordinance

are removed. As I have already said in this House, an M.T.U.C. representative sits on this Committee of social security.

Sir, coming to the Honourable Member for Damansara regarding the restrictive provisions of the Trade Union Ordinance, I would say that, apart from my reply to the Honourable Member for Bungsar on this matter, if four-fifths of the workers are not union members which, incidentally, is a wild guess, it is not so much an indication of the restrictive laws but an indication of how much more could be done by trade unions. The fact that large and effective industrial unions have been formed is proof that much can be done within the framework of the present law itself.

Sir, the Honourable Member for Damansara again alleged that the Ministry of Labour has not done anything, or there are no social security laws in the country. Sir, the Honourable Member must have been in dreamland while we were setting about to work. His short absence from the country cannot explain his complete blank of what we have done. Social security schemes already exist, such as Workmen's Compensation Ordinance, Employees Provident Fund Ordinance, maternity benefits, and so on. What is being done now by the Committee is to see if this can be converted to schemes based on insurance and at the same time to see if new schemes could be introduced. The decision on whether to do something will rest with the recommendations of the Committee and I can assure this House that Government will do whatever is necessary to give workers a more secure and comfortable life.

Sir, the Honourable Member again mentioned about Indian shop assistants. I wish to refer to my speech yesterday where I said that a Wages Council for Shop Assistants has now finalised the Wages Regulation proposals. It is expected that conditions will improve when the Wages Regulation Orders are made.

Sir, again the Honourable Member for Damansara mentioned about social

security measures. I think I have given the answer but I must also say here, Sir, that on this Committee Government representatives, employers and workers representatives sit, and are studying the report. Well, I do not wish to say anything further at this stage.

Sir, the Honourable Member for Bungsar and also the Honourable Member for Bachok had referred to the industrial relations trend in the country at the moment. It should be realised, as I said, that the industrial relations position is not as rosy as it has been, and I said it in my speech yesterday. But if the present trend continues, we will have to think of re-enforcing the voluntary system to make it more effective.

Sir, coming to the Honourable Member for Damansara regarding the Burma/Siam Death Railway, I would say that the provisions under Sub-head 3 of Head S. 48 is for relief to dependants of persons who died on the project. It is not intended as a compensation, which is a matter that does not come under Head S. 48.

In regard to the allocation for the Malayan Association for the Blind, raised by the Honourable Member for Pasir Puteh, the grant in aid of \$25,080 is only meant to cover the cost of running the Braille Publishing Unit and part of the salary of the Secretary-General. The Association's schools and training establishments come under the Ministry of Education's grant for special schools and receives a substantial grant from that Ministry—they receive about \$120,380 for the Gurney Training Centre, \$144,542 for the Princess Elizabeth School for the Blind. So this amount is just for the Secretary-General and for the Braille Publishing Unit.

In regard to the question raised by the Honourable Member regarding assistance for the deaf, that is also in the estimates of the Ministry of Education.

Sir, with regard to the grant-in-aid for youth organisations, I wish to inform this House that no grant-in-aid is given to any political youth organisation as such. Leadership training, too,

is confined to leaders of non-political youth organisations. The P.P.D. is a non-political youth organisation affiliated to the Malayan Youth Council. The fact that some political leaders are leaders of the P.P.D. is just accidental. They joined the P.P.D. in their individual capacity.

Sir, coming again to the Honourable Member for Damansara on the I.L.O. report on the trade union situation—he has asked me to say whether the text he quoted was the view of the Mission or others—I agree that they are the views of the Mission. But if the Honourable Member goes further down below, on the opinion of the Mission about what amounted to union recognition, the Mission gives the opinion, and I would like to read it here, Sir:

“In Malaya these forms of recognition have all been achieved in varying degrees. The legal status of the Malayan trade unions has already been described. There is, as has been, legislation in Malaya ensuring that individuals shall be free to form and belong to trade unions, protecting the rights of members within the unions and safeguarding the position of the unions as legal entities. The limitations placed upon these rights and the reasons therefor have also been explained. In general, it may be said that legal recognition of trade unionism in Malaya has been ensured. Parts of the trade union legislation are similar both in content and wording to that which is in force in the United Kingdom, but the Malayan legislation also has many distinctive features of its own.”

Sir, again the Honourable Members for Bachok, Bungsar and Damansara raised the question of difficulties of trade union recognition.

Enche' Zulkiflee: On a point of information, Sir, I have never mentioned about difficulties of trade union recognition.

Enche' V. Manickavasagam: Well, the Honourable Members for Bungsar and Damansara, anyway, raised the question of difficulties, and some of them felt that there ought to be a law regarding the subject to avoid trouble. I might point out that arrangements already exist between the Employers' Organisation and the Workers' Organisation on the procedures and circumstances under which the question of union recognition ought to be consi-

dered. These arrangements have been working satisfactorily but there are still a small number of employers—I regret to say, Asian employers—who pose the problem. Here again, Sir, I feel that the answer to overcome the problem is not going to be through any legal provision, but through education and the realisation by the employers themselves that disputes over such questions are very expensive and disruptive as far as the labour force is concerned. I am confident that these problems can be overcome if the example of the more enlightened employers is followed by everyone.

Sir, coming again to the Honourable Member for Pasir Puteh on the provision of \$1,075,595 at Head 48, Sir, this amount is for the maintenance of Children's and Old Persons' Homes. Provision for the rehabilitation of fallen women is at Sub-heads 32 and 35. Under the Second Five-Year Plan, three rehabilitation institutions for women and girls have been planned. The first of these will be completed some time towards the end of 1963. Provision for this rehabilitative centre is entered for two months only.

There are legal provisions for the control of prostitution in this country. However, these were enacted pre-war under the then existing constitutional arrangements. The relevant Enactments require amendment and consolidation. This is receiving attention, and the legal provisions will outlaw trafficking in persons, exploitation of the prostitution of others, brothels, soliciting in public for immoral purposes, and will provide punishment of persons engaged in prostitution, management of brothels, and of persons living on the immoral earnings of prostitutes. The legislation will affect all persons irrespective of race or religion.

Sir, a comprehensive plan has been drawn up for the training and rehabilitation of those offending the law. This will include giving them courage, physically and morally, and giving them a new concept of life and instilling in them a liking for work. Vocational training, preferably of their own choice, will be taught, and it will be designed to offer as soon as possible

economic self-support and protection from the risk of further breakdown. Persons discharged, wherever possible, will be found suitable employment and protection from harmful environment.

Sir, coming to the question of assistance to persons, I would like to state here that this is a State matter, and I would like the Honourable Members to take it up at State level—public assistance under the Constitution is a State matter. But, Sir, as I have said assistance is also being given and Honourable Members who brought in the question of assistance for the deaf, I would like to inform them that assistance is being given through the vote of the Ministry of Education.

The Honourable Member for Bagan has raised the question of the Remand Home in Penang. I myself have visited that Home. It was fortunate, as the Honourable Member said, that there was nobody in the house while the disaster took place. We have taken the matter up with the Treasury and we will inform the Honourable Member in due course. Further, I want to congratulate the Committee for the good work that is being done in Penang.

Sir, in regard to the other question that he raised concerning juvenile offences, we have a little difficulty there, but I will take up the matter again with the authorities concerned.

Sir, the Honourable Member for Bachok raised the question of the Railway dispute. I would like to state here, Sir, that the Ministry of Labour, even at this late stage, is doing its best to bring the parties together to resume negotiation on a mutually acceptable basis. However, at this stage, I can only ask that the sense of responsibility would prevail on both sides of this important means of communication so that a peaceful settlement can be brought about.

Sir, one Honourable Member, I think it is the Member for Muar Utara, has said something about rural youth training. Sir, eighty per cent of the clubs are at present in the rural areas, and leadership training has of necessity been geared to the needs of the clubs, particularly in the rural areas. Conse-

quently, a large majority of the youths trained at present are from the rural areas.

In regard to the observation by the Honourable Member for Rawang, I am surprised, Sir, that the Honourable Member who represents the people of that constituency is not aware that there is a Welfare Office in Rawang. *(Laughter).*

Sir, I have made a note of the other comments made by other Honourable Members, and I can assure this House that both in the field of labour industrialisation and social welfare services, we will do what we can for the better living of the people as well as for a better way of life for the people of this country.

Sir, there is another question. The Honourable Member for Dungun has raised the subject of nurses. Sir, I would like to say that this is a post required for the newly established home for mentally defective children, and a trained medical personnel in the form of a nurse is important, since no full-time doctor will be on the staff of this home. Provision has been requested for a period of one month only, and that is why the amount is so small. Thank you.

Enche' Zulkiflee bin Muhammad: Tuan Pengerusi, perkara pemogokan di-dalam keretapi ini ada-lah satu perkara yang besar. Saya telah mengshorkan tadi supaya hal ini di-pandang berat oleh Kerajaan dan jikalau mustahak, pihak Yang Berhormat Perdana Menteri patut-lah mengambil perhatian dalam perkara ini. Saya tahu di-dalam hal ini Cabinet telah mengadakan persidangan-nya dan tawaran akhir telah di-buat oleh pihak keretapi dan penolakan akhir telah di-buat oleh pihak pekerja² itu. Nyata-lah kepada kita perkara itu sampai pada satu peringkat yang tidak boleh di-tahan lagi seperti yang di-katakan oleh Menteri Yang Berhormat; itu saya perchaya-lah sungoh². Saya suka supaya Menteri Yang Berhormat memberikan tegasan di-dalam Dewan ini bagaimana-kah yang nampak oleh Kerajaan supaya hal ini di-hindarkan pemogokan yang mengancham ini, dan jika sa-kira-nya per-

kara ini tidak dapat di-hindarkan, suka-lah saya mendengar apa-ka-h Menteri Yang Berhormat dapati ba-hawa masa-nya sudah sampai hal ini di-betulkan oleh Kerajaan dengan jasa baik Perdana Menteri. Saya nampak ini bersangkutan dengan kepentingan Negara yang patut-lah Menteri Yang Berhormat ini mengambil perhatian yang lebeh panjang berkenaan dengan apa yang saya shorkan ini. Saya minta jawapan ini di-berikan.

Enche' V. Manickavasagam: Mr Chairman, Sir, in reply to the Honourable Member for Bachok, as I have said, we share with him the seriousness of the intended strike, and the Ministry of Labour has for the past few days been doing its best to bring the parties together and to see if a basis could be found for further negotiations. But, unfortunately, Sir, things have not shaped well. However, as I have said, even at this late stage we are doing our best to bring the parties together; and if that fails, as the Minister charged with the responsibility of Labour, I will do what I can that is within my powers.

Enche' Zulkiflee bin Muhammad: Sir, I have a definite request to make to this Ministry. I speak in English so that the Minister can understand what I ask for. This is a serious matter, and I think it is imperative that the Government now resort to the last trump they have in the Government, that is to seek the good office of the Prime Minister if the Minister of Labour thinks he is not able to succeed in this matter, for example, due to the unfavourable situation. I think the best thing is to call on the Prime Minister to intervene in this matter so that this strike can be evaded in the interest of the people of this country. It is on that question that I make my request.

Enche' V. Manickavasagam: Sir, as I have said, the Government fully realises the importance. When I said "the Ministry", I meant the Ministry as well as the Government, and we are doing our best in this matter. Time will tell what action we are going to take.

Enche' Zulkiflee bin Muhammad: Will you, Mr Chairman, Sir, request the Minister to say whether he will consider having the Prime Minister to intervene in this matter? If he says "no", I would like to have a reply here that he does not think that the Prime Minister should intervene.

Mr Chairman: Time is up!

Question put, and agreed to.

The sum of \$8,153,582 for Heads S. 45 to S. 48 inclusive ordered to stand part of the Schedule.

Heads S. 49-S. 54—

The Assistant Minister of Commerce and Industry (Tuan Haji Abdul Khalid bin Awang Osman): Tuan Pengerusi, Saya minta kebenaran mengemukakan Kepala Perbelanjaan 49-54.

Sa-bagaimana Dewan ini telah sedia ma'alum Kementerian Pembangunan Luar Bandar mengikut nama-nya, ia-lah Kementerian Pembangunan dan saya tidak-lah berchadang hendak berchakap dengan panjang lebar di-dalam masaalah meminta kelulusan Dewan ini mengenai perkara² yang di-bawah Anggaran Belanjawan Biasa ini.

Sunggoh pun demikian, saya suka-chita menarek perhatian Ahli² Yang Berhormat bahawa Belanjawan Biasa bagi tahun 1963 untuk Kementerian ini ada-lah lebeh kurang sa-rupa sahaja dengan belanjawan tahun ini, ia-itu tahun 1962.

Sa-sunggoh-nya, ada satu jawatan telah di-tambah di-bawah Kepala 49, Kepala Kechil 2, Perkara 6 yang harus berkehendakkan penerangan. Jawatan ini ia-lah Jawatan Surohanjaya Geran² Tanah. Peruntokan bagi Jawatan baru ini ada-lah di-fikirkan mustahak kerana chadangan Kerajaan hendak menjalankan Undang² Tanah Kebangsaan bagi Negeri² Melaka dan Pulau Pinang. Untuk melaksanakan sharat² Undang² itu, satu undang² yang agak rumit sedikit, dan untuk menyemakan peratoran mengenai pentadbiran tanah di-antara dua buah negeri itu, dan juga untuk mendapatkan kemajuan² bagi menyemakan atoran baru itu ka-dalam atoran Pentadbiran Tanah Persekutuan Tanah Melayu, sa-orang Pesurohjaya yang bertanggung-jawab dengan sa-chara

langsung kepada Menteri yang berkenaan ada-lah sangat² mustahak. Jawatan ini bukan-lah mempunyai tanggung-jawab yang penoh atas melaksanakan, dari sa-hari ka-sahari, sharat² Undang² Tanah Kebangsaan, termasuk-lah kerja² membuat penyiarsatan yang lengkap mengenai Geran² yang lama dan mendengar aduan² daripada pehak² yang menanggung rugi di-dalam pelaksanaan Undang² Tanah Kebangsaan ini. Pegawai yang di-lantek memegang jawatan ini ada-lah akan menjalankan tugas² yang merupakan tugas pegawai undang² dan ia akan membuat keputusan² yang biasa-nya di-buat oleh Mahkamah² Tinggi di-dalam negeri² lain daripada Pulau Pinang dan Melaka. Jawatan ini sudah sa-mesti-nya satu jawatan Tingkat Tinggi dan sungoh pun kerja² menentukan tingkat-nya belum lagi di-selesaikan, saya perchaya Dewan ini bersetuju bahawa lantekan itu ada-lah sangat² munasabah dan kena pada tempat-nya.

Sekarang saya mengambil perhatian Ahli² Yang Berhormat kepada peruntukan yang di-bawah Bahagian Pelajaran Dewasa di-dalam Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Ahli² Yang Berhormat barangkali maseh ingat lagi bahawa dalam ucapan Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar kepada Dewan ini dalam tahun yang sudah, beliau telah menyatakan bahawa Pelajaran Dewasa ada-lah mempunyai peranan yang penting di-dalam usaha melaksanakan dengan jaya-nya Peringkat Kedua Ranchangan Pembangunan Luar Bandar. Sa-benarnya, Pelajaran Dewasa, pada keseluruhannya, akan boleh menjamin kejayaan yang di-harapkan daripada Ranchangan² Pembangunan Luar Bandar Kebangsaan. Ranchangan² Pelajaran Dewasa ini telah pun di-jalankan dan sedang di-jalankan dengan jaya-nya.

Berhubung dengan perkara ini, sambutan daripada ra'ayat ada-lah sangat memuaskan dan oleh yang demikian Kementerian Pembangunan Luar Bandar terpaksa membuka kelas² baharu dan menambah kakitangan² sambilan. Dengan bertujuan hendak meluaskan lagi peluang bagi ra'ayat² yang bukan Melayu negeri ini yang duduk di-kawasan² luar bandar mempelajari

Bahasa Kebangsaan, maka ada-lah di-fikirkan mustahak di-lantek lima orang lagi Penolong Penyelia² Kanan yang bukan Melayu. Mereka ini ada-lah di-tugaskan untok membuat penyeliaan atas kelas² Bahasa Kebangsaan.

Kementerian Pembangunan Luar Bandar ada-lah bertujuan hendak menjadikan ranchangan pelajaran dewasa sa-bagai satu ranchangan yang lengkap. Oleh yang demikian, latehan² Urusan Rumah Tangga bagi pelajar² perempuan kelas dewasa akan di-jalankan dalam tahun 1963. Sa-terus-nya, Pelajaran Ugama juga akan di-beri kepada pelajar² dewasa dalam masa tidak lama lagi. Berhubung dengan Pelajaran Ugama dalam kelas² dewasa, saya suka-lah memberi pengakuan kepada Dewan ini bahawa Pelajaran Ugama itu akan di-berikan oleh Negeri² yang berkenaan dengan kerjasama yang rapat dari Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Sekarang saya suka mengambil perhatian Ahli² Yang Berhormat kepada Kepala 51. Tahun 1963 ada-lah tahun yang berbahagia sa-kali di-dalam sejarah Jabatan Kaji Bumi. Kemajuan² yang telah di-chapai di-dalam Jabatan itu di-dalam masa 60 tahun ada-lah besar, bukan sahaja daripada segi perbandingan belanjawan tetapi juga daripada segi besar dan berat tanggung-jawab yang di-jalankan oleh Jabatan Kaji Bumi jika di-bandingkan dengan tujuan² asal-nya, ia-itu Jabatan itu chuma di-tugaskan di-dalam penye-lidekan puncha² Bijeh Timah di-dalam negeri ini dan bentok logam negeri ini sahaja.

Oleh sebab Kaji Bumi menjadi satu daripada asas besar peranchangan yang ada kena-mengena dengan chara² menggunakan tanah dan chara² menggunakan bahan² atau pun kekayaan² bijeh, maka Jabatan Kaji Bumi ini ada-lah sedang meneruskan usaha² menyelidek bumi negeri ini dengan terator dan yang memakan jangka masa yang panjang. Satu pertiga daripada tugas ini telah pun di-laksanakan oleh-nya. Sambilan itu pula, Jabatan ini sentiasa membuat beberapa penye-lidekan² jangka pendek di-dalam lapangan pembahagian dan kemajuan

logam² negeri ini dan juga membuat penyelidekan ayer di-bawah tanah untuk di-gunakan bagi perusahaan dan rumah tangga. Jabatan ini juga menjalankan penyelidekan² di-atas tapak² yang di-kehendaki bagi mengadakan hydro-electric dan ampangan² ayer. Alat² modern ada-lah mustahak bagi melaksanakan penyelidekan itu. Maka oleh yang demikian, kerja² biasa dan penyelidekan di-dalam makmal mestilah di-usahkan dengan berdasarkan kemajuan² yang ada sekarang ini supaya Kerajaan dan juga ra'ayat akan mendapat perkhidmatan yang chukup memuaskan di-dalam penyelidekan² isi bumi.

Perbelanjaan² Tahunan bagi Kepala 52—Galian—tidak ada perubahan-nya atau pun tambahan-nya daripada tahun yang sudah. Jabatan Galian mempunyai peranan yang besar di-dalam melaksanakan tujuan² Kerajaan hendak memajukan negeri kita ini terutama sa-kali di-dalam ranchangan Pembangunan Luar Bandar. Sa-suatu negeri ada-lah memerlukan ma'alumat² mengenai logam negeri itu. Tanggong-jawab bagi membangunkan perusahaan logam di-dalam sa-suatu negeri ada-lah bergantung kepada Kerajaan Negeri itu dan juga perusahaan negeri itu. Satu daripada peranan Kerajaan Persekutuan ia-lah menyelidik dan menilai kekayaan² logam negeri ini sa-belum sa-suatu kawasan itu di-gunakan bagi pembangunan yang lain daripada perusahaan melombong. Kawasan² yang di-tetapkan untuk pembukaan tanah di-bawah ranchangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dan Kerajaan Negeri terpaksa di-selidek dahulu supaya kekayaan logam atau sa-balek-nya bagi kawasan² itu dapat di-ketahui. Ranchangan² kemajuan luar bandar tidak-lah dapat di-jalankan dengan jaya-nya jika tidak ada butir² menyatakan sa-suatu kawasan itu tidak mempunyai logam² yang berguna atau pun sa-balek-nya.

Jabatan ini ada-lah mengalami kekurangan kaki-tangan² di-dalam tahun² yang sudah, tetapi kedudukan sekarang ini telah beransor baik dan akan bertambah baik di-dalam tahun yang akan datang apabila pelajar² negeri ini balek daripada seberang laut.

Kerja² untuk menggantikan pegawai² dagang di-dalam jabatan ini ada-lah berjalan dengan lancar-nya. Daripada jumlah semua pegawai² Division I dalam Jabatan ini 16 daripada-nya terdiri daripada Pegawai² Tempatan. Maka ini ada-lah berma'ana 70 peratus daripada Pegawai² Division I di-dalam Jabatan ini ia-lah orang² atau pun anak² negeri ini.

Pada penghujung tahun 1965, tarikh akhir bagi menyelesaikan ranchangan Malayanisation, Jabatan ini akan mempunyai Pegawai² Tempatan yang chukup dan berkelulusan bagi memenuhi jawatan² yang di-kosongkan oleh Pegawai² Dagang.

Sekarang saya menarek perhatian pula kepada Kepala 53—Jabatan Ukur. Ada-lah tujuan Kerajaan hendak memperbesarkan lagi Jabatan ini supaya ia dapat menyelesaikan kerja² yang bertambah² di-sebabkan oleh Kemajuan² Luar Bandar. Dalam tahun 1963, pasokan² mengukor akan bertambah bilangan-nya lagi daripada tahun yang lepas. Ada-lah di-harapkan bahawa sa-kurang²-nya 4 daripada 12 pasokan juru² ukur New Zealand di-bawah Ranchangan Colombo yang di-jadualkan habis masa mereka berkhidmat dalam penggal pertama tahun hadapan, akan terus berkhidmat menjalankan kerja² yang di-buat oleh mereka sekarang ini. Sa-bagai yang telah saya sebutkan tadi mengenai Jabatan Galian, usaha² menggantikan Pegawai² Dagang dengan Pegawai² Tempatan dalam Jabatan Ukur ada-lah berjalan dengan lancar-nya. Lapan puluh dua peratus daripada Pegawai² Division I di-dalam Jabatan Ukur sekarang ini ada-lah terdiri daripada Pegawai² Tempatan. Tambahan perbelanjaan sa-banyak \$200,000 di-dalam belanjawan tahun 1963 ia-lah di-sebabkan oleh perbelanjaan yang berkaitan dengan "Cadastral dan Topo Survey."

Tuan Pengerusi, saya mengemukakan Kepala² Belanjawan 49-54 untuk di-luluskan.

Dr Burhanuddin bin Mohd. Noor (Besut): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap berkenaan dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Dalam masa membahathkan polisi

Kementerian Pembangunan Luar Bandar, saya telah menerangkan dan memberi contoh² bahawa rancangan yang besar ini ada-lah di-sambut baik oleh seluroh ra'ayat, tetapi sa-telah rancangan ini berjalan telah ketara beberapa kegagalan dan keburokan di-dalam perjalanan Kementerian ini yang akan menimbulkan kekechiwaan kepada ra'ayat dan kepada negara kelak. Perkara ini tidak payah saya ulangi. Memandangkan kepada keadaan ini, saya rasa perlu-lah Kementerian ini mengadakan satu langkah supaya penyata kira² rancangan ini di-pereksa oleh Auditor-General. Dengan jalan yang demikian kita akan dapat saksi-kelak bagaimana perjalanan Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Tuan Pengerusi, sekarang saya hendak berchakap berkenaan dengan Geological Surveys. Perkara ini telah saya chakapkan dalam Dewan ini dahulu. Yang Berhormat Menteri telah menerangkan bahawa pengajian bumi baharu berjalan satu-pertiga sahaja. Perkara ini ada-lah menjadi asas bagi menentukan kejayaan dan kemajuan serta simpanan negara kita pada masa yang akan datang. Kita berhadapan dengan tiga-perempat lagi Geological Survey yang belum lagi sempurna. Oleh itu, sukar sa-kali bagi kita hendak membuat perhetongan. Saya harap dalam bahagian ini Kementerian dapat membuat persediaan yang tepat betul kawasan² tanah, jenis² logam dan kandungan bumi siap dengan peta sa-kali supaya dapat di-hetong dengan chara garisan besar dan panjang akan benda² ini. Dengan jangkaan ini-lah kita akan dapat mengukor kelak perhetongan bagi pembangunan kita untuk kegunaan negara.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Mines. Sa-bagaimana yang telah di-terangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi bahawa penyiasatan berkenaan dengan lombong² ini maseh di-jalankan lagi. Saya harap penyukatan ini kalau dapat di-kira seluroh deposite kandungan zat² mines yang berharga dalam Tanah Melayu ini supaya kita dapat anggar-kan semua-nya yang ada dalam negeri ini, dan dengan jumlah ini kita dapat menganggarkan perbelanjaan dari satu

tingkat pembangunan kepada satu tingkat pembangunan negara kita. Tuan Pengerusi, hasil logam ini sangat perlu saperti manis tebu. Kalau tebu itu di-perah dengan mengikut suka hati sahaja, maka akan tinggal hampas sahaja. Bagitu juga hasil bumi kalau tidak di-kaji dengan sa-penohnya, maka akan jadi padang jarak padang tekukor. Ini akan merbahaya sa-kali kepada nasib kita. Jadi dengan ada-nya perhetongan yang luas, maka dapat-lah perhetongan kita itu jangka bagi membangunkan ekonomi kita.

Sa-perkara lagi berkenaan dengan Survey. Pada meshuarat yang telah lalu saya telah membangkitkan berkenaan dengan topo map. Dalam soal topo map ini sangat besar guna-nya bagi pembangunan negara. Saya suka hendak tahu sa-takat mana-kah lagi yang belum siap topo map itu di-buat dalam negeri ini? Jika perkara ini belum siap lagi, saya rasa patut-lah di-segerakan, sebab perkara ini mustahak.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Game. Saya hendak berchakap berkenaan dengan kesusahan ra'ayat di-kampung², di-ladang² dan di-dusun pada masa buah²an selalu di-serang oleh musoh yang ganas saperti harimau dan gajah, dan bantuan daripada Game Warden sangat lambat dan mengkechiwakan. Kesusahan ra'ayat ini telah banyak di-bangkitkan oleh Ahli² Yang Berhormat. Mereka itu berkehendakkan senapang untuk memusnahkan musoh² itu. Tuan Pengerusi, apabila menyebut senapang teringat-lah saya kepada bantuan senjata yang di-beri kepada Vietnam Selatan oleh Kerajaan Persekutuan. Saya telah mengatakan bahawa senjata itu patut di-beri kepada orang negeri ini yang memerlukan-nya. Saya minta kepada Kerajaan kalau ada senjata yang burok itu lagi hendak-lah di-beri kepada mereka, dan senjata ra'ayat untuk menjaga keamanan dharurat yang telah di-serahkan kepada pehak polis sa-telah dharurat tamat tidak di-pulangkan sa-mula kepada mereka. Tuan Pengerusi, inilah kesusahan orang kampung untuk memelihara tanaman mereka dan

untuk memusnahkan musuh tanaman² mereka.

Saya rasa dalam perkara ini yang mudah sa-kali jika dapat-lah Head 54 ini membuat perhubungan dengan rapat dengan Head 49 dan begitu juga dengan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri supaya memikirkan membentok satu Jawatan-Kuasa yang akan memikirkan supaya di-adakan peruntukan di-kampung² yang kita utorkan di-kampung itu kata-lah 4 laras senapang di-perlukan satu kampung, manakala Jawatan-Kuasa ini dapat-lah memikirkan nanti bahawa di-kampung ini perlu kepada 4 laras senapang dan di-kampung sana berkehendakkan 6 laras senapang. Maka kampung itu membentok-lah satu Jawatan-Kuasa yang di-ketuai oleh pehak yang di-perchayai oleh Kerajaan di-sana di-adakan kad mithal-nya kita sekarang ada kad keretapi—free pass. Jadi siapa yang sudah di-perchayai di-kampung itu boleh-lah di-berikan surat kebenaran kepada orang yang minta yang sudah di-perchayai oleh Jawatan-Kuasa itu supaya dia memakai senapang kerana muslihat memusnahkan musuh². Dengan yang demikian maka ini ada-lah memudahkan kepada ra'ayat dan dapat di-jalankan dengan serta-merta dan bantuan itu effective—berkesan benar nanti dengan di-berikan bantuan di-kampung² itu untuk memusnahkan musuh² tanaman-nya. Dan manakala ada satu² sesak gempar di-dalam satu² kampung macham serangan gajah atau serangan harimau, serta-merta dia di-beri-lah senapang kepada orang yang boleh di-perchayai. Ini-lah pandangan saya, Tuan Pengerusi, saya berharap dapat-lah perhatian daripada Menteri ini begi muslihat chepat menolong kepentingan² ra'ayat bagi mema'amorkan negeri ini dengan memusnahkan musuh² yang bererti menambahkan penghasilan negeri ini nanti.

Enche' Mohamed bin Ujang (Jelebu Jempol): Tuan Pengerusi, memang tidak dapat di-nafikan oleh siapa pun akan kemajuan yang di-dapati oleh Kerajaan melalui Ranchangan Pembangunan Luar Bandar ini, sunggoh

pun ada sa-tengah² pehak yang mengatankan Ranchangan Pembangunan Luar Bandar ini hanya memberi faedah kepada pehak² yang tertentu atau pun memberi faedah kepada orang² yang berusaha hendak menjadi kapitalis kechil. Kemajuan dan keelokkan atau pun hasil daripada Ranchangan Pembangunan Luar Bandar ini telah nyata kita dapati terutama sa-kali di-kampung² kerana saya dapati di-kampung terutama sa-kali saya dapati di-Negeri Sembilan ini keadaan kampung—di-luar bandar sekarang memang sudah berubah sa-kali. Kalau masa dahulu kampung itu nampak-nya merana tidak sempurna dan sa-bagai-nya tetapi pada masa ini saya nampak semua-nya sudah berubah sa-kali keadaan penduduk-nya memang bertambah baik dan ada-lah merasai nikmat daripada Ranchangan Pembangunan Luar Bandar.

Tuan Pengerusi, sunggoh pun demikian ada juga-lah pehak² yang lupa hendak menerangkan kepada ra'ayat bahawa Ranchangan Pembangunan Luar Bandar ini memang tidak dapat faedah kepada Kerajaan saperti membuat jalan raya mithal-nya itu tentulah merugikan ra'ayat sahaja kerana dahulu penjaga² dan penjual² tidak dapat masok ka-kampung tetapi sekarang sudah dapat masok ma'ana-nya orang kampung sekarang pandai membeli barang² dahulu tidak pernah membeli membelah. Saya rasa kalau kita pandang keadaan sekarang ini kita tidak boleh nafikan bahawa Ranchangan Pembangunan Luar Bandar ini telah berjaya. Kadang² ra'ayat tidak dapat nafikan atau pun tidak sedar perubahan itu mengenai diri-nya sendiri. Kalau dahulu orang² kampung tidak pandai dudok Honda dan sa-bagai-nya tetapi sekarang saya boleh katakan 70 peratus sudah menggunakan kenaikan Honda dan sa-bagai-nya. Jadi nyata-lah sekarang Honda dan Scooter macham anak ayam di-kampung².

Tuan Pengerusi, walau-pun demikian patut-lah saya menarek perhatian Kementerian ini berkenaan dengan dua perkara yang saya fikir patut mendapat perhatian atau pun mendapat

pertimbangan yang baik. Di-dalam muka 242 Sub-head 24 ada di-untokkan wang sa-banyak \$650,000 kerana Kampong dan Rural Projects. Saya faham wang yang sa-umpama ini adalah di-maksudkan untuk mengadakan project² kechil di-kampong² kerana project² besar seperti sekolah, dan jalan raya itu di-masokkan dalam estimate pembangunan. Walau-pun demikian saya fikir \$650,000 itu tidak menchukupi kerana menurut pengalaman saya sendiri banyak benar project² kechil di-kampong² hendak di-buat dan saya rasa banyak wang di-untokkan itu hendak-lah di-tambah sa-kurang²-nya sampai tiga kali ganda wang yang ada itu.

Tuan Pengerusi, dalam pembangunan kampong saya dapati ada pula tempat² itu tidak di-liputi oleh Ranchangan Pembangunan Luar Bandar dan tempat ini tidak pula termasuk di-dalam bandar jadi dudok-nya dalam luar bandar dan dalam bandar. Boleh saya katakan ada beberapa buah kampong yang dudok-nya berhampiran dengan pekan, di-katakan control area dan sa-bagai-nya. Di-kampong ini tidak di-bagi layanan Ranchangan Pembangunan Luar Bandar seperti mana layanan di-bagi kepada bandar². Jadi, saya harap Kementerian ini hendak-lah memikirkan tempat² sa-umpama ini juga mendapat nikmat daripada Kerajaan. Dan juga, saya dapati sekarang Kerajaan telah mengadakan satu chara dalam sa-helai kertas di-masokkan dalam Buku Merah kita khas-nya New Village, dalam New Village ini kita dapati sangat baik kerana dahulu New Village tidak di-masokkan tetapi sekarang sudah di-masokkan dan kadang² pula New Village ini di-dapati banyak perkara² yang patut mendapat perhatian daripada Kerajaan. Kita dapat tahu jika sa-kira-nya New Village itu di-adakan jalan raya atau pun Local Council dan di-pulangkan-lah kepada Badan itu untuk mengator atau membuat ranchangan² untuk ke-baikkan kampong itu sendiri. Tetapi ada pula New Village tidak ada Local Council; ini di-fahamkan di-bawah pentadbiran Pegawai Daerah di-tempat itu. Jadi saya rasa Pegawai Daerah

di-tempat itu hendak-lah di-berikan arahan oleh Kementerian ini chara mana-kah hendak memajukan kampong itu atau pun New Village yang tidak ada mempunyai Local Council atau pun mendapat lebeh baik lagi arahan itu di-berikan kepada Jawatan-Kuasa Daerah bagi Pembangunan Luar Bandar di-mana Local Council itu dudok. Tuan Pengerusi, dahulu dalam Ranchangan Pembangunan Luar Bandar ini banyak-lah kampong² telah menikmati daripada hasil wang yang telah di-bagi oleh Kerajaan bagi bangunan sekolah, surau dan sa-bagai-nya. Pada masa ini saya ada dapat beberapa permintaan ia-itu di-New Village mereka itu hendak mendirikan tempat sembahyang-nya sendiri daripada bangsa China dan India. Jadi, dalam soal yang sa-umpama ini untuk memberikan nikmat dengan Pembangunan Luar Bandar saya harap mendapat pertimbangan oleh Menteri yang berkenaan.

Lagi, Tuan Pengerusi, saya dapati dalam Ranchangan Pembangunan Luar Bandar ini ada kekurangan sedikit ia-itu saya dapati tempat² itu tidak ada di-dirikan masjid atau surau. Saya dapati pada satu tempat di-Sungai Loi sana, mereka di-sana sembahyang di-tempat yang dahulu-nya di-jadikan camp pekerja² dan beberapa usaha untuk mendirikan masjid atau surau sampai sekarang belum dapat di-dirikan lagi. Jadi, soal itu bukan sahaja timbul di-Negeri Sembilan—di-Jelebu-Jempol tetapi perkara ini barangkali timbul juga di-tempat² lain. Jadi perkara ini harap di-timbangkan supaya mereka itu tinggal ada-lah mempunyai surau untuk membuat ibadat. Bagitu juga dalam soal ini mereka kadang² dudok 20 batu dari pekan, tidak ada tempat² pengheboran untuk mereka. Satu daripada chara mereka dapat ia-lah pada satu² masa datang-lah Kereta Perhubungan Raya untuk memberikan mereka penerangan atau hiburan daripada filem² yang di-tunjukkan. Dalam soal ini saya dapati keadaan ini tidak-lah memberi puas hati kerana mereka itu tidak membuat atoran bergilir dari sa-buah kampong ka-sabuaah kampong, saya rasa ini tidak adil. Saya rasa

kampong² sa-mula ini hendak-lah di-buat atoran khas supaya Kereta Penerangan hendak-lah di-tempatkan di-situ sa-bulan sa-kali sa-kurang²-nya bukan 4 atau 5 bulan saperti yang ada sekarang ini. Sa-bagaimana saya katakan tadi mereka itu tidak ada peluang melihat atau menghiborkan hati mereka itu.

Lagi, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Game Warden saya selalu mendapat sungutan dari kawasan saya di-sana kerana tanaman² di-suatu kawasan telah di-musnahkan oleh binatang² liar umpama gajah, rusa dan sa-bagai-nya. Tetapi saya dukachita sa-kali mereka itu ada mempunyai senapang tetapi tidak boleh menembak walau-pun rusa mengancham tanaman² mereka. Rusa² itu tidak boleh di-tembak kechuali Game Warden yang datang dari Seremban. Sa-kiranya tahu Game Warden itu mereka menembak mereka akan di-da'awa di-Court. Ini-lah satu perkara yang saya harap sa-kurang²-nya untuk menjaga tanaman² mereka daripada di-musnahkan oleh binatang² liar tadi dan pada akhir-nya binatang² itu boleh di-sembeleh dan di-makan oleh penduduk² di-situ. Tuan Pengerusi, saya rasa itu-lah sahaja yang saya chakapkan dalam masa yang singkat ini, saya harap perkara sa-umpama ini dapat di-timbangkan oleh Kementerian yang berkenaan.

Enche' V. Veerappen (Seberang Selatan): Mr Chairman, Sir, I wish to make a few observations on Head S. 49, Ministry of Rural Development, and I am particularly concerned over the method of the distribution of money for minor projects. Each year, the Ministry makes a certain allocation for minor projects in the Districts, and what I am concerned is in regard to the method by which this is done. One would often expect that the money should be distributed through the Rural Development Committees which draw up plans for these purposes. However, the distribution is kept very often until the end of the year or it awaits the arrival of some Ministers or Chief Ministers who go round like Father Christmas at the end of the year doling out presents to the people. Well, this

creates quite a lot of confusion and throws out of gear the working of the District Development Committees. When money is supplied at the end of the year, we find that there is a stipulation that the project concerned should be completed by the end of the year, and thus it hardly gives sufficient time for the Committees to tackle this job. As a result of this we find that the contractors make the biggest harvest, because there is such a demand on them that they put up their prices and in the end the real value of whatever that has been done, does not go to the people themselves. I hope the Ministry will take this fact into consideration and that in future allocations will be made early in the year so that the Committees could get on with their jobs fairly well.

The other question I wish to touch is in regard to Sub-head 28, Survey on Sub-division of Estates. We know this matter has been brought up and it has been hanging fire for the last five years. Last year we were assured that the Report on this survey will be ready some time in January this year, but this is the end of the year, and I still find that though the survey has been completed, the Minister did not make any reference to it.

Tuan Haji Abdul Khalid bin Awang Osman: Mr Chairman, Sir, on a point of order—S.O. 66 which says that the debate shall be confined to the policy of the service for which money is to be provided. There is no provision for this particular item in this year's Estimates.

Enche' V. Veerappen: Mr Chairman, Sir, in regard to item 28—Survey on Sub-division of Estates—I do agree with the Assistant Minister that there is no provision required for this year, but we provided this money last year. What has since happened and why didn't you say one word about it—that is my question. As things go on, the people in the estates continue to suffer and even the result of the survey has not been published. I do not know when it will be published, and I hope the Minister will give some indication about that.

Enche' Ibrahim bin Abdul Rahman (Seberang Tengah): Tuan Pengerusi,

saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan juga Menteri Muda Pembangunan Luar Bandar ini kerana sudah menguntokkan sa-banyak 15 juta ringgit ia-itu 4 juta ringgit lebih daripada tahun yang sudah. Di-dalam soal pembangunan luar bandar ini, Tuan Pengerusi, saya rasa tentu-lah bukan sahaja tahniah dan puji di-atas ranchangan ini, tetapi juga kepada Persekutuan Tanah Melayu yang telah menjadi pusat latehan kerana di-dapati banyak pakar² daripada luar negeri yang datang ka-Persekutuan ini kerana belajar dan melihat dengan mata-nya sendiri ranchangan luar bandar yang di-jalankan oleh Kerajaan Persekutuan. Tuan Pengerusi, berkenaan dengan muka 242 item 24 Rural Project. Saya tidak bersetuju bagaimana Ahli Yang Berhormat dari Jelebu-Jempol hendakkan lebih banyak wang lagi untuk ini kerana saya rasa ranchangan ini akan memberi faedah kepada orang kampung dengan jalan² yang baharu 56 kaki dan sa-bagai-nya, kerana orang² kampung itu berkehendakkan project yang kecil² ini, kerana ini-lah yang akan memberi munafa'at atau faedah yang besar kepada orang kampung.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan tahniah kepada Kementerian itu, kita tahu Kementerian itu ada-lah berazam bagaimana kita membacha surat khabar saperti:

Enche' Abdul Rauf bin A. Rahman (Krian Laut): Tuan Pengerusi, saya berdiri ia-lah mengalu²kan Anggaran Belanjawan Kementerian Pembangunan Luar Bandar ia-itu anggaran untuk belanjawan bagi tahun 1963 ini. Tuan Pengerusi, pada pendapat saya ranchangan yang di-buat oleh Kerajaan Perikatan tidak lain dan tidak bukan ada-lah untuk meninggikan taraf hidup orang² yang di-luar bandar, untuk memberi kesenangan² dan kemudahan² kepada orang² yang di-luar bandar. Kita semua ma'alum pada masa yang sudah², siapa pun orang kita sama ada orang Melayu, orang China, atau pun orang India yang dudok di-luar bandar, terutama orang Melayu, maka Kerajaan tidak sama sa-kali mengambil bahagian untuk membela atau untuk menjaga kehidupan orang² di-luar bandar. Tetapi Alhamdulillah, dengan negara kita sekarang yang dapat kemerdekaan, dan kita sudah memerintah sendiri, Kerajaan yang memerintah sekarang ini, ia-itu Kerajaan Perikatan sudah membuat beberapa ranchangan² itu, ada-lah sudah kena pada tempat-nya, dan saya perchaya jika sa-kiranya Kerajaan yang memerintah sekarang ini tidak membuat ranchangan sa-bagaimana yang telah di-jalankan, harus kehidupan orang² di-Tanah Melayu ini akan menerima dan akan

merosot terutama-nya kehidupan orang² di-luar bandar. Tetapi malangnya, Tuan Pengerusi, apakala Kerajaan membuat ranchangan yang baik dan elok untuk faedah orang² luar bandar, ada pula daripada orang Melayu kita sendiri yang ada di-dalam Dewan ini, mengatakan ada-lah ranchangan yang di-buat itu sia² sahaja tidak memberi faedah kepada orang luar bandar. Di-sini saya tidak mahu-lah hendak berchakap macham fikiran orang² itu, tetapi saya berani mengatakan jika sa-orang yang berfaham siasah yang betul², tidak dapat hendak menafikan bahawa ranchangan² itu tidak memberi guna. Tuan Pengerusi, saya tunjukkan di-sini satu daripada perkara yang di-nikmati dan di-rasai oleh penduduk² luar bandar itu, ia-itu empat ribu dua ratus lima puluh tiga orang² ra'ayat Melayu yang sudah ada mempunyai sa-kurang²-nya lapan ekar Tanah pada sa-orang. Kalau kita hitong kepada satu keluarga itu 6 orang, sudah dua puluh lima ribu lima ratus orang yang sudah dapat faedah daripada ranchangan Luar Bandar di-masa yang sudah, Kerajaan juga sa-bagaimana yang di-terangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Kerajaan akan membuka sembilan puluh empat tempat ranchangan baru membuka tanah, di-satu² tempat itu empat ribu ekar. Lebeh kurang tiga ratus tujuh ribu ekar untuk orang² di-luar bandar. Ada-kah kita di-sini berfikir ada-lah hal kedudukan orang² di-luar bandar yang telah merasa kesusahan berpuluh² tahun itu hendak kita biarkan orang itu sa-lama²-nya. Pada fikiran saya berasa sangat hairan banyak sahabat² saya di-dalam Dewan ini mengatakan ada-lah ranchangan Pembangunan Luar Bandar itu sama sa-kali tidak memberi kesenangan kepada ra'ayat tetapi ada-lah menyusahkan ra'ayat. Sa-hingga dalam kawasan saya sudah ada tokoh² party pembangkang mengatakan ada-lah ranchangan Kerajaan memberi tanah itu kepada ra'ayat bererti orang² itu kuda tunggangan Kerajaan, konon-nya tanah itu tidak boleh di-mileki oleh orang² itu sampai bila² masa pun. Tanah itu tidak boleh di-tukar nama atau di-berikan kepada orang² lain. Ini juga saya hairan kita semua memikirkan

perkara itu untuk memberi keselamatan sa-saorang yang mendapat tanah supaya kalau sa-kira-nya tanah itu ditukarkan nama-nya, harus barangkali tanah itu akan di-jual. Ini untuk menjaga keselamatan, tetapi di'ayah dia mengatakan orang² itu menjadi kuda tunggangan Kerajaan. Tanah itu Kerajaan punya sampai bila² masa pun, tetapi dia telah lupa bahawasanya tanah itu tanah reservation. Lain daripada itu, Tuan Pengerusi, untuk memberi kemudahan kepada orang² luar bandar. Di-sini saya hairan bersangkutan dengan jalan banyak kali, bukan tahun ini sahaja bahkan beberapa tahun yang sudah di-katakan apakala Kerajaan membuat jalan ia-lah memberi keuntungan kepada pemodal² dan merugikan ra'ayat sa-bagaimana yang di-katakan oleh rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Melaka Utara tadi mengatakan ada-lah jalan² itu bukan-nya memberi kerugian kepada orang² luar bandar. Kerana apa, jika sa-kira-nya jalan² itu, orang² yang dudok sampai empat batu jauh-nya daripada jalan jika ada hasil² hendak di-bawa keluar, tentu-lah senang kalau tidak ada jalan, hasil² yang banyak itu sudah hilang. Sa-bagaimana yang diterangkan baharu² ini oleh sa-orang wakil daripada Party Islam, ada pisang berharga dua sen sa-kati di-sabelah Pahang, sebab tidak ada pasaran, katanya lagi konon-nya pokok² itu di-dalam hutan dan bertimbun² pisang itu. Jadi di-sini sa-orang mengatakan ada jalan menyusah-kan orang kampung, ada orang mengatakan pula tidak boleh di-bawa keluar barang² untuk hendak di-jual kerana jalan tidak ada, saya hairan atas fikiran kedua² wakil PAS ini.

Berkenaan bekalan ayer, ada saya dengar tentang cherita ini, mengatakan bila ayer atau bekalan api sampai, maka orang² yang ta' ada peti ice, ta' ada dapor karan semua-nya hendak beli, dan kepada orang² yang ta' mampu itu ta' usah-lah beli. Jadi, ada-kah kita ta' suka dengan ada-nya kemudahan² itu di-bawa masuk ka-dalam kampung², dan ada-kah mereka itu suka supaya orang² kampung itu dudok diam sahaja? Saya fikir ini bukan-lah dalam kawasan saya, barangkali pada pen-

dapat saya semua kawasan yang ada dalam Tanah Melayu ini berkehendakan kemudahan² yang saperti itu, begitu juga berkenaan dengan paip ayer

Dato' Mohamed Hanifah bin Haji Abdul Ghani: Untuk penjelasan, kalau di-benarkan.

Enche' Abdul Rauf bin Abdul Rahman: Sekarang lampu merah—bukan lampu hijau!

Saya fikir apa yang di-katakan oleh pehak Pembangkang berkenaan dengan Rancangan Pembangunan Luar Bandar itu, pada fikiran saya hujah²-nya itu semua sa-kali ta' sedap, dan saya perchaya jikalau dengan tidak berdasarkan siasah, atau berdasarkan parti, saya fikir sahabat² saya dari parti Pembangkang akan menyokong juga rancangan Kerajaan ini.

Sa-lain daripada itu, saya suka hendak berchakap berkenaan dengan kelas dewasa sa-bagaimana yang telah di-terangkan oleh rakan saya tadi. Saya fikir, sudah sa-patut-nya-lah di-buat oleh Kerajaan untuk kegunaan dan faedah bagi orang² yang tidak ada pelajaran. Kita tahu yang rancangan itu baik dan ta' kurang dari 60 peratus orang² Tanah Melayu ini, khas-nya orang² Melayu ta' tahu membacha dan menulis, dan dengan ada-nya kelas dewasa ini banyak orang² telah tahu membacha dan menulis, sa-bagaimana yang kita saksikan sendiri sa-masa pertunjukan yang di-adakan dalam Bulan Bahasa Kebangsaan di-Dewan Bahasa dan Pustaka, empat orang perempuan Melayu yang belajar dalam kelas dewasa yang dalam masa enam bulan sahaja mereka boleh membacha surat, ini saya tengok sendiri dan saya perchaya Ahli Yang Berhormat itu ta' pernah menengok-nya. Ini bukan-kah ini satu perkara yang baik? Yang mereka tahu membacha dan menulis serta memberi kesenangan kepada mereka? Ada-kah kita hendak mengatakan supaya jangan di-beri pelajaran kepada mereka?

Saya suka juga hendak menarek perhatian pehak yang berkenaan, berkenaan dengan fasal pembukaan tanah baharu. Saya ada mendengar rungutan² daripada mereka² yang mengatakan

bahawa pengurus atau manager ditempatkan pembukaan tanah baharu itu selalu berchakap kasar dengan tengkah laku-nya yang kurang elok, saya ta' tahu-lah orang itu, barangkali, boleh jadi betul atau tidak terutama orang puteh. Bila mereka² itu mengadu hal kapada-nya, dia chakap keras, kerana kata mereka mereka hanya menumpang sahaja, jadi dengar chakap dia sahaja. Kalau bagitu, saya berharap kapada Kementerian ini supaya menyiasat di atas perkara ini, jikalau sunggoh yang perkara ini berlaku, maka jangan-lah hendak-nya melakukan perchakapan yang kasar kapada orang² yang mendapat tanah dalam jagaan-nya itu.

Kepala 53—Survey. Sa-bagaimana yang telah sudah², sa-suatu kelambatan berkenaan dengan ranchangan pembukaan tanah baharu itu ia-lah diadakan lambat sedikit. Alasan²-nya ia-lah kekurangan kaki-tangan yang hendak bekerja, dan saya harap supaya Kementerian ini menchari jalan dengan sa-berapa boleh bagi membanyakkan lagi orang² yang bekerja di-dalam-nya, dan sa-lain daripada itu supaya perkara ini dapat di-jalankan dengan tidak ada apa² halangan di-masa hadapan dan dengan yang demikian, saya perchaya ranchangan kita akan dapat berjalan dengan lichen. Saya, sa-kali lagi menguchapkan sa-tinggi tahniah kapada Kementerian ini yang telah membuat ranchangan² yang sudah berjalan dan sedang berjalan dan akan di-jalankan pada masa yang akan datang.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah (Kota Bharu Hilir): Tuan Pengerusi, saya suka juga hendak mengambil bahagian sedikit dalam Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini. Saya berchakap dalam item (7)—Principal Assistant Secretary; item (8)—State Development Officers dan sa-terus-nya Rural and Industrial Development Authority; dan sub-head 3—Pilot Development Schemes; sub-head 24—Kampong and Rural Projects; sub-head 28—National Land Code dan lain² lagi. Tuan Pengerusi, ini ada-lah menunjukkan bahawasa-nya tujuan kemajuan luar bandar yang telah di-ranchangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar ini ia-lah satu ranchangan yang besar

dengan mempunyai satu tujuan yang baik dan bagus ia-itu hendak menghapuskan kemiskinan yang ada di-sisi penduduk² di-luar bandar. Sekarang ini baik-lah kita bertanya sa-bentar, apakah sebab-nya maka orang² yang dudok di-luar bandar itu miskin? Bagi menjawab soal ini, dapat-lah kita ketahui bahawasa-nya ada dua sebab yang besar yang telah menjadi penduduk² di-kampong² itu miskin. Pertama-nya ia-lah kerana tanah² yang di-punyai oleh mereka itu luas-nya ia-lah tidak memberi hasil yang mencukupi bagi kehidupan mereka, atau pun dengan nama yang lebeh di-ketahui ia-lah uneconomic holding. Yang kedua, sebab-nya orang² di-luar bandar itu miskin ia-lah kerana under-employment ia-itu masa mereka itu bekerja ter-sangat sedikit. Dalam satu tahun, chuma mereka bekerja di-antara enam atau tujuh bulan dalam sa-tahun, dan yang lima bulan lagi itu mereka tidak bekerja apa². Ini-lah dua sebab-nya yang besar yang menjadikan penduduk² di-luar bandar itu miskin dan pendapatan mereka itu sangat kecil.

Baharu² ini Lady Thomson, sa-orang expert dalam nutrition di-mana dia sendiri telah masuk ka-kampong² bagi menyelideki di-atas perkara kehidupan orang² kampong dan makanan mereka itu. Beliau telah mengeluarkan satu berita dalam surat khabar yang bertarikh 20 haribulan November bahawa sa-nya ada-lah orang² kampong itu miskin, dan oleh sebab kemiskinan mereka itu maka makanan² yang mereka makan itu tidak mempunyai zat yang boleh menjamin kesihatan badan mereka itu, dan pendapatan mereka itu pada tiap² bulan tidak sampai 60 ringgit. Dari sini dapat-lah kita tahu bahawa orang kampong ia-lah orang yang miskin. Kemiskinan mereka itu di-sebabkan oleh dua perkara. Yang pertama, uneconomic holdings dan yang kedua-nya under-unemployment. Sebab uneconomic holdings ia-itu luas tanah yang di-mileki oleh mereka itu kecil di-sebabkan oleh sub-division atau pun tanah mereka itu di-kecil² dan di-pechahkan² sebab mengikut undang² pusaka (law of inheritance). Sekarang chuba kita periksa ada-kah kemajuan luar bandar yang di-jalankan oleh Ke-

rajaan ada menguntungkan atau dapat mengatasi kemiskinan ra'ayat di-sebabkan oleh dua perkara tadi? Yang pertama, uneconomic holdings itu ada-kah Kerajaan telah membuat satu langkah untuk menjadikan tanah² itu economic holdings? Sa-bagaimana yang kita tahu mengikut statistics yang di-keluarkan oleh Kementerian Pertanian di-dalam masa 5-6 bulan yang lalu mengatakan bahawa kebanyakan tanah yang di-punyai oleh orang² di-luar bandar tidak sampai 2 ekar bagi satu kelamin. Katakan-lah yang 2 ekar itu sawah padi. Satu ekar sawah mengeluarkan padi hampir² 300 gantang, jadi kalau 2 ekar akan mengeluarkan 600 gantang. Kalau harga padi 50 sen sa-gantang sa-bagaimana yang ada sekarang ini, maka tiap² satu kelamin itu mendapat \$300.00 sa-tahun. \$300.00 ini kalau di-bahagi dengan 12 bulan, maka mereka itu dapat \$25.00 sa-bulan. Ada-kah pendapatan yang \$25.00 sa-bulan ini cukup bagi satu kelamin itu untuk makanan, pakaian, belanja anak²-nya bersekolah dan lain²? Tentu-lah jawabnya pendapatan yang \$25.00 itu tidak menchukupi sama sa-kali. Apa-kah yang Kerajaan telah buat untuk hendak mengatasi kemiskinan ini? Yang kita tahu Kerajaan ada membuat jalan raya. Jalan raya ini memang ada guna-nya, tetapi ada-kah jalan raya ini dapat menambah pendapatan yang \$25.00 itu menjadi \$300.00 sa-bagaimana Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri selalu menyiarkan dalam siaran radio bahawa Ranchangan Pembangunan Luar Bandar ini akan menambah pendapatan orang kampung daripada \$50.00 menjadi \$300.00. Katakan-lah, Enche' A mempunyai dua ekar tanah yang mana dahulu di-hadapan rumahnya itu tidak ada jalan raya, sa-telah di-jalankan ranchangan pembangunan luar bandar, jalan raya yang besar telah di-buat di-hadapan rumah-nya. Adakah dengan jalan raya ini boleh menambahkan pendapatan mereka yang \$25.00 itu menjadi \$300.00? Jawab-nya tentu-lah tidak. Saya tidak menafikan bahawa jalan raya ada-lah satu kemudahan, tetapi dia tidak boleh menambah pendapatan yang \$25.00 itu menjadi \$300.00. Begitu juga tentang letrik, bekalan ayer dan Balai Raya itu ada-lah satu kemudahan, dan kita

aku kemudahan ini. Sekarang ini kita masuk Dalam Ranchangan Lima Tahun yang Kedua. Kerajaan belum lagi membuat satu langkah untuk menambah pendapatan orang kampung.

Enche' Hassan bin Mansor (Melaka Selatan): Tuan Pengerusi, untuk penerangan

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Saya tidak ada masa—lain kali (*Ketawa*). Saya suka mengeshorkan satu jalan bagaimana hendak menjadikan economic holdings, ia-itu ada satu projek yang di-namakan consolidation of holdings ia-itu tanah² yang sa-tengah ekar atau suku ekar itu di-jadikan 6-7 ekar. Tetapi sayang-nya jawapan yang saya terima daripada Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri

Enche' Hasan bin Mansor: Tuan Pengerusi, on a point of order.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Order nombor berapa?

Enche' Hassan bin Mansor: Saya akan terangkan kepada, Tuan Pengerusi. Apabila on a point of order hendak-lah dudok dahulu. Standing Order 36 (1). Nampak-nya Yang Berhormat itu hendak mengelirukan Dewan ini, sebab tentang economic holdings itu Kerajaan ada buka tanah saperti ranchangan "fringe alienation". Perkara ini tidak di-sebut langsung.

Mr Chairman: Dia boleh berchakap dalam perkara itu.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Terima kaseh, Tuan Pengerusi. Sayang-nya Yang Berhormat itu tidak mengerti tentang ranchangan tanah pinggir . . .

Mr Chairman: Proceed.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Sebab yang kedua orang kampung itu miskin ia-lah under-unemployment. Mereka itu bekerja dalam sa-tahun chuma 6-7 bulan sahaja. Apabila kita selidiki ranchangan luar bandar adakah langkah telah di-jalankan oleh Kerajaan untuk mengadakan perusahaan kechil di-kampung² supaya mereka itu dapat bekerja pada masa

mereka itu tidak ka-sawah atau pun tidak membuat pekerjaan yang lain, tidak ada. Kerajaan akan menjawab bahawa kita ada satu bahagian tentang perkara itu ia-itu RIDA. Tuan Pengerusi, saya yakin tujuan asal mendirikan RIDA ini ia-lah untuk hendak membuat perusahaan kecil atau menggalakkan perusahaan kecil yang ada di-kampung² supaya orang kampung yang under-unemployment dapat bekerja pada masa mereka itu tidak ka-sawah, dengan jalan ini dapat membaiki taraf hidup mereka itu. Sekarang ini chuba kita selidiki apa yang telah di-jalankan oleh RIDA. Tuan Pengerusi, sa-bagaimana yang kita tahu RIDA sekarang ini memberi pinjaman wang yang kecil seperti \$1,500 atau \$2,000 walhal RIDA sendiri tidak ada mempunyai wang. Saya banyak menerima rayuan dan aduan dari orang—orang dalam kawasan saya ia-itu mereka telah meminta pinjam \$10,000 mereka hanya dapat \$1,500 tetapi masa wang itu di-beri hampir² sa-tahun. Kadang² perusahaan itu telah bankrupt baharu cheque daripada RIDA itu datang. Ini ada-lah mengkechiwakan.

Tuan Pengerusi, saya telah berjumpa dengan sa-orang Pegawai RIDA di-Machang. Saya telah berchakap tentang perkara ini. Pegawai ini mengaku kebenaran saya. Kata-nya: "Perkara ini tanggung-jawab Kerajaan Pusat. Pegawai itu mengatakan dahulu di-sini ada dua orang pegawai, tetapi sekarang ini tinggal sa-orang sahaja untuk menjaga tiga Jajahan, bagaimanakah saya hendak menjaga tiga Jajahan ini? Sekarang ini orang yang hendak meminjam wang daripada tahun 1961 maseh ada lagi dalam tangan saya yang tidak dapat di-hantar kepada Kerajaan Pusat," kata-nya. Bagini-lah kedudukan RIDA yang ada pada masa sekarang. Jadi dapat-lah kita ketahui bahawa RIDA telah tidak dapat memenuhi kewajipan-nya. Maka telah tiba-lah masa-nya bagi Kerajaan menubuhkan satu jawatan-kuasa (commission) untuk menyelidik apa sebab-nya RIDA tidak dapat berjalan, dan apa langkah yang sayugia di-jalankan supaya dapat-lah betul² tujuan asal mendirikan RIDA itu,

ia-itu memberi manafa'at kepada orang² kampung supaya pendapatan mereka itu bertambah. Nampak-nya belum ada lagi langkah yang di-buat.

Tuan Pengerusi, sekarang saya hendak berchakap berkenaan dengan Adult Education. Peruntukan bagi tahun ini telah di-tambah sa-banyak \$3 juta. Nampak-nya Kerajaan memberi perhatian yang lebeh kepada Adult Education, walhal kehidupan orang kampung maseh lagi meleset dan mereka itu miskin. Nampak-nya polisi Kerajaan tidak membuat "priority" ia-itu yang penting dahulu di-jalankan. Sungguh pun Adult Education ini ada faedah-nya, tetapi kemiskinan ra'ayat hendak-lah lebeh dahulu di-hapuskan.

Enche' T. Mahima Singh (Port Dickson): Mr Chairman, Sir, I speak on Head S. 49, Sub-head 1. One of the most outstanding and successful achievements of the Alliance Government has been the conceiving of the Plan and the implementation of the rural development scheme. This has resulted in the peasantry and our rural population getting a lot of happiness, and thereby creating contentment among these people. These people have been the neglected lot, and it is only fair and proper that the Alliance Government should attend to their needs. The result could be easily seen from praises that we have received from distinguished visitors from various countries, and not the least from visitors of the Borneo territories, where it is felt that the experience gained in our country would be most helpful.

The implementation of the rural development scheme has resulted in a new consciousness and a feeling of responsibility among the rural people. I would suggest to most of the Opposition Members that they pay more visits to the rural development areas and mix with the people, then they will be surprised to know how fortunate these people consider themselves to be. As one of my colleagues has pointed out, it was not long ago that a dweller in a rural area would have had to walk, perhaps in the dark, through mud and water, miles before he could buy the very simple neces-

sities of life, like sugar, tea, or matches.

Sir, it has been said that you cannot improve the economic position of a rural area dweller with a limited area of land. I would like to disagree on this, because, as has been pointed out here, the dweller would definitely be able to get better value for his land and, perhaps, by getting into contact with other areas, he would be able to improve his produce of agriculture, or poultry, or whatever his line may be.

Next, Sir, I would like to compliment the Ministry on the correct timing in bringing about the rural development scheme. We have a very common disease—communism—and this disease thrives only among people who are frustrated and who do not have anything to speak of, who do not own anything to speak of. People who own land, who have their own houses, who are happy and contented, will not be converts to this disease—and, perhaps, some other parties might be disappointed that these contented and happy people will not be converts to their false ideology. The success of the scheme is again proved by the demand being always in excess of the supply. I have been round to my constituency and everywhere there are hundreds of people waiting to have their turn and hoping that they will be able to secure a piece of land, even if it be faraway from their present dwelling places.

Sir, any new scheme, to start with, cannot be perfect, and I will not claim, nor suggest, that the rural development scheme is perfect, but as we go on we will know how to carry out improvements. I will look upon the scheme as the first phase, where the majority of areas that benefit are the kampongs. The second phase has now been announced by the Government whereby the new villages will benefit. And I hope and appeal to the Minister in charge that we will be able to have very soon the third phase, where the third part of the Alliance, the Indian group, will also benefit by the rural development scheme, because this group, Sir, is neither in the kampongs, and nor is it a property owning group

in the towns. I think that if the Ministry were to do a survey, it will find that this group is the least land-owning group. Many of the people in this group are working on estates as rubber tappers; the others in the towns are perhaps, employed in the municipality or the railway. I would appeal to the Ministry to make a study of this group, so that something could be done for them. It will not be satisfactory to the country or to the people just to say that we have two or three schemes for their benefit. What I would like to see here is that they receive the same share in proportion to their numbers, or in proportion to the units. Further, perhaps, we would have to sell the new idea to our intellectual group; and perhaps the schools and universities could be asked for assistance, so that the intellectual group before leaving school and college will be made aware of the responsibility that they as future leaders of the country should not neglect to do what they can for the rural areas. Thank you.

Enche' Ismail bin Idris (Penang Selatan): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap sedikit sahaja. Saya terpaksa berchakap di-atas Ministry of Rural Development. Atas nama rakyat di-kawasan saya dan semua kawasan termasuk-lah kawasan Socialist Front atau PAS kalau ada, saya menguchapkan berbanyak² terima kaseh kepada Menteri yang berkenaan ini kerana didalam kawasan saya 90 peratus daripada ranchangan² telah pun siap sedia. Satu perkara yang saya suka hendak menyatakan di-dalam Majlis ini saya sangat²-lah kesalkan di-atas ucapan wakil dari Dato Kramat tadi sebab dia datang daripada satu negeri dengan saya kerana pada pendapat saya dia kurang faham dan kurang tahu dan dia kurang melihat di-kawasan² yang dia chakapkan tadi.

Dia telah menyentuhkan jalan² sampama-nya Pantai Achi, sa-belum saya hendak melanjutkan ucapan saya, saya suka menyatakan dalam Majlis ini bahawa satu ranchangan yang hendak di-jalankan di-kawasan saya itu hendak-lah terlebih dahulu di-chadangkan oleh Jawatan-Kuasa

Kemajuan Kampong bagi tiap² kampong. Maka chadangan² itu di-bawa kepada Jawatan-Kuasa Daerah dan apakala di-persetujukan maka baharulah ranchangan itu di-jalankan. Ber-balek saya kepada ranchangan membuat jalan Gertak Sanggol dan di-Pantai Achih, kedua² tempat itu adalah penting kerana di-hujung jalan itu ada di-dapati dua buah pekan ia-itu pekan² yang ada kait mengait dengan soal perikanan atau nelayan. Maka penduduk kawasan itu lebeh kurang 90 peratus terdiri daripada orang² nelayan bangsa China. Jadi, permin-taan² itu ada-lah datang daripada kawasan itu sendiri. Tetapi sebab penduduk kawasan itu banyak orang MCA harus-lah wakil Dato Keramat itu berasa kurang sedap sedikit walau-pun bukan sahaja orang² MCA yang meminta tetapi seluroh ra'ayat di-kawasan itu. Sa-kira-nya dapat di-minta undi saya fikir 95 peratus orang² itu berkehendakkan jalan. Saya sunggoh berasa kesal terhadap ucapan Yang Berhormat tadi mengatakan tidak ada sama sa-kali guna dan faedah-nya Ranchangan Pembangunan Luar Bandar itu. Saya hanya bagi satu misalan di-kawasan saya di-Telok Kumbang sabuah Jetty yang berharga 178,000 telah siap sedia. Sa-belum jetty itu di-bena sangat-lah susah nelayan untuk mendarat kerana apa-kala ayer surut lebeh kurang 1,000 kaki jauh sangat-lah susah mereka itu apa-kala hendak membawa balek tang-kapan-nya terpaksa-lah kena tolak perahu. Sa-hingga kadang² keadaan mereka itu dapat luka², apakala mereka itu datang di-pantai itu hendak menjualkan, harga ikan² itu, pada masa itu murah sa-kali, tetapi dengan ada-nya jetty di-bena maka harga ikan juga tinggi. Ini satu faedah yang baik. Orang² kampong dan orang² nelayan sangat-lah berfaedah dengan ada-nya jetty itu, ini ia-lah satu Ranchangan Pembangunan Luar Bandar yang telah di-buat di-sana. Sa-lain daripada itu Yang Berhormat mengatakan pembinaan kelinik² yang ada di-kawasan saya ia-itu 5 kelinik yang baharu di-buat. Tetapi apakala kelinik² itu siap di-serahkan kepada Pejabat Perubatan untuk menjalankan kerja-nya. Ini memang-lah biasa juga mana-

kala di-serahkan kepada pejabat masing² maka ada-lah menjadi kewaji-pan masing² untuk menjalankan-nya. Sa-lain daripada itu juga perusahaan sedang di-usahakan oleh ra'ayat itu sendiri ia-itu sa-buah kilang belachan telah di-jalankan dan di-dapati sangat memuaskan. Jadi, lagi sa-kali saya katakan di-sini ia-itu Ranchangan Pembangunan Luar Bandar yang di-jalankan atau di-usahakan oleh Kera-jaan Perikatan itu ada-lah memberi faedah yang banyak kepada ra'ayat.

Enche' Abdul Razak bin Hussin (Lipis): Tuan Pengerusi, saya di-beri peluang menguchapkan terima kaseh dan mengalu²kan Kementerian Pem-bangunan Luar Bandar ini. Sa-lain daripada itu saya membawa sedikit masaalah muka surat 253 Taman Negara. Ini ia-lah sa-buah taman sekarang ini tempat pelanchong. Jadi, saya shorkan dan merayu kepada Kementerian ini di-jadikan Taman Negara itu sa-buah taman yang betul² tempat pelanchong. Jadi kalau sa-kira-nya Menteri itu berunding dengan Kementerian Perusahaan supaya di-jadikan betul² Taman Negara sabagai tempat pelanchong yang terkemuka di-dalam Persekutuan ini. Di-sini ada banyak tempat yang baik bagi pemandangan, pemeliharaan binatang, masaalah besar bagi menyegerakan jalan pergi daripada Taman Negara itu kerana di-situ kalau kita jalan dengan motor mengambil masa walau pun tempat itu endah. Di-sini saya merayu kepada Menteri Yang Berhormat satu perkara supaya masaalah Taman Negara itu boleh di-perbaiki dalam masa yang sa-chepat mungkin untuk faedah kepada pelan-chong² sambil itu saya suka-lah juga merayu kepada Kementerian yang ber-kenaan membaiki lagi keadaan rumah² di-tempat itu kerana tempat pelanchong itu ada-lah terkemuka. Jadi, Tuan Pengerusi, pertolongan ini sangat-lah baik tetapi kalau di-buat tentu-lah bertambah baik lagi. Saya menyentoh sedikit masaalah yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Dato Keramat. Saya tidak ber-hajat menjawab ucapan yang bagitu rendah yang boleh mengukor sa-tinggi mana hemah Ahli Yang Berhormat

dari Dato Keramat itu, sa-lain daripada pehak saya sendiri menguchapkan tahniah kapada kebolehan Menteri Pembangunan Luar Bandar itu menanggongkan satu paluan ka-pehak Pembangkang satu senjata yang boleh merosakkan chita² Barisan Socialist. Ini satu daripada chontoh kemenangan Perikatan yang berlawan dengan Socialist Front, ini sudah menentukan bahawa kalau kita lagi kuat memang tidak ada chan

Mr Chairman: Masa sudah chukup saya hendak beri peluang kapada Yang Berhormat Menteri.

Enche' Abdul Razak bin Hussin: Tidak berkunchi, Tuan Pengerusi, nanti-lah saya kunchikan sadikit.

Mr Chairman: Sa-tengah minit sahaja.

Enche' Abdul Razak bin Hussin: Jadi mari-lah kita berlindung daripada orang² yang dengki kapada Allah, kita mohon pertolongan mempertunjokkan ra'ayat Tanah Melayu ini sedar dimana benar dan tidak dan kapada wakil Dato Keramat itu mudahan² Allah pertunjokkan dan chelek-lah mata hati kapada keadaan yang nyata.

The Minister of Health (Enche' Abdul Rahman bin Haji Talib): Tuan Pengerusi, saya telah mendengar ucapan² yang panjang lebar yang telah di-buat oleh Ahli Yang Berhormat dari Dato Keramat. Kesimpulan daripada ucapan-nya yang panjang lebar itu ada-lah bagini. Kalau fikiran-nya keliru dan chuba hendak mengelirukan bukan sahaja Dewan ini tetapi ra'ayat dalam negeri ini sa-luroh-nya. Sa-bagai satu chontoh yang saya katakan fikiran-nya keliru ia-lah masalah² yang dia mengeshorkan bahawa sa-orang Menteri yang khas hendak-lah di-lantek menjadi Menteri Pembangunan Luar Bandar. Ta' lama dia berchakap berkenaan dengan hal itu dia juga mengatakan bahawa kerja² yang di-buat di-bawah Ranchangan Luar Bandar itu ada-lah kerja² biasa yang boleh di-jalankan oleh Menteri² lain. Jadi, menunjokkan bahawa fikiran-nya bukan sahaja keliru tetapi tidak ada mempunyai satu pegangan pun. Saya suka-lah menjelas-

kan bahawa Kementerian ini di-pegang oleh sa-orang yang menjadi Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri Pertahanan kerana sebab yang pertamanya Kementerian ini ia-lah Kementerian yang menghubungkan atau pun "co-ordination" atau pun berunding dengan Kementerian² yang lain seperti kesihatan, pelajaran, tanaman dan lain² Kementerian yang berhubung dengan Pembangunan Negara dan sebab yang kedua kita tidak mengadakan sa-orang yang khas bagi memegang kerja ini ia-lah kerana kita memikirkan bahawa wang yang kita belanjakan untuk kemajuan negeri ini ada-lah lebeh mustahak daripada kita ambil orang lain bagi memegang jawatan Menteri. Dan dalam ucapan-nya yang panjang lebar itu, satu sahaja kesimpulan yang saya dapati ia-itu dia berasa takut yang ranchangan kemajuan ini berjalan dengan baik, apabila ranchangan² berjalan dengan baik, maka ra'ayat akan mendapat kesenangan. Yang sa-benarnya, barangkali juga wakil dari Dato Kramat ta' suka yang ra'ayat negeri ini mendapat kesenangan, sebab-nya dia ta' suka ra'ayat negeri ini mendapat kesenangan, semua-nya itu kita tahu ia-lah oleh kerana apabila ada kesenangan maka tidak-lah ada lagi tempat bagi-nya untuk mengembangkan sayap, atau kunchu²-nya bagi mengembangkan pengaroh dan fahaman-nya.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, yang saya suka hendak menjawab ia-lah perkara yang telah di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat wakil dari Kota Bharu Hilir ia-itu berkenaan dengan sebab²-nya kemiskinan bagi orang² kampung. Pertama dia mengatakan berkenaan dengan "uneconomic holding" dan yang kedua "under-employment". Beliau juga telah menudoh bahawa Kerajaan tidak menjalankan sa-barang langkah untuk membuatkan perkara itu. Saya suka hendak menjelaskan bahawa Ranchangan Kemajuan Tanah yang di-jalankan oleh F.L.D.A. itu ia-lah bertujuan hendak memberi tanah kapada orang² yang tidak ada mempunyai tanah, dan apabila telah di-beri, maka di-adakan-lah satu sharat yang tanah itu tidak-lah boleh di-peraidz²kan kapada tuan yang meninggalkan-nya. Ranchangan²

berkenaan dengan Ranchangan Pinggir itu ia-lah hendak memberi tanah yang cukup kepada orang yang ada mempunyai tanah, tetapi tidak mencukupi bagi nafkah hidup keluarga-nya. Inilah yang di-jalankan di-bawah Ranchangan Tanah itu ia-itu dengan tujuan hendak membetulkan perkara yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu Hilir itu. Jalan² raya, pusat² kesihatan dan sa-bagai-nya itu ada-lah hanya sa-bahagian daripada ranchangan² kemajuan luar bandar kita, dan satu perkara yang saya suka hendak menerangkan ia-lah masalah berkenaan dengan memecahkan, atau memperaidzkan tanah itu apabila sa-sorang itu mati. Pada masa saya dalam Kementerian Hasil Bumi dahulu, saya telah mengkaji tentang perkara ini dan di-dapati bahawa masalah ini ada kait-mengait-nya dengan hal² yang berthabit dengan hukum² ugama Islam kita. Saya suka menyatakan dalam Dewan ini, jika sa-kira-nya PAS sanggup menyokong supaya di-adakan undang² bagi menahan daripada tanah ini di-peraidz²kan, Kerajaan sedia akan memberi pertimbangan dalam hal ini.

Tuan Haji Abdul Khalid bin Awang Osman: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya menguchapkan berbanyak terima kaseh kepada rakan² saya yang telah memberi sokongan yang kuat kepada segala usaha² yang telah dan sedang di-jalankan oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri sa-bagai Menteri Pembangunan Luar Bandar ka-arrah hendak meninggikan taraf penduduk² di-kawasan luar bandar khas-nya dan ra'ayat Persekutuan Tanah Melayu seluroh-nya.

Saya fikir berkewajipan membuat berbagai² tegoran di-atas perkara² yang telah di-bangkitkan oleh beberapa orang Ahli² Yang Berhormat seperti yang telah kita dengar di-dalam Dewan ini.

Ahli Yang Berhormat dari Bachok mengatakan bahawa Kerajaan memboroskan wang dengan menjalankan ranchangan Pembangunan luar bandar. Saya berasa sangat dukachita di-atas tuduhan ini, sebab parti beliau itu mengagong²kan hendak membela nasib orang² yang miskin dan kita tahu

benar bahawa sanya orang² yang miskin itu kebanyakan-nya ia-lah orang² yang duduk di-kawasan² luar bandar, dan nampak-nya apa yang beliau chakapkan di-sini ada-lah lain daripada apa yang beliau chakapkan sa-masa beliau itu berada di-kampung², khas-nya pada masa kempen² pilihan raya. Nampak-nya, dasar parti beliau pada masa dalam Dewan Ra'ayat ini ada-lah berlainan sangat dengan dasar apa yang di-chakapkan oleh beliau di-luar daripada Dewan Ra'ayat. Sa-benar-nya kita tahu, oleh sebab negeri kita ini telah lama di-jajah dan ra'ayat di-kawasan² luar bandar khas-nya telah lama ketinggalan dalam kemiskinan, maka Kerajaan Perikatan dengan semangat bertanggung-jawab ada-lah berazam dengan sungguh² hendak meninggikan taraf hidup mereka. Bagaimana-kah nasib mereka itu dapat di-bela, kalau sa-kira-nya Kerajaan tidak dengan berani membelanjakan wang² itu dengan banyak? Ini yang saya hairankan. Beliau sa-terus-nya mengatakan Ranchangan Pembangunan Luar Bandar ini gagal. Saya tidak tahu hendak kata ada-kah beliau itu benar, tetapi kalau sa-kira-nya kita masuk ka-kampung dan bertanya penduduk di-kawasan luar bandar yang sedang menerima nikmat daripada ranchangan ini, saya boleh mengatakan bahawa Ranchangan Pembangunan Luar Bandar sa-takat yang telah di-jalankan telah pun mendapat kejayaan yang besar. Yang gagal saya nampak ia-lah usaha PAS hendak mempengaruhi ra'ayat, kerana dengan kejayaan Ranchangan Pembangunan Luar Bandar—(An Honourable Member: Hear, hear)—pengaruh PAS telah kurang. Beliau mengatakan, bahkan meminta, supaya geological survey map patut di-sediakan. Dalam perkara ini saya suka dengan segala hormat-nya memberitahu bahawa di-seluruh negeri kita pada hari ini telah pun di-sediakan sukatan oleh Geological Survey Department. Berkenaan dengan topo map yang di-bangkitkan oleh beliau, saya suka memberitahu bahawa tidak ada tempat dalam Persekutuan Tanah Melayu ini yang belum lagi di-siasat oleh Pejabat Topo Survey, tetapi saya mengaku bahawa siasatan tentang peta ini memang lama, dan hari ini

usaha sedang di-jalankan untuk mem-baharui-nya.

Berkenaan dengan permintaan beliau supaya senjata api patut-lah di-beri kepada orang kampung untuk menem-bak binatang yang sentiasa merosakkan tanaman², saya dukachita mengatakan ia-itu Kerajaan tidak dapat memberi dengan mudah dan dengan sa-banyak²-nya, sebab ini boleh di-salah-gunakan. Tetapi chadangan beliau supaya senjata api itu patut-lah di-beri kepada ahli² jawatan-kuasa kampung, saya suka mengatakan ia-itu dengan ada-nya jawatan-kuasa yang saya anggap satu badan yang bertanggung-jawab pada hari ini dapat-lah perkara itu di-timbangkan. Dan kalau sa-kira-nya ada ahli² jawatan-kuasa kampung yang boleh menggunakan senjata api, saya perchaya pehak polis tentu tidak keberatan memberi satu dua senjata api kepada ahli jawatan-kuasa kampung ini supaya dapat-lah ahli jawatan-kuasa ini dengan jalan bergeler² menjaga keselamatan tanaman yang di-tanam oleh penduduk di-kawasan luar bandar.

Sahabat saya Yang Berhormat dari Jelebu-Jempol telah berchakap berkenaan dengan peruntukan Kampung dan Rural Projects sa-banyak \$650,000. Saya suka mengatakan peruntukan itu memang di-anggap menchukupi, sebab yang sa-benar-nya ranchangan² ini bukan-lah menjadi tanggung-jawab Kementerian Pembangunan Luar Bandar sahaja tetapi juga di-jalankan oleh Kerajaan² Negeri, bahkan saya menga-takan ranchangan² kechil kebanyakan-nya di-jalankan oleh Kerajaan² Negeri dan peruntukan ini hanya bagi menambah sahaja peruntukan yang tidak menchukupi. Lebeh² lagi wang ini ia-lah peruntukan kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri manakala beliau melawat ka-suatu tempat dan manakala ra'ayat memohon sa-suatu benda yang benda itu sebagai *urgent case* boleh-lah di-beri, tetapi pada ka-seluruhan-nya ranchangan² kechil ada-lah di-jalankan oleh Kera-jaan² Negeri dan Kerajaan² Negeri memang ada peruntukan yang besar di-bawah tajok ini.

Beliau juga minta supaya kampung² di-luar bandar dan dalam bandar di-layan oleh Ranchangan Pembangunan

Luar Bandar. Saya telah di-beritahu bahawa satu directive baharu telah di-keluarkan, dan dengan keadaan yang saperti itu perkara itu boleh di-layan. Pendek kata, kampung yang di-luar bandar dan dalam bandar itu boleh-lah menerima segala kemudahan² mengikut arahan baharu di-bawah Ranchangan Pembangunan Luar Bandar. Hal ini satu muka di-untokkan dalam "Buku Merah" untuk memberi layanan² kepada Kampung Baharu (New Village) dan saya perchaya ber-bagai kemudahan dapat-lah di-beri kepada New Village yang ada seka-rang ini.

Berkenaan dengan ranchangan² F.L.D.A. memang di-beri keutamaan di-tiap² Ranchangan Pembangunan Luar Bandar untuk berbagai kemudahan.

Beliau ada mengadu ia-itu ada sa-tengah orang yang mempunyai senapang tetapi tidak di-benarkan menembak gajah. Dalam perkara ini saya suka memberitahu ia-itu gajah kalau dia telah chedera, dia akan jadi satu binatang buas yang akan merosak-kan harta benda kita dengan lebeh burok lagi. Kita ada Game Warden, mereka mesti mengawal perkara ini. Kalau ada gajah yang membinasakan tanaman, maka orang kampung di-kehendaki beritahu kepada Game Warden bagi mengatasi soal itu. Kalau sa-kira-nya di-dapati gajah itu sangat buas, itu terpulang kepada Game Warden mengambil keputusan sama ada hendak di-tembak atau sa-bagai-nya.

With regard to the Honourable Member for Seberang Selatan who complained that allocations for minor works were made too late in the year for the projects to be completed in time, I would say that this is not true, because at least 90 per cent of the allocation of funds for minor works were made at the beginning of the year. However, in some cases, there are savings and some areas wanted more allocations and funds were concentrated and diverted in September or October and issued out. But I can assure the Honourable Member that no allocations of funds were made from the Ministry of Rural Development unless and until an assurance

was given that the projects could be completed before the end of the financial year.

The Honourable Member likes to know the result of the survey on fragmentation. Well, the final report on the survey carried out by the Department of Economics of the University of Malaya was ready in November 1962. This report is a lengthy one and the Committee requires some time to study it. Now the Committee is studying this report minutely and is making every effort to prepare its own report as early as possible.

Kapada Ahli Yang Berhormat dari Seberang Tengah, saya suka mengatakan bahawa saya telah menjawabkan soalan Kampong dan Rural Projects ia-itu peruntukan sa-banyak \$650,000 sa-bagaimana saya telah menjawab kepada Yang Berhormat dari Jelebu-Jempol. Dan beliau juga ada meminta supaya di-adakan Kursus Tata Ra'ayat dalam Pelajaran Dewasa. Kursus Tata Ra'ayat pada hari ini sedang di-jalankan oleh Pejabat Penerangan. Jadi ta' payah-lah lagi Kementerian ini menjalankan-nya menerusi Pelajaran Dewasa. Walau pun begitu di-dalam buku² Pelajaran Dewasa memang ada di-masokkan pelajaran² berkenaan dengan Tata Ra'ayat. Kita tidak mahu membadzir-kan wang mengadakan guru² khas di-sana sini untuk mengajar Tata Ra'ayat. Oleh kerana Kementerian Pembangunan Luar Bandar dapati perkara ini dengan mudah dapat di-sampaikan kepada ra'ayat dengan di-masokkan perkara ini sa-bagai satu mata pelajaran dan ini memang ada di-dalam buku² pelajaran dewasa yang sedang di-pelajari oleh pelajar² dewasa sekarang.

Kapada Ahli Yang Berhormat dari Trengganu Tengah—Minor Projects given to contractors. Beliau itu mengatakan sa-patut-nya kerja² yang kecil² yang kurang daripada \$10,000 hendak-lah di-berikan kepada orang ramai melalui Jawatan-Kuasa² Kampong. Saya memang bersetuju jika boleh perkara yang sa-macham itu di-buat. Tetapi malang-nya ada sa-tengah² kerja mesti ada mempunyai

pengetahuan technical. Tentu-lah keberatan bagi orang² kampong hendak membuat dengan sempurna kerja² yang sa-macham itu. Dengan sebab itu sunggoh pun kerja² itu kurang \$10,000 benda itu di-buat dengan jalan contract. Kita ta' mahu sa-mata² kerana hendak memberi pekerjaan kepada orang² kampong sampai merugikan wang ringgit sebab kerja² itu tidak dapat di-buat dengan sempurna. Walau pun kerja² itu besar tetapi tidak mengandongi kerja² technical dapat-lah di-berikan kepada orang² kampong. Beliau mahu supaya segala permohonan² kebelakangan sa-ramai 40,000 orang itu di-layanan oleh Kerajaan Trengganu di-bawah Ranchangan Tanah. Dalam perkara Ranchangan Tanah, saya suka mengatakan permohonan² baharu telah ditolak dan orang² ramai di-kehendaki membaharukan permohonan² yang lama kerana hari ini kita menjalankan Ranchangan² Tanah dengan chara² yang tertentu. Walau pun begitu bukan-lah berma'ana yang permohonan² yang lama tidak di-terima dan tidak di-layan. Mereka di-kehendaki membuat permohonan mengikut apa yang di-tentukan di-dalam Buku Merah dan jika mereka itu mempunyai syarat² yang tertentu dan mereka mempunyai kelayakan, mereka itu boleh-lah di-layanan. Mereka mahu jalan supaya di-minyak-tarkan. Ya, saya pun bersetuju jika boleh supaya jalan² itu segera di-buat terus dengan memasang batu² dan minyak tar. Tetapi kalau kita hendak membuat jalan² dengan kokoh, dengan kuat kita kena-lah lebeh dahulu membuat asas-nya. Manakala tanah itu sudah kuat kemas baharu-lah kita boleh taroh batu, lepas itu baharu-lah boleh taroh tar. Kalau foundation-nya belum kuat terus kita masokkan tar nanti kemudian hari rosak, tuan² juga akan gadoh dan sa-terus-nya merugikan wang ra'ayat.

Kapada Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat saya suka hendak mengatakan "Little knowledge is dangerous". The more I hear him speak, the more I am convinced of this saying. In fact, I would say to him that he seems to know very little about rural development, and in order to

educate him I would invite him to the Operations Room of the Ministry of Rural Development; if necessary, the Honourable Minister himself will explain to him thoroughly how rural development is being run, how the policy is being executed—and I think that will be to the interest of the country as a whole, because then he will not be able to twist facts and confuse not only the Honourable Members in this House but also the ra'ayats in the Federation. I cannot understand what he means that the rural development is a failure and that every thing that we are trying to do is, if I may say so, nonsense. If I were to say what we are doing and what we are going to do is good and necessary, surely he will not agree with me. But I think, after all, the ra'ayats are the people who are to decide whether what we do is good or bad, and in that respect I would refer him to the various elections that have been carried out. In fact, when we had an election at Kuala Lipis, Enche' Nasir Nong was a candidate for the Socialist Front; I went to campaign in that election and the Socialist Front raised this question of rural development, and the Front exploited very much on the question of rural development. If what they had been saying and what they had been trying to advocate was true, and if the kampong people and the rural people are really not benefiting from the rural development, I am sure they would have elected Nasir Nong of the Socialist Front. However, the people did otherwise. That proves that the people will not accept what the Socialist Front had been saying, and they are in full accord with the policy of the rural development; in that respect they support the Alliance Government and thereby elected my friend the Honourable Member for Lipis to this House. (*Applause*). Likewise, the Alliance also won in Bentong against the Socialist Front. Sir, these are the proofs that the Alliance Government is running the rural development programme in the right way and benefiting the rural people as a whole—contrary to what the Socialist Front wants it to be. In fact, Sir, the Socialist Front is not happy with the progress of rural deve-

lopment. My Honourable friend and colleague has said just now that if the rural development programme is a success, it is the end of the Socialist Front.

Mr Chairman: Order, order. The time is 6.30 p.m. I will now put the question.

Question put, and agreed to.

The sum of \$29,689,341 for Heads S. 49 to S. 54 inclusive ordered to stand part of the Schedule.

House resumes.

Mr Chairman: The sitting is suspended till 8.30 p.m. tonight.

Sitting suspended at 6.30 p.m.

Sitting resumed at 8.30 p.m.

(Mr Deputy Speaker in the Chair)

BILL

THE SUPPLY BILL, 1963

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

(Mr Deputy Speaker in the Chair)

SCHEDULE

Heads S. 55 to S. 60—

The Minister of Health (Enche' Abdul Rahman bin Haji Talib): Mr Chairman, Sir, with your permission, I would like to present the 1963 Ordinary Expenditure Estimates of the Ministry of Transport, comprising Heads 55 to 60 totalling \$7,142,821. I do not intend to go into details of the various Heads but I will touch upon the major differences from 1962 such as the creation of new posts, the increase of provision in Other Charges Annually Recurrent and Other Charges Special Expenditure and the like.

HEAD 55—MINISTRY HEADQUARTERS

Under Head 55 provisions are required for the Ministry Headquarters and I would like to mention the creation of the post of Co-ordinating Officer, Ports Division, under Sub-head 1, Item 3, for which a provision of \$17,160 has been entered in the Estimates. The setting up of a Ports

Division in the Ministry of Transport is necessary in order to implement one of the recommendations of the Working Party on the Future Status of Port Swettenham. In general the functions of this Division are to devote more attention to the development of minor ports and their relationship with the overall port requirements in the country and to give continuous attention to ports and allied matters. In view of the Malaysia proposals this Division will no doubt serve its purposes tremendously.

The creation of this Division in the Ministry will mean additional requirements of clerical staff, typist and paper searcher. Hence provisions for these posts have been entered under Items 8, 9 and 10 Sub-head 1.

There will be a substantial increase in Housing and Hotel Allowances as shown under Item 15 in order to pay house rents for three Senior Officers of the Ministry who have not yet been allotted with quarters.

Regarding the Road Safety Section of the Ministry, I am glad to inform this House that the Secretary of the Road Safety Council has lately visited Australia on a study tour under the Colombo Plan. In order to launch an intensive road safety campaign next year, a sum of \$27,000 is required for the purpose of printing manuals, booklets, literature and coloured posters and of making films on road safety. Out of this provision a token grant will be given to every State Council in order to implement the Federal Council's recommendations on road safety measures and to give effective impetus to the Government's drive to improve the standard of safety of our highways.

HEAD 56—CIVIL AVIATION

Head 56 is provision for the Department of Civil Aviation which shows an increase in the Personal Emoluments due to the creation of additional posts other than normal increases. The post of Airport Manager (Super-numerary), appearing as Item 4 of Sub-head 1, is necessary to meet the needs of Malayanisation. Additional staff is required in the air traffic

control and fire and rescue services in view of the new International Airport and the introduction of the Fokker Friendship next year. The number of firemen has accordingly been increased from 51 to 60 under Item 20 of Sub-head 1 and there is accordingly a corresponding increase under Sub-head 2, which provides *inter alia*, funds for the supply of uniforms to the additional firemen. Consideration has also been taken under this Sub-head regarding the increase in water rates.

No provision is entered in the current year Estimates with regard to Sub-heads 14 and 15. But provision is now required under Sub-head 14 for payment of land rents on about 1,020 acres anticipated to be alienated to the Federal Government by 1963 for the new International Airport and beacons to be erected at all airports and aerodromes. The object of providing a subsidy for flying training by Malaysians under Sub-head 15 is to ensure a pool of young licensed pilots who would be available for national service in time of emergency.

Sub-head 17 provides funds for the conversion and rehabilitation of five Chipmunk aircraft which are no longer required by the Royal Malaysian Air Force and which are to be handed to the Aero Clubs in the country as a gift from the Government.

A sum of \$35,000 is required under Sub-head 18 for subvention to the Kuala Lumpur Aero Club in view of the acute deterioration of the financial position of the Club in 1961 whose liabilities by the end of March 1962 exceeded its current assets by \$36,088.58. It is also intended to offer engineering facilities to the Club and hence a sum of \$5,000 has been entered under Sub-head 19.

In connection with this financial assistance I must inform the House that the Club has been providing training facilities for Royal Malaysian Air Force Volunteer Reserve cadets and if it was forced to close down, the Government itself would incur substantial expenditure on the provision of suitable facilities for instruction. The Club is

also capable of providing useful facilities for the training of individual Federal citizens who wish to learn to fly and such people will be a valuable source of trained pilots in times of emergency.

HEAD 57—MALAYAN METEOROLOGICAL SERVICE

Head 57 is provision for the Malayan Meteorological Service. The increase of \$39,270 in the 1963 Estimates over 1962 is due mainly to the normal increase in the Personal Emoluments of the existing staff and the creation of additional posts of two Meteorological Officers shown under Item 1 in anticipation of an expansion of the weather forecasting section of the Department to provide a 24-hour weather forecasting service and when the new International Airport at Kuala Lumpur becomes operational.

Additional provision is required under Sub-head 7 (Maintenance of Meteorological Office and Stations) to meet increased maintenance charges of 44 auxiliary stations.

A new Sub-head 9 has been entered to provide cost of maintenance of Wind Finding Radar Station. For the information of this House, the Wind Finding Radar is used for the determination of winds up to over 80,000 feet not attainable with ordinary meteorological balloons. A knowledge of winds up to these heights is important for the provision of accurate forecasts for aviation. In order to comply with the recommended practices of the World Meteorological Organisation, the trend in many meteorological services is to carry out wind observations with radar. It is, therefore, essential that this radar be installed in 1963 to meet the increasing requirements for high level forecasts by international flights over the country, and thus overcoming deficiencies in the network of wind stations in Southeast Asia.

Under Special Expenditure provision is sought for the purchase of microbarograph and the printing of Registers. I wish to explain that thunderstorms and heavy rains in the tropics are associated with variations

of atmospheric pressure that are too small to be detected with the ordinary barograph. Records of these small variations are necessary for greater understanding of the daily processes of the local weather, and the only instrument capable of recording it continuously is the microbarograph. It is also possible with this instrument to detect the pressure waves from nuclear explosions as far away as the Arctic Circle. Information on these pressure waves is being frequently sought by neighbouring meteorological services and research establishments.

Provision is sought under Sub-head 11 for the purpose of printing a four-year supply of 250 registers for use by meteorological stations. The last printing was carried out in 1958 and stocks of registers are nearly exhausted. It is considered that it is much more economical to print the registers in bulk rather than annually.

HEAD 58—MARINE

Head 58 is provision for the Marine Department. It exceeds the 1962 provision by \$31,964 in view of the creation and upgrading of additional posts, revision of salary scale of the Deputy Shipping Master, Penang, normal increases in the Personal Emoluments and additional funds required under Special Expenditure.

Under Item 13 (i) one new post of Superscale Boarding Officer is required in view of the increasing importance of the Port and subsequent increase in responsibility and work. At the moment, there is only one officer who is stationed in Penang and whose duties cover the whole of the Federation.

Approval is sought under Item 19 (i) for the upgrading of one post of Chargeman, Grade II, in view of the increased work and responsibility as the Senior Marine Engineer is now stationed in Penang against the deletion of one post of Chargeman, Grade II, under Item 19 (ii).

One new post of Perak State Clerical Service (Higher Division) has been created under Item 29 against the deletion of one post of Malay

Writer with a view to increase the efficiency of the Department. A new post of Selangor State Clerical Service, Higher Division, as shown under Item 30, has also been created to augment the clerical staff of the Marine Department, Port Swettenham.

Additional posts of Helmsmen, Deckhands, Greasers and Firemen are required for essential services of securing vessels to the new wharves at North Klang Straits and the present harbour, and also for services in the launches. Two new posts of Leading Stokers are also required to supplement the present ten posts so that Johore may have its own quota for the efficient running of the launches. Provision for one new post of Office Keeper has been entered under Item 40 against the deletion of one post of Office Boy. To supplement the crew of dredger "Tanjong Dungun" the Director of Marine requires another sailor for which provision is sought under Item 48 (vi).

Provision under Sub-heads 9, 10, 11, 12 and 13 of Special Expenditure is sought for replacements of old mooring boat hull and engines.

HEAD 59—MARINE SURVEYS

Head 59 is provision sought for the Marine Surveys which has no substantial differences as compared with the current year Estimates.

HEAD 60—ROAD TRANSPORT

Lastly I will deal with Head 60 seeking provision for the Road Transport Department. There will be an increase in the Personal Emoluments due to the creation of additional posts as shown under Items 7, 8, 13, 18, 19, 20, 21, 22, 24, 25, 29, 31 and 34 for the various Registrars' Offices and Road Transport Headquarters.

The Department has established a Sub-Office in Kuala Trengganu staffed by one Enforcement Officer, one Driving Tester and one Vehicle Examiner. Vehicle inspection, driving tests and enforcement, previously carried out by officers from Kota Bharu, can now be performed more efficiently thus avoiding inconveniences to the public.

It is also considered necessary to establish a full-fledged Registrar's Office in Kuala Trengganu in order to avoid the present difficulties faced by owners of motor vehicles and holders of driving licences residing in Trengganu who have to send their applications to Kota Bharu whenever they wish to renew their licences and by those who wish to go for driving tests to Kota Bharu as the present Registrar in Kelantan covers the State of Trengganu. It is to avoid this inconvenience that it is proposed to establish a full-fledged Road Transport Department in Kuala Trengganu. Provision has, therefore, been entered in the 1963 Estimates for one Registrar for Trengganu.

As all commercial vehicles must be inspected twice a year there will be at least an additional 5,000 inspections to be carried out in 1963 over 1962. To do this additional work, two more vehicle examiners are required as one vehicle examiner can normally do about 2,200 inspections a year. In addition to this he has to carry out inspections of accident vehicles and to attend court as prosecution witness for the Police in connection with accident cases.

The nine additional posts of temporary Driving Testers have been extended to the end of this year. It will be necessary to employ them in 1963 as the backlog of driving tests in many States is still about 1½ to 2 months. It is also expected that the number of provisional driving licence holders will continue to increase next year.

Additional provision is required under O.C.A.R. for the new office at Kuala Trengganu and to meet normal increases in expenditure in Registrars' Offices.

Under Special Expenditure a sum of \$12,423 is sought for the purchase of cabinets, file racks, typewriters, adding machines, steel cupboards, safe and furniture for the various Registrars' Offices.

Mr Chairman, Sir, this is briefly the major differences from the 1962 Estimates and I beg to move that they be approved.

Enche' Tajudin bin Ali (Larut Utara): Tuan Pengerusi, saya hendak

berchakap berkenaan dengan Menteri Pengangkutan di-dalam Item (1). Saya mengambil peluang ini menguchapkan banyak terima kaseh kepada kementerian ini sebab Yang Berhormat Menteri telah menchari beberapa peluang untuk orang Melayu mengambil bahagian yang lebih sedikit dalam perniagaan kenderaan. Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya telah mendapat tahu ia-itu beberapa kampeni yang di-punyaï oleh bangsa asing dengan jasa baik daripada Yang Berhormat Menteri telah pun bersetuju memberi sa-banyak 10 peratus share dalam kampeni mereka itu kepada orang Melayu. Ini satu chontoh tauladan yang sangat baik yang telah di-jalankan oleh kampeni² yang bukan Melayu ia-itu memberi peluang yang lebih baik sedikit kepada orang Melayu untuk mengambil bahagian dalam lapangan perniagaan. Saya perchaya dengan jalan ini segala ra'ayat yang ta'at setia kepada negeri ini dapat duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi. Saya harap kepada Menteri yang berkenaan supaya usaha-nya itu dilebuhkan lagi daripada satu masa ka-satu masa. Saya mengambil peluang di-sini menguchapkan banyak terima kaseh kepada kampeni² yang berkenaan itu dan orang Melayu sangat meng-hargaï di-atas jasa baik mereka itu.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan lesen motokar. Saya membacha surat khabar hari ini me-ngatakan di-Singapura tiap² satu jam sa-buah motokar baharu keluar. Saya perchaya dalam negeri ini tidak kurang satu dozen kereta baharu keluar pada tiap² hari. Tuan Pengerusi, saya fikir buku daftar pejabat yang berkenaan tidak bagitu terator. Saya ada bokti²-nya. Mithal-nya, sa-buah lori itu bayar satu lesen, tetapi tuan punya lori itu mengeluarkan dua buah lori yang sa-rupa chat dan nombor-nya. Saya fikir tidak payah saya sebutkan siapa mereka itu. Dan kebanyakan tuan punya kereta itu menukar lesen-nya lewat, mithal-nya, lesen kereta itu mesti di-baharuï pada 1-1-63 tetapi sudah lepas sa-bulan baharu di-tukar. Saya agak pejabat yang berkenaan ini banyak kerja. Saya harap perkara ini di-perhatikan dan hendak-lah di-jalankan satu langkah

supaya lesen kereta itu di-baharuï mengikut masa-nya, atau adakan undang² ia-itu sa-minggu lagi lesen itu hendak habis tempoh-nya hendak-lah di-perbaharuï. Saya dapati ada-lah hasil daripada kenderaan ini ada-lah hasil yang nombor tiga bagi Kerajaan Persekutuan. Oleh itu, pentadbiran pejabat yang berkenaan hendak-lah di-perhatikan betul².

Perkara yang akhir-nya, Tuan Pengerusi, ada-lah berkenaan dengan penimbangan motor-car di-bandar Ipoh. Ini telah pun menjadi rungutan daripada orang ramai yang mempunyai lori kerana apabila mereka hendak menim-bangkan motor-car-nya itu mereka terpaksa menimbangkan-nya di-tempat lain, misin yang di-punyaï oleh Polis. Polis ini pun ada kerja dan kerap kali kerja ini lewat di-lakukan. Saya harap-lah tanggung-jawab Pejabat yang ber-kenaan ini mengadakan misin timbang ini untuk Pejabat-nya sendiri. Kerana orang² yang pergi menimbang motor-car itu bukan di-timbang dengan perchuma sahaja. Jadi harapan saya sangat², Tuan Pengerusi, jangan di-lewat²kan penimbangan motor-car itu dan mesti-lah di-adakan dengan chepat mungkin pada tempat yang besar² yang di-punyaï oleh Road Transport patut-nya macham Ibu Kota ini atau pun di-bandar² yang besar. Dengan hal yang demikian bukan sahaja Pejabat itu dapat upah menimbang motor-car itu bahkan menyenangkan perjalanan orang ramai. Sekian, Tuan Pengerusi, terima kaseh.

Enche' Mohamed Yusof bin Mahmud (Temerloh): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap di-atas Kepala 60 Item (1) Commissioner of Transport dan juga Registrar and Inspector of Motor Vehicles. Saya berasa susah hati memandangkan kemalangan² yang berjadi² pada masa yang lewat ini terutama sa-kali di-kawasan saya ia-itu antara Temerloh dengan Maran dan antara Temerloh dengan Mentekab. Jadi kemalangan² ini pada pendapatan saya ia-lah tidak ada satu peratoran yang boleh menghadkan laju-nya kereta² itu lari di-jalan² ini. Di-jalan ini di-kiri kanan-nya ada-lah mengan-dongi orang² yang ramai dan saya rasa kalau dapat ia-itu pejabat ini membuat

satu peratoran, segala kereta² yang melalui di-tempat ini dapat di-hadkan laju-nya. Umpama-nya macham saya tengok di-Singapura kalau di-tempat² itu banyak orang² lalu lintas maka sa-belah siang-nya di-hadkan laju-nya pada sekian² batu, mithal-nya 40 batu satu jam atau 30 batu satu jam. Dan sa-belah malam-nya oleh kerana tidak ada jalan ini di-gunakan banyak maka di-bolehkan mereka² itu menjalankan kereta-nya lebeh laju lagi. Rasa saya tentu-lah pejabat ini ada dalam ma'lumat atas segala kemalangan² ini dapat dia mengadakan satu Undang² berkenaan dengan hal lalu lintas ini. Saya perhatikan ia-itu lori² ini membawa kayu yang berat² dan saya tidak tahu-lah ada-kah lori² itu di-hadkan berat-nya atau banyak-nya mereka boleh membawa kayu² itu. Jadi oleh sebab laju-nya mereka membawa lori di-tempat² ini jika mereka² hendak mengelakkan satu² kemalangan sangat-lah sukar. Dan kita tengok banyak di-tempat² ini kalau sunggoh tidak ada kemalangan kepada orang ramai, tetapi oleh sebab lori itu terlampau laju kerana dia tidak ada timbangan-nya yang sama dia sendiri terus pada satu masa melanggar kedai yang dekat jalan masuk ka-Lembaga Kemajuan Tanah di-kampung Aur. Jadi dia tidak dapat balancekan lagi dan dia bernasib baik juga pada hari itu tidak ada orang ramai di-situ, jika ada saya rasa tentu-lah orang ramai akan terchedera. Jadi saya harap pejabat ini memandang berat dan membuat satu peratoran untuk menyelamatkan atau pun untuk mengelakkan kemalangan yang berjadi² itu. Kalau saya hendak cheritakan kemalangan² itu tentu-lah banyak. Bahkan dalam bulan November sahaja tidak kurang boleh di-katakan tiga hari satu kemalangan di-tempat ini berlaku ia-itu budak sekolah di-langgar, kereta melanggar antara satu dengan lain, lori jatuh di-tepi kedai. Jadi saya harap sangat-lah dapat kira-nya di-buat satu peratoran dalam hal ini.

Lagi satu, Tuan Pengerusi, saya dapat rungutan daripada orang² kampung terhadap chara² bas kompani ini mengenakan tambang atas pelanggan²-nya. Saya tahu bas² kompani macham yang besar², daripada Bentong ka-

Temerloh dan sa-bagai-nya ada peratoran yang tetap ia-itu satu tempat ka-satu tempat umpama-nya Bentong ka-Karak sekian harga-nya mengikut timbangan-nya atau batu-nya. Tetapi Temerloh Bus Company menjalankan perkhidmatan-nya tidak ada peratoran tetap. Umpama-nya tambang daripada Temerloh ka-Lebak dan Temerloh ka-Durian Tawar sama harga-nya. Kalau ka-Lebak 50 sen ka-Durian Tawar pun 50 sen, jadi ini-lah orang kampung rungutkan. Patut-lah kompani² ini mengadakan perbedzaan tidak di-samakan yang dekat dengan yang jauh. Jadi saya berharap-lah perkara ini dapat perhatian Kementerian ini terutama sa-kali Road Transport Pahang.

Lagi satu, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan taxi. Baharu² ini banyak-lah lesen² taxi telah di-keluarkan kepada beberapa tempat di-luar bandar. Tetapi dalam pengalaman saya dalam tahun ini sa-telah mereka² mendapat lesen² ini, di-dapati sunggoh pun di-kehendaki tiap² satu taxi plate di-hadkan kepada satu² tempat yang mesti ada 2,500 orang penduduk tetapi mereka ini ta' dapat hidup dengan taxi-nya oleh sebab pembayaran chukai taxi itu dan pendapatan-nya tidak sa-imbang. Oleh sebab taxi² di-dalam bandar sama juga taxi² yang di-luar bandar maka ini menyebabkan lesen² taxi yang di-luar bandar itu masok ka-dalam bandar menchari passanger² untok menutupkan perbelanjaan motor-car dan lesen-nya. Jadi ini-lah saya rasa yang menyebabkan kesusahan pada taxi² di-luar bandar itu. Saya harap satu penimbangan di-adakan supaya perkhidmatan itu betul² dapat di-jalankan di-kampung² dan di-buat penimbangan balek berkenaan lesen taxi yang dudok di-luar² bandar. Kerana dengan itu taxi² itu akan tetap-lah pendapatan-nya dan tidak lagi dia hendak lari ka-dalam bandar menutup perbelanjaan dan juga sara hidup-nya. Saya rasa tentu-lah perkara ini susah hendak menimbangkan tetapi kalau sa-kira-nya pejabat ini ada memerhati dan menyiasat dengan panjang-nya keadaan dan kedudukan lesen² taxi di-luar bandar umpama-nya di-tempat saya di-Kuala Bera, di-Kerdau, di-Kuala Sentol, ini semua-nya yang berjauhan dari bandar

tetapi orang kampung memang berkehendakkan perkhidmatan taxi² ini. Oleh sebab perkhidmatan bas tidak cukup jadi kalau tidak ada taxi susahlah kepada orang kampung. Tetapi yang ada taxi mereka hendak menjalankannya tidak mampu pula. Saya haraplah di-timbangkan apa-kah chara-nya yang boleh merengankan mereka² ini membayar atau pun membolehkan mengadakan taxi di-luar bandar macham saya cheritakan tadi.

Penyudah-nya, Tuan Pengerusi, saya memandangkan Kuala Lumpur ini terlampau banyak kereta. Kita dapati kesusahan meletakkan kereta kita. Jadi saya rasa kalau dapat di-adakan satu peratoran meletakkan kereta² itu tidak lama pada satu tempat, boleh-lah kereta² lain itu berkisar. Pada masa ini saya perhatikan, masa ramai sentiasa payah sangat kita mendapatkan parking space di-Kuala Lumpur ini. Jadi hendaklah di-buat satu peratoran bagaimana saya tengok di-Singapura ia-itu di-khaskan kereta² boleh duduk satu jam dengan bayaran sekian wang pada satu jam. Jadi ini akan menolong orang² yang mempunyai kereta itu berchermat tidak meletakkan kereta-nya lama pada satu tempat. Saya rasa kalau satu peratoran di-buat ini akan melegakan lagi kedudukan parking space dalam Kuala Lumpur ini.

Dan yang kedua-nya, ia-itu-lah chara modern sa-kali di-mana saya perhatikan di-Manila ia-itu chara Kerajaan-nya membuatkan parking space bertingkat² menggunakan lift dan sa-bagai-nya. Saya harap dapat di-ikhtiarkan oleh Kerajaan supaya menyenangkan mereka² meletakkan kereta. Sebab zaman sekarang, Tuan Pengerusi, kereta ada-lah satu perkara yang sangat² mustahak pada tiap² orang kita di-sini, tidak lagi macham zaman dahulu kereta itu menjadi satu "luxury" atau satu benda yang mewah sahaja tetapi sekarang kereta sudah menjadi benda yang mustahak. Jadi parking space di-Kuala Lumpur ini patut sangat-lah di-timbangkan supaya segala mereka² yang menggunakan kereta² ini dapat kesenangan dan chepat pergi dan chepat dia menguruskan pekerjaan-nya, sekian.

Enche' Tan Phock Kin (Tanjong): Mr Chairman, Sir, I rise to speak on Head 60—Road Transport. The Honourable Member for Larut Utara in his speech congratulated the Minister on the question of Malay participation. He seems to hold the opinion that the Licensing Board by using Section 118 of the Road Traffic Ordinance has enabled more Malay participation in the transport industry.

Enche' Tajudin bin Ali: Saya suka membuat satu penjelasan ia-itu saya tidak pun berchakap fasal Undang², tetapi apa yang saya katakan ia-lah itu sa-bagai jasa baik Menteri.

Enche' Tan Phock Kin: Anyway, it is in conformity with the idea of that particular section in the Ordinance. If we examine this policy we will appreciate that the whole idea of encouraging more Malay participation in the transport industry is, as has been pointed out earlier, to remove the imbalance between the Malays and the other races, because it was felt that the Malays due to the many years of colonial rule was the underprivileged class and as such they did not have any opportunity of participating in the industry. So, in the light of that, Sir, I feel that as far as that particular provision is concerned Members of this House have pointed out time and again that it has been abused. If we consider the participation point, solely from the point of view of capital, then the number of people who are going to benefit by this participation are very limited. It is limited to those who can afford to take up whatever capital is called up for such participation. So, as a result, it would be confined to a very small section of the Malay population, who are already well off. Perhaps it may help a few who have already some means. For example, it may help people who have savings, who may already own a few houses, and it may help people, who are petrol pump owners and who have made some profit from the petrol pumps, and as such they may be able to participate as shareholders in these new concerns. However, Sir, we always feel that a more appropriate way to assist will be to help those many thousands of

Malays, who are actively employed in the transport industry, such as bus conductors, drivers and some of them may be even managers in the transport industry. We have suggested time and again that these people should get together to form co-operatives to run various transport industries, and we feel that the Government should go further and that, instead of allowing private individuals and private firms to make profits from transport undertakings, all these transport undertakings should eventually be converted either to co-operatives, or to statutory corporations, local authorities and others. By so doing, we will prevent a small group of people from exploiting this very lucrative business, because, as we know, transport is a sort of monopoly. We have restricted routes and we have only allowed one company to operate on such routes, and such company enjoys monopoly over such routes. We feel that such a business should be more properly run either by co-operatives or by statutory corporations. Take, for example, the City Council of Penang, which is running the transport services in the City Council area. Let us examine the amount of Malay participation in the City Council transport. If we examine carefully the City Council transport, we will know that over 60 per cent of the staff are Malays and even the general manager is a Malay. This goes to show that as far as the transport industry is concerned—taking the Penang City Council as an example—the Malays can run it very efficiently, and the City Council in employing Malays is not giving preference to Malays, but because they have proved that they are most efficient. As far as the manager is concerned, he applied for the job together with others and we found that he was the most suitable man. He was not employed because he was a Malay but because he was found to be the best among the applicants.

From our experience we find that an industry like the transport industry can be run very efficiently and we see no reason why co-operatives organised on the same lines should not be able to do the job as well. However, if we were to look at the existing transport busi-

ness in the whole of Malaya, we will discover that even in those concerns whose owners agree to allot 10 per cent for Malay participation, the nett effect is that they will be only allotting 10 per cent of their capital, which is a very small sum, and the people who will benefit will be a few Malays with capital who are friendly to the present owners. So, as such, by comparison with the total population it is most insignificant. Therefore, if the intention is really to assist, I think they will have to review the whole system so that they can evolve a system that will really benefit Malay participation.

As I have pointed out, the present system of allotting transport licences has a lot of anomalies. For example, recently the City Council applied for a licence to expand its routes and the Council was told that in accordance with the provisions of Section 118 it cannot be granted. I fail to understand why. Is it because the Government would like Malay capital to participate in the city transport? But I am afraid that will be impossible because the city transport is not run as a limited liability company.

Enche' Abdul Rahman bin Haji Talib: Mr Chairman, Sir, on a point of order under Standing Order 36 (2). I understand that the City Council has appealed against the refusal of its application to the Central Licensing Board and I submit, Sir, raising the matter here will prejudice the interests of those concerned.

Enche' Tan Phock Kin: I think the Minister is under a misapprehension. As far as I am aware, the appeal is not to a court of law—that section refers to an appeal to a court of law. But as far as I am aware, the City Council has proposed to make an appeal, but actually they have not submitted an appeal yet. So that particular Standing Order does not apply. In the light of that, I would like the Minister to explain to this House what he meant by Malay participation when he wrote to the City Council that he cannot approve their application—because is the City Council going to be considered as fully owned by the non-Malays?

Enche' Abdul Rahman bin Haji Talib: Mr Chairman, Sir, on a point of order, may I have your ruling on this matter?

Mr Chairman: Yes. I think S.O. 36 (2) applies. Reference shall not be made to any matter which is *sub judice*. You should not touch on that!

Enche' Tan Phock Kin: Sir, it is only *sub judice* if it appears before a court of law. But the thing is that there is no application yet, Sir, to any authority. My information is that the application of the City Council to the Licensing Board has been rejected, and the City Council has not yet made any application for a review on this matter.

The Minister of Agriculture and Cooperatives (Enche' Mohamed Khir Johari): Mr Chairman, Sir, is this a challenge to the ruling of the Chair?

Mr Chairman: S.O. 36 (2) says:

"Reference shall not be made to any matter which is *sub judice* in such a way as might in the opinion of the Chair prejudice the interests of parties thereto."

It might prejudice the interests of the parties and you should not touch on that point again!

Enche' Tan Phock Kin: Mr Chairman, Sir, but that is based on the assumption that an appeal has been made. As I have pointed out, from my information, there has been no appeal and so there is no question of *sub judice*.

Mr Chairman: That is my ruling. You must not touch on that!

Enche' Tan Phock Kin: But may I have evidence to the effect that an appeal has been made? Can the Minister produce evidence to support his contention? If he is unable to do so, I suggest that he should withdraw his objection unless he has definite proof. My information is that no appeal has been made yet. If the Minister has evidence, will he produce that?

Mr Chairman: The Minister will reply later.

Enche' Tan Phock Kin: So, Sir, in the absence of any evidence, I must say that it is a deliberate attempt to sup-

press discussion on this point; and I must point out to the Minister that there is a Committee of Privilege in this House and that even a Minister will be subject to disciplinary action by this Committee of Privilege. No one in this House, whether he is a Minister or a back-bencher, should bring in matters which he cannot substantiate. I would bring this to the attention of the Minister and, if he feels that he is going to reconsider this matter and to make verification, he is quite at liberty to do so.

Toh Muda Haji Abdullah bin Haji Abdul Raof (Kuala Kangsar): Tuan Pengerusi, sambil saya menyokong anggaran belanjawan bagi Kementerian ini, saya suka juga mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri ini kerana dalam ucapan-nya baharu² ini telah menerangkan keadaan² keretapi yang berkhidmat di-sabelah pantai timur ia-itu mengadakan gerabak² yang lebeh baik lagi untuk digunakan pada siang hari dan juga pada malam hari. Juga kita dapati gerabak² yang baharu untuk kelas tiga yang juga bertambah baik keadaan-nya, sunggoh pun bayaran-nya bertambah sedikit, akan tetapi kerehatan dan kesenangan akan di-dapati oleh ra'ayat jelata.

Saya suka menyentuh di-atas Head 60—Road Transport ia-itu berkenaan dengan kereta sewa dan juga taxi-cab. Sa-bagaimana yang saya dapat tahu, taxi-cab ini ia-lah menggunakan meter dan berkhidmat di-dalam bandar² yang besar, tetapi kereta sewa ada-lah berkhidmat di-dalam daerah kampung dengan tiada menggunakan meter. Sa-telah meter di-gunakan pada taxi² di-dalam bandar² yang besar saperti Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan lain² lagi, saya percaya orang ramai pada masa ini berasa puas hati kerana pada masa dahulu mereka kena membayar sewa berlebehan sangat daripada yang patut sunggoh pun tempat yang di-pergi itu tiada berapa jauh. Tetapi semenjak ada-nya penggunaan meter, maka keadaan ada-lah menyenangkan bagi orang² ramai yang menyewa taxi-cab, kerana wang sewa bagi sa-suatu masa ada terchipta dalam meter itu. Tetapi ada pula perkara yang mendukachitakan ia-itu baharu² ini Kementerian ini

telah menjatuhkan hukuman supaya taxi²-cab di-tempat² yang kecil juga mesti di-pasang meter seperti di-tempat saya, Kuala Kangsar, Parit, Sungei Siput dan juga di-pekan² yang kecil. Di-sini saya suka menarek perhatian Kementerian ini, jikalau sa-kira-nya mereka itu di-kenakan hukuman atau pun di-paksa menggunakan meter, saya percaya mereka itu akan mendapat kesusahan sebab mereka terpaksa membeli meter atau pun menyewa meter dan apabila meter itu rosak nanti, mereka terpaksa-lah menghantar-nya ka-tempat² yang tertentu sahaja untuk di-perbaiki dan kadang² pula meter itu tiada dapat di-perbaiki dengan sertamerta dan boleh jadi mengambil masa yang panjang. Jadi, ini akan menyusahkan kepada orang² yang hidup-nya samata² atas pencharian ini sahaja dan jikalau dalam dua atau tiga hari baharu meter itu siap, saya percaya ini tentulah akan menyusahkan kehidupan mereka. Sa-lain daripada itu, peratoran bagi taxi-cab dengan kereta sewa adalah berlainan. Apa yang saya di-beritahu oleh orang² taxi dan juga Kementerian ini sendiri, kerana saya ada pernah pergi ka-pejabat-nya di-Petaling Jaya, ia-itu beza-nya taxi-cab ini ada-lah untuk di-sewa sa-buah kereta walau sa-orang sa-kali pun, maka sewa-nya ada-lah untuk sa-buah kereta. Apa yang saya hendak terangkan di-sini ia-lah jikalau sa-kira-nya di-jatuhkan hukuman kepada taxi²-cab yang ada di-pekan² kecil, umpama-nya di-Kuala Kangsar, Parit dan Sungei Siput, maka saya percaya tentu-lah sukar bagi orang² taxi hendak menchari penyewa untuk sa-buah kereta yang hendak pergi ka-tempat² yang jauh, tidak-lah seperti di-Kuala Kangsar ini di-mana penyewa² hanya pergi di-antara satu atau dua batu sahaja. Tetapi Kuala Kangsar, Sungei Siput dan Parit tiadalah dapat berbuat demikian, hanya yang dapat orang² yang menyewa daripada Kuala Kangsar ka-Ipoh, ka-Parit atau ka-Kuala Lumpur, jadi kalau hendak menchari penyewa² bagi sa-buah kereta tentu-lah susah hendak mendapat-nya dan mereka biasa-nya terpaksa menunggu penyewa² seperti hire-car juga. Jikalau begitu, saya sukalah merayu kepada Kementerian ini supaya memikirkan dan menimbangkan

supaya tiada di-kenakan atoran ini kepada tempat² yang kecil, kerana sa-bagaimana yang saya terangkan tadi, mereka itu tiada dapat penumpang² yang hendak menyewa sa-buah kereta dan juga bayaran bulanan atas sewa meter ada-lah satu perkara yang berat juga kepada mereka.

Itu-lah sahaja yang saya hendak kemukakan kepada Kementerian ini untuk pertimbangan-nya.

Tuan Haji Ahmad bin Saaid: Tuan Pengerusi, saya mengambil bahagian mengalu²kan Perbelanjaan Kementerian Pengangkutan ini. Saya suka menarek perhatian berkenaan dengan Road Safety Council. Sa-bagaimana yang kita tahu bahawa banyak kemalangan berlaku di-jalan raya. Perkara ini ada-lah mendukachitakan. Sunggoh pun perkara ini tidak dapat di-hapuskan, tetapi dapat di-kurangkan, sebab di-tiap² negeri ada di-tubuhkan Lembaga Penasihat Keselamatan Jalan Raya. Tugas mereka itu menyasiat dan membuat beberapa shor, kemudian menghantar laporan itu kepada Kementerian untuk di-laksanakan bagi mengurangkan kemalangan. Saya tahu tugas mereka itu menunjukkan wayang gambar di-sekolah² dan kepada orang ramai dan mengeluarkan risalah. Saya dapati peruntukan-nya kurang, jadi tidak-lah dapat Lembaga Penasihat Keselamatan Jalan Raya menjalankan kewajipan-nya dengan penoh. Kalau kita bahagi peruntukan yang \$27,000 kepada 11 buah negeri, maka tiap² satu negeri dapat \$2,450. Oleh sebab peruntukan ini kurang, maka lembaga ini tidak dapat menjalankan tugas-nya dengan memuaskan. Oleh itu, saya harap Yang Berhormat Menteri mengambil perhatian yang berat tentang perkara ini, dan memberi peruntukan yang menasabah. Kita patut menguchapkan terima kaseh kepada ahli² Lembaga Penasihat Keselamatan Jalan Raya yang chenderong dalam hal keselamatan jalan raya yang telah berkhidmat dengan suka-rela, dan patut-lah kita beri galakan kepada mereka. Mudah²an maksud dan chita² kita hendak mengurangkan kemalangan jalan raya ini berjaya. Saya harap Yang Berhormat Menteri mengambil perhatian tentang perkara ini.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan orang Melayu di-dalam lapangan pengangkutan. Berhubung dengan teksi bantuan telah di-beri kepada orang Melayu. Sa-bagaimana yang telah di-laporkan oleh Yang Berhormat Menteri dua buah negeri telah dapat permit yang sa-imbang dan negeri² yang lain itu sedang di-timbangkan. Berkenaan dengan bas nampak-nya Kementerian telah menjalankan satu langkah ia-itu orang Melayu boleh memasukkan modal-nya dalam sharikat bas orang bukan Melayu. Saya harap bukan sahaja modal orang Melayu di-masokkan dalam sharikat bas itu, tetapi juga pekerja²-nya hendak-lah di-beri peluang kepada orang Melayu supaya mereka dapat belajar menjalankan urusan pengangkutan bas.

Yang ketiga, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan pengangkutan lori. Kemundoran orang² di-luar bandar itu orang Melayu khas-nya ia-lah di-sebabkan pengeluaran hasil-nya itu tidak dapat di-pasarkan sebab orang Melayu kurang pengangkutan lori. Saya harap Kementerian patut-lah mengambil perhatian yang berat dalam perkara ini. Kalau boleh mereka itu hendak-lah di-beri peluang berkongsi dengan bangsa lain. Apabila berkongsi ini jangan-lah buat chara "Ali Baba" ia-itu mereka ini tidak bekerja tetapi mendapat hasil \$100-\$200 dengan menjual nama sahaja. Saya harap Yang Berhormat Menteri membuat satu peruntukan (quota) berkenaan dengan peruntukan pengangkutan lori ini, sebab di-dalam Perlembagaan dalam Fasal 153 (6) ada menyatakan—

"Where by existing federal law a permit or licence is required for the operation of any trade or business the Yang di-Pertuan Agong may exercise his functions under that law in such manner, or give such general directions to any authority charged under that law with the grant of such permits or licence, as may be required to ensure the reservation of such proportion of such permits or licences for Malays as the Yang di-Pertuan Agong may deem reasonable; and the authority shall duly comply with the directions."

Sungguh pun syarat ini ada, tetapi kita tidak-lah mengganggu atau merampas hak orang lain. Saya harap Yang Berhormat Menteri membuat quota untuk orang Melayu tentang pengangkutan

lori ini dan di-beri keistimewaan sa-lama 5-10 tahun. Jadi, apabila mereka dapat memasarkan barang² pengeluaran-nya ka-bandar, maka ekonomi mereka akan maju pada masa yang akan datang.

Ada satu perkara lagi yang saya suka menarek perhatian ia-itu ada sa-tengah sharikat itu mempunyai 20-30 lori. Sungguh pun mereka mempunyai banyak lori, tetapi mereka tidak puas hati, mereka maseh minta lagi. Nampak-nya mereka tidak memberi peluang kepada orang lain. Kalau mereka minta tidak dapat, mereka minta permit trailer pula. Saya dapati sharikat yang saya katakan tadi sa-lain daripada mempunyai 30 lori dia mempunyai 10 trailer. Saya harap kepada Yang Berhormat Menteri supaya permit trailer itu jangan-lah di-beri. Beri-lah peluang kepada orang yang hendak menjalankan pengangkutan lori ini. Dengan jalan ini permit ini tidak tertumpu kepada satu golongan sahaja yang sudah mempunyai permit ini ber-puluh² tahun.

Jadi boleh-lah juga Menteri Yang Berhormat ini buat sa-bagaimana bas tadi. Kalau bas yang boleh masok 10 peratus modal dan dengan lori tegaskan berapa banyak modal Melayu yang boleh masok champor dengan yang bukan Melayu supaya pada masa jangka panjang boleh kita sa-imbangkan, sekian, Tuan Pengerusi, terima kaseh.

Enche' Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Pengerusi, saya berchakap berkenaan dengan Kepala 60—Road Transport. Ada dua perkara yang saya hendak bangkitkan di-dalam Dewan ini ia-lah terutama sa-kali masaalah banyak-nya private sapu atau pun private taxi. Masaalah yang kedua taxi² yang ada saperti yang telah di-bayangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar tadi. Di-negeri Kelantan khas-nya masaalah banyak-nya motor-car² yang mengambil sewa daripada orang ramai dengan tidak ada mempunyai plate taxi ini ada-lah satu perkara yang chukup berjadi² satu masaalah yang berat yang di-hadapi oleh pehak Kerajaan sendiri. Sa-hingga ikhtiar² di-lakukan oleh pehak Kerajaan sa-hari dua ini ia-lah dengan jalan

menangkap dan membawa mereka² itu di-bicarakan dalam Mahkamah kemudian di-hukuman dengan hukuman yang berat. Akan tetapi satu perkara yang harus kita mesti perhatikan kenapa-kah sebab timbul-nya banyak taxi² atau private² taxi atau pun pirate sapu di-katakan orang sekarang ini. Yang menyebabkan timbul banyak-nya motor-car² mengambil sewa dengan tidak ada plate taxi ini ia-lah oleh kerana dia mendapat sambutan daripada orang ramai. Orang gunakan dia, orang tumpang dan bayar sewa kepada dia. Yang menyebabkan orang itu ramai menumpang dan membayar duit kerana tidak chukup taxi² yang ada plate dan tidak chukup kenderaan² bas di-dalam kawasan itu. Terutama-nya di-kawasan² luar bandar yang jauh² daripada jalan raya apabila orang itu mustahak hendak keluar ka-pekan² terpaksa-lah menyewa motor-car private tadi. Jadi pada pandangan saya ikhtiar menahan dan menangkap motor-car² private seperti itu tidak-lah menjadi satu chara yang mu'tamad bagi menamatkan kaedah² taxi private ini. Melainkan pihak Kementerian ini terpaksa memikirkan ia-itu apa-kah satu chara yang boleh mengurangkan kegiatan² private sapu ini daripada melakukan kerja²-nya. Pada pandangan saya ia-lah di-banyakkan lagi plate² taxi ini di-berikan kepada orang² yang berkemampuan yang sudah ada motor-car sekarang ini. Sambil melihatkan keadaan tempat walau pun ada dinyatakan bahawa mengikut dasar untuk menjadi panduan tiap² 2,500 orang penduduk di-benarkan ada sa-buah taxi. Akan tetapi ini bergantung juga-lah kepada keadaan tempat itu. Ada tempat 2,500 orang penduduk tetapi jalan raya tidak sampai ka-tempat-nya. Dan ada tempat yang 2,500 orang penduduk, penduduk² ini boleh di-katakan melalui jalan raya itu maka tempat seperti ini ta' kan-lah munasabah hanya ada sa-buah taxi sahaja. Jadi dalam menimbangan dasar baharu ya'ani menambahkan lagi plate² taxi terpaksa-lah pihak Kementerian ini memberikan perhatian yang lebih berat kepada orang² yang sudah ada motor-car-nya sendiri yang apakala mereka itu minta plate ini maka orang seperti ini-lah yang mendapat timbangan. Saya dapati

pada masa² yang lalu kebanyakan orang yang dapat plate taxi ini ia-lah orang² yang pernah atau pun orang yang memang sudah ada plate² taxi. Sa-hingga kadang² bagi sa-orang dapat sampai dua, tiga dan empat plate taxi tetapi orang² lain tidak dapat peluang. Manakala dia mendapat peluang bagini banyak tetapi dia sendiri tidak menjalankan pekerjaan itu di-berikan kepada orang lain menjalankan pekerjaan itu. Jadi kalau sa-kira-nya di-jadikan satu syarat, mana² plate taxi di-luar bandar itu hendak-lah di-gunakan kepada orang yang belum ada plate taxi lagi dan di-utamakan juga kepada orang yang memang sudah ada motor-car pakai sendiri apakala orang itu membuat permohonan bagi mendapat plate taxi patut-lah di-berikan. Saya rasa ini satu daripada jalan bagi menyelesaikan masalah banyak motor-car² yang tidak ada mempunyai plate taxi menjalankan peranan-nya di-kawasan² luar bandar.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, ia-lah masalah yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar ia-itu-lah masalah taxi² yang duduk di-dalam bandar atau pun di-tempatkan di-dalam bandar terpaksa-lah di-jadikan taxi cab yang terpaksa pakai meter. Terpaksa memakai meter ini, Tuan Pengerusi, bukan sahaja di-bandar² besar bahkan di-bandar² kecil seperti yang di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi ia-itu di-Kelantan, di-Pasir Mas, Pasir Puteh, Machang dan demikian juga-lah di-tempat² lain. Kalau sa-kira-nya kaedah memakai meter ini di-teruskan pada masa yang akan datang, pada pandangan saya ini akan menjadi kerumitan yang besar kepada tuan² punya taxi² tadi. Mithal-nya daripada Pasir Mas ka-Kota Bharu kalau mengikut meter, penumpang² mesti-lah membayar tidak kurang daripada \$4.80 sedangkan bayaran biasa sekarang ini daripada Pasir Mas ka-Kota Bharu ia-lah sa-kadar \$2 sahaja bagi sa-buah taxi 4 orang, jadi erti-nya jika di-bayar mengikut meter, sa-tiap sa-orang itu di-mestikan bayar ia-lah sa-banyak saringan erti-nya 100 peratus lebih daripada bayaran biasa. Sedangkan kalau sa-kira-nya bagi pihak orang²

yang punya taxi kalau tidak di-jatohkan meter itu supaya berjalan apakala di-tahan oleh Polis atau Mata² Traffic maka ini menjadi satu kesalahan pula bagi tuan punya taxi jadi meletakkan keadaan ini serba salah. Saya rasa tempat² bandar sahaja-lah yang boleh di-gunakan dengan chara memakai meter seperti di-nyatakan tadi ia-itu bandar Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Ipoh ini sahaja saya nampak. Bahkan negeri Kelantan di-bandar Kota Bharu tidak mustahak memakai meter sebab tidak ada nampak-nya taxi² itu dapat di-gunakan atau pun di-perlukan oleh penumpang² kerana penggunaan taxi² itu hanya bagi perjalanan di-dalam bandar² sahaja. Sebab walau pun Kota Bharu menjadi ibu negeri tetapi dia bukan-lah menjadi bandar yang besar seperti Kuala Lumpur. Jadi pada masa akan datang mustahak-lah pihak Menteri ini memikirkan supaya kaedah taxi cab ini dapat di-fikirkan sa-mula supaya kembali kepada kaedah² yang lama dengan tidak memakai meter, seperti-lah hire car di-gunakan di-kawasan² luar bandar. Jadi dengan chara yang demikian saya rasa masa yang akan datang kalau dengan chara memakai taxi cab harus-lah mereka ini akan menerima kerugian yang besar yang menyebabkan nanti barangkali instalment bayaran harga motor-car pun tidak terbayar. Orang semua akan lari daripada menggunakan taxi cab kerana bayaran-nya mahal dan terpaksa-lah orang naik motor-car² lain atau hire car di-kampong² atau naik bas sahaja. Dan kalau perkhidmatan bas ada sekali pun maseh banyak lagi penumpang² yang memerlukan taxi. Jadi saya telah berchakap dengan sa-orang pegawai tinggi di-negeri Kelantan dalam bahagian Road Transport ini, dia kata, soal mengenakan meter itu ia-lah soal peratoran akan tetapi tidak-lah mestinya bagi tuan punya taxi tadi minta bayaran itu kepada penumpang²-nya seperti apa yang tertulis daripada meter itu ma'ana-nya boleh-lah bertolak ansor antara penumpang itu dengan tuan punya taxi. Jadi sa-kira-nya daripada Kota Bharu pergi ka-Pasir Mas di-dalam meter-nya bertulis \$4.80 maka boleh-lah di-bayar \$2 sahaja. Sunggoh pun begitu di-dalam theory-nya boleh-lah kita katakan begitu

tetapi mungkin berbangkit kemudian hari masalaah perhitongan kemasokan wang daripada meter ini. Mungkin pada masa akan datang di-jadikan dasar bagi pihak Kerajaan ini kepada dasar untuk soal income tax dan sabagai-nya. Ini barangkali harus-lah apabila pihak taxi itu mengetahui bahawa perkara ini akan menimbulkan masalaah² yang rumit pada masa akan datang dan menyebabkan tentu-lah tidak berani dia buat perkara tolak ansor macham tadi. Dan tidak ada satu jalan yang lebih munasabah melainkan pihak Kementerian ini memikirkan tentang di-bandar yang besar² sahaja, tetapi bagi bandar Kota Bharu itu tidak munasabah kalau hendak memakai taxi meter.

Enche' K. Karam Singh (Daman-sara): Mr Chairman, Sir, I refer to item (1), Minister of Transport, on page 255. Only yesterday and this morning we heard a lot of nice things that the Ministry of Labour had to say about the working class in this country. The chance to prove the good intentions of the Government is here for it to meet the demands of the railway employees through their Union.

Enche' Abdul Rahman bin Haji Talib: On a point of order under Standing Order 36 (2). I understand that the dispute of the Malayan Railway with the Malayan Railway Employees Union is going to a Court of Enquiry and I submit that this matter should not be raised in this House.

Enche' K. Karam Singh: On the same point of order. The Minister should not bring in this matter of *sub judice* on a mere understanding. There has been nothing about a Commission of Enquiry and the Union has not accepted a Commission of Enquiry. So I cannot be ruled out of this point, Mr Chairman.

Enche' Abdul Rahman bin Haji Talib: I did not say a Commission of Enquiry but a Court of Enquiry which the Ministry of Labour can set up under the Industrial Ordinance.

Enche' K. Karam Singh: It has not been set up.

Enche' Abdul Rahman bin Haji Talib: It has been set up and it should have been announced in the 9.30 news.

Enche' K. Karam Singh: There has been no news of acceptance by the Union. There cannot be any question of *sub judice* unless both parties accept the Court of Enquiry.

Enche' Tajudin bin Ali: On a point of order—a point of order was raised and may I have your ruling on it?

Mr Chairman: I told you it is *sub judice*. They are still enquiring about it now and I think you must not touch on that point.

Enche' K. Karam Singh: But, Mr Chairman

Mr Chairman: You cannot argue with me.

Enche' K. Karam Singh: In that case I would like to record my protest. (*Resumes his seat*).

Mr Chairman: Don't you want to speak?

Enche' K. Karam Singh: I had only just that to speak. It is not fair on the part of the Minister to exclude me unless both parties have announced their acceptance. Until that I must respectfully submit that I cannot be excluded under *sub judice*. It is only *sub judice* if both parties accept it under the voluntary system. So I would not want this House to be misled by the Ministry into an unfair exclusion on this matter.

Mr Chairman: Are you going to say anything else?

Enche' K. Karam Singh: I only want to speak on this.

Mr Chairman: My ruling is that it is *sub judice*.

Enche' K. Karam Singh: Mr Chairman, Sir, most humbly I would seek a clarification on this point from the Minister. If the Minister can say that a Commission of Enquiry is binding without acceptance by both parties,

then I would withdraw. Otherwise, he should withdraw this point of order.

Mr Chairman: Do you want to reply?

Enche' Abdul Rahman bin Haji Talib: I can give some clarification. The Cabinet has decided, and it has been announced over the radio, that the Ministry of Labour under the Industrial Courts Ordinance—I am subject to correction but I think under Section 6 (2)—has got the power to set up this Court of Enquiry, and the Court of Enquiry has been set up.

Mr Chairman: Are you satisfied with that explanation?

Enche' K. Karam Singh: I am not satisfied, Mr Chairman. It is just what the Minister thinks and understands. He has nothing definite or concrete. To exclude me on this on such an important matter—it is going to result in a strike in about 74 hours time—I think it is most unfair and is a misuse of the Standing Orders; unless there is something concrete for Mr Chairman to base his ruling, I would submit that no case has been made out for the matter being *sub judice*. You cannot force the Union to go to a Commission of Enquiry. They have said that they will not budge an inch until their demands are met. So that is very clear. I am not trying to misuse the Standing Orders, but I do not want the Minister to misuse the Standing Orders to prevent unfairly this matter being brought up here.

Mr Chairman: You proceed.

Enche' K. Karam Singh: Thank you, Mr Chairman. As I said, the Government has its chance to prove its good intentions, and the proof of the pudding is in the eating, and actual actions will prove the worth of the Government's policy and not merely its words. In today's *Straits Times* we read of an offer being made by the Administration to the workers, and what does the paper indicate about this offer, about the monthly paid status for the daily-rated workers? We read, "The Administration today offered to convert all the 9,000 daily-rated

workers in the Railway to monthly paid but at 26 times their daily wages.” Mr Chairman, Sir, 26 times their daily wages will not materially change the conditions of the daily-rated staff. Their position would materially remain the same as before and they will not get the actual benefits of being monthly paid. So, although the justification of the demands of the railway workers is recognised, there is no genuine efforts to meet those demands. The next paragraph the report goes on to say that the Union says that they want 30 times the daily wages, which would actually bring them the full benefits of monthly paid status, which is what they want.

Enche' Tajudin bin Ali: On a point of order under Standing Order 36 (1). Is that relevant to this subject matter?

Mr Chairman: I think that is not relevant. You are talking too much on it.

Enche' K. Karam Singh: It is my submission that it is not irrelevant. There is a Minister sitting in this House who is getting \$36,000 and it is his duty to see that the Railway is run properly. So it is not irrelevant unless the Honourable Member for Larut Utara is prepared to remove this \$36,000 meant for the Minister of Transport.

Mr Chairman: Is the Railway under this Ministry?

Enche' K. Karam Singh: Yes, Mr Chairman, Sir, it does come under this Ministry.

The Assistant Minister of the Interior (Enche' Cheah Theam Swee): What is your ruling, Sir—can we have a clear ruling?

Mr Chairman: My ruling just now is that it is irrelevant. When it is irrelevant you cannot say anything more on it.

Enche' K. Karam Singh: My submission is that

Mr Chairman: When I have ruled that it is irrelevant, you cannot argue again.

Enche' Abdul Rauf bin A. Rahman: Tuan Pengerusi, peratoran meshuarat 44 (1) ada berbunyi:

“Pengerusi sa-telah menarek perhatian Majlis Meshuarat atau Jawatan-Kuasa kepada kelakuan sa-saorang ahli yang berdegil² menyebutkan perkara yang tidak ada kena-mengena dengan perkara meshuarat atau berulang² menyebutkan hujah-nya sendiri atau hujah² ahli lain dalam sa-suatu perbahathan, boleh memerentahkan ahli itu suroh berhenti berchakap.”

Di-minta-lah, Tuan Pengerusi, menjalankan apa yang tersebut di-dalam Standing Order ini.

Mr Chairman: You have persisted in being irrelevant. I can direct you to discontinue your speech according to S.O. 44 (1). I would like to warn you that if you continue touching on that aspect again, I will direct you to discontinue your speech.

Enche' K. Karam Singh: In that case, I have no alternative but to attack this provision of \$36,000 for the Minister of Transport for the year 1963. I think the Minister of Transport is not doing his work and so we should not have this provision for him. Public funds should not be wasted on this Minister if he cannot pay attention to such an important matter as the threatened strike in the Malayan Railway. The Minister in charge of this Ministry has proved that he does not at all pay attention to the problems of this Ministry. For instance, Sir, one offer affects only fifteen people out of the four thousand monthly-rated workers. Does it show that this Ministry is really paying attention to the problems that are its sole concern? My submission, Mr Chairman, Sir, is that this Ministry is unfit

Tuan Haji Ahmad bin Saaid: Sir, on a point of order. The Honourable Member is moving a sort of “no confidence” on the Minister. If it is so, then he must give at least two days notice!

Enche' K. Karam Singh: What is the number of the Standing Order?

Mr Chairman: S.O. 36 (6). You should not impute improper motives to the Minister.

Enche' K. Karam Singh: Sir, this is not imputing improper motive. I am

only saying that the Ministry is not doing its work. There is no question of imputing improper motive, Sir, and I am not moving a motion of "no confidence". But I am bringing facts to light in this House, and if the Honourable Member, who objected just now, feels satisfied with what I say, then he can move a motion to remove the Minister in charge of this Ministry!

Enche' Cheah Theam Swee: Mr Chairman, Sir, is it clear that the Honourable Member is not moving a "no confidence" motion on the Minister?

Mr Chairman: He is not.

Enche' Cheah Theam Swee: Therefore, he is confident! (*Laughter*).

Enche' K. Karam Singh: It is a very funny logic, Mr Chairman, Sir. (*Laughter*). This Ministry is trying to dodge a very vital issue, and how it is trying to dodge this issue we can see in the *Malay Mail* of today which says:

"Observers here have speculated that the Government may set up a commission of enquiry to look into all aspects of the dispute."

The Minister informs us that a commission of enquiry was announced at 9.30 p.m. by Radio Malaya, but whether it has been accepted or not by both parties has not yet been brought to the attention of this House. Sir, I would say that this is not meeting the problem fully and the Government is trying to evade a very vital problem because, if it is not solved today, it will be postponed and it will occur again—if not on the 23rd—later on it is bound to crop up. So, Mr Chairman, Sir, I would urge the Government not to resort to such tactics which are not at all honourable.

Sir, at first the Government indicated that it would use force by an emergency legislation to prevent a strike. When the whole country, when the trade union movement, showed its grave displeasure, the Government withdrew its intention to resort to such high-handed measures. Now, we find the suggestion, confirmed over Radio Malaya, of the appointment of a commission of enquiry. My Honourable friend, the Member for Bungsar,

has said that the workers in this country have lost all faith in the so-called commissions of enquiry which are one-sided and which are totally in favour of employers. So, we would urge the Minister in charge to summon up all his courage and solve this problem. They have recognised the merits and justice of the demands by giving offers, but they do not go far enough to meet the substance of the demands. In view of that, I would urge the Government to have the courage to meet those demands and see that we have a satisfied working class running our Railway.

Tuan Haji Ahmad Saaid: Sir, on a point of order. I beg to draw your attention to S.O. 44 (1), because the Honourable Member is persisting in irrelevancy.

Mr Chairman: (*To Enche' K. Karam Singh*) Though I have warned you again and again, you have persisted in being irrelevant. I think it is time that I order you to discontinue your speech!

Enche' K. Karam Singh: Mr Chairman, Sir, on this point of order . . .

Mr Chairman: When I ask you to discontinue your speech, you cannot say anything else!

Enche' K. Karam Singh: Thank you, Sir. (*Laughter*).

Enche' Zulkiflee bin Muhammad: Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap berkenaan dengan Publicity for Road Safety Council dan Enforcement Officer. Tuan Pengerusi, saya fikir keselamatan jalan raya patut di-perhatikan dari masa ka-masa, dan ada-lah menjadi kewajipan bagi Majlis Keselamatan Jalan Raya ini memikirkan bagaimana supaya dapat di-hindarkan accident atau kemalangan jalan raya yang mengancam nyawa ra'ayat negeri ini, dan yang telah pun pada masa yang lalu menjadi satu faktor kechederaan yang besar di-dalam negeri ini. Tuan Pengerusi, membawa motokar ada-lah satu perkara yang mengandongi bahaya. Saya nampak di-dalam melakukan tugas masing² membawa motokar ini ada pemandu² motokar, terutama mereka yang membawa lori besar dan teksi yang mengasaskan kehidupan mereka atas laju

dan banyak berulang alek mereka didalam perjalanan. Mereka ini telah lupa kadang² kapada keselamatan dirinya sendiri dan keselamatan orang lain.

Pada tahun² yang lalu saya telah berchakap khas-nya berkenaan dengan pemandu² lori yang besar dalam negeri ini. Malang-nya, pada malam ini Yang Berhormat Menteri yang benar² bertanggung-jawab atas Kementerian Kendaraan tidak ada kerana uzor. Kalau beliau itu ada saya perchaya bahawa apa yang saya chakapkan ini akan mendapat jawapan yang sa-rupa daripada-nya dari tahun ka-tahun. Tahun yang lalu, Tuan Pengerusi, apabila masaalah pemandu lori ini saya kemukakan, maka jawapan Yang Berhormat Menteri ia-itu jalan bagi mengelakkan daripada pemandu² itu laju ia-lah memberi nombor kapada pemandu² lori yang nombor itu di-ikat pada lengan-nya, dan dengan yang demikian kalau terjadi sa-suatu kita pegang nombor itu dan lesen-nya di-tarek balek. Ini chakap Yang Berhormat Menteri dalam Dewan ini. Nampak-nya pemandu² lori tidak mengindahkan chakap Menteri. Mereka terus menjadi satu faktor kemalangan yang banyak dalam negeri ini. Tuan Pengerusi, saya telah mengeshorkan dahulu bahawa kalau dapat hendak-lah di-seal carburettor motokar dan lori itu supaya dapat di-kawal laju-nya.

Kita telah menulis dengan besar kapada lori² itu tidak lebeh 35 M.P.H. dan sekarang 35 B.S.J. Pemandu² lori ini mentafsirkan terbalek ia-itu tidak kurang daripada 35 B.S.J. dan tentu-lah Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Pemangku Menteri Pengangkutan yang ada sekarang dapat menyaksikan ia-itu kalau hendak dapat asap lori lari-lah 40 B.S.J. Jadi, Tuan Pengerusi, bila-kah agak-nya Kementerian ini dapat menyelesaikan masaalah ini, dan ingin-lah saya hendak tahu pada malam ini juga dengan berkat Menteri yang memangku ini apa-kah pula sa-lain daripada mengikat nombor di-tangan derebar itu yang dapat di-buat oleh Kementerian ini bagi mengawal perjalanan lori² itu mengikut apa yang kita tetapkan? Tuan Pengerusi, kita tahu bahawa tentang laju tidak laju bukan-lah satu perkara atas angin

tetapi perkara yang bersangkutan dengan nyawa ra'ayat. Makin di-besarkan jalan, makin laju lori, dan kadang² nampak saya sa-olah² ada competition, tiap² hari ada Grand Prix di-jalan² yang besar dalam Persekutuan Tanah Melayu ini, yang sudah tetap pehak yang menang ia-lah lori, makin banyak muatan-nya makin chepat dia lari.

Tuan Pengerusi, saya tidak berchadang hendak menukar undang² itu di-sini, sebab itu ada-lah kerja Kementerian dengan apa² yang di-shor-kan oleh Road Safety Council. Sa-orang Ahli Yang Berhormat meminta tambah elaun, saya tidak keberatan menyokong-nya, tetapi biar-lah padan dengan kerjanya. Di-Amerika sa-bagaimana saya bacha satu berita dalam surat khabar—oleh kerana Kerajaan suka mendengar cherita Amerika, saya cheritakan-lah di-sini—di-buat satu peratoran, ia-itu apabila sa-orang kena accident dan nyata kemalangan itu terbit daripada kechuaian oleh kerana tiada menimbang rasa kapada diri-nya dan kapada orang lain, orang ini sa-lain daripada di-denda atau di-penjara, dia di-suroh melawat rumah sakit yang ada orang chedera kerana kemalangan jalan raya sa-lama 15 hari. Sa-hingga orang ini terasa betapa besar kesalahannya membawa kereta dengan chuai dan tidak mengindahkan kepentingan orang ramai. Mengikut falsafah pembalasan dari undang², saya perchaya membalas sa-saorang itu dengan chorak dan bentuk kesalahan apa yang telah di-buat-nya ada-lah berkesan. Saya tidak tahu apa-kah chara yang boleh di-fikirkan oleh Yang Berhormat Menteri supaya dapat orang² yang melakukan perbuatan itu insaf.

Saya ada kenal sa-orang derebar teksi, dia telah melanggar orang sabanyak 27 kali dan mati 10 orang, tetapi dia-nya tidak mati dan maseh lagi membawa teksi dengan aman dan tenteram di-negara yang aman dan tenteram ini. Tuan Pengerusi, saya nampak orang ini menunggu lagi bila-lah kemalangan yang kedua puloh lapan akan berlaku. Boleh jadi orang ini psycho atau orang yang sakit urat sarap, oleh kerana mudah-nya penilaian harga nyawa manusia kapada-nya. Saya harap, Tuan Pengerusi, supaya langkah

yang lebih berat dapat di-kenakan kepada orang² yang mempergadaikan nyawa mereka itu sendiri dan nyawa masyarakat yang duduk di-tepi jalan dan nyawa orang² yang menumpang motokar-nya. Orang ini di-kenakan hukuman yang amat berat, kalau mustahak di-pinda undang² bagi membolehkan kita mengurangkan kemalangan di-negeri ini. Tuan Pengerusi, kemalangan berlaku dalam negeri ini kerana tidak ada rasa tanggung-jawab yang lebih di-kalangan derebar, bukan sahaja derebar lori dan teksi, tetapi semua derebar termasuk saya sa-orang.

Tuan Pengerusi, peruntukan Publicity for Road Safety Council pada tahun ini sa-banyak \$27,000. Pada tahun yang lalu Kementerian ini telah mengeluarkan satu buku kecil yang di-namakan Highway Code dan di-berikan kepada Wakil Ra'ayat supaya di-sampaikan kepada orang² dalam kawasan-nya. Jadi, saya pun memikirkan kepada siapa yang hendak saya berikan. Alangkah baik-nya kalau Kementerian ini letakkan di-tempat mengambil lesen. Siapa yang hendak mengambil lesen beri sa-keping kepada-nya. Wakil Ra'ayat ia-lah politician, mereka sebak berkempen, kalau dia tidak berkempen, orang lain akan berkempen di-tempat-nya, dia terpaksa juga bekerja. Saya fikir lebih baik di-buat peratoran supaya tiap² orang yang hendak lesen sa-lain daripada di-pereksa kebolehan-nya tentang undang² yang bersangkutan dia di-pereksa juga memandu motokar dan di-beri panduan yang effective supaya dia sedar bahawa lesen yang ada pada-nya itu hanya-lah memandu motokar bersama² dengan orang lain dan bukan untuk berlawan dengan orang lain.

Itu chara yang saya fikir patut di-buat dan saya perchaya gurisan² di-dalam publicity berkenaan dengan Road Taxi ini tidak chukup, dia hendak ada gambar di-tunjukkan. Pada satu masa dahulu dalam wayang gambar di-buat-nya gambar budak² bergelimpangan sa-hingga kita rasakan sa-olah² Hiroshima tetapi rupa-nya gambar Road Transport; ini patut dimasukkan dalam pamphlet itu supaya orang itu dapat tengok apa yang mung-

kin terjadi apabila dia melakukan demikian.

Sa-lain daripada lori, masaalah taxi. Taxi ini tidak mempunyai speed limit, saya tidak tahu pula bagaimana penilaian Kementerian ini kepada orang² yang duduk di-dalam taxi. Dan oleh kerana driver² taxi ini sudah lama duduk dalam motor-car-nya sama-lah seperti dia duduk di-atas rumah-nya dan memandu motor-car sa-olah² natural reflect bagi dia—biasa sahaja, sa-hingga dia berasa tidak-lah menjadi satu perkara tidak di-sedari di-bawa-nya dan ini bahaya-nya amat-lah besar. Orang² yang seperti pembawa taxi ini hendaklah di-fikirkan supaya di-kenakan fahaman yang lebih dalam di-dalam rukun² membawa taxi² dan keadaan² yang ada di-dalam membawa taxi seperti menjaga nyawa orang. Sebab pada masa ini, Tuan Pengerusi, saya perchaya sa-tengah² orang di-sini pun tahu bahawa driver taxi ini biasa-nya membawa taxi kepunyaan orang lain. Sa-buah Mercedes Benz yang berharga \$14,000, tuan motor-car itu membayar \$450.00 sa-bulan ansoran, maka driver itu di-mestikan mendapat duit tidak kurang daripada \$700.00 sa-bulan untok tayar dan ansoran. Maka ini menyebabkan perlumbaan di-antara mereka yang melajukan perjalanan mereka dengan tidak menimbangkan keselamatan. Tuan Pengerusi, saya perchaya elok-lah sudah Kementerian ini memikirkan sama ada patut taxi² ini di-jalan yang tidak ada had laju di-kenakan kepada mereka itu 60 batu sa-jam. Sebab saya katakan begitu, Tuan Pengerusi, dengan mengenakan 60 batu sa-jam itu pun boleh dia menchari rezki; saya tidaklah menyuruh dia lari 50 batu sa-jam, sebab bas di-suruh lari 30 batu sa-jam dia lari 45 batu sa-jam, jadi rugi-lah. Tuan Pengerusi, sebab yang taxi² ini boleh laju dan laju di-dalam bandar kerana Polis pun bermufakat dengan mereka itu. Kalau driver taxi berjalan di-tengah bandar: Saya telah pernah naik menyertai penumpang² taxi terasa-lah saya tidak ada Undang² dalam dunia ini. Rupa-nya Mata² itu sudah mendapat habuan dan habuan itu telah di-kira akhir bulan. Boleh jadi orang mengatakan ini tuduhan kepada Royal Polis Persekutuan Tanah Melayu,—

Royal, baik, ta' Royal baik, perkara ini-lah yang berlaku. Jadi saya harap supaya di-fikirkan dan mewujudkan speed limit kepada taxi².

Tuan Pengerusi, saya memikirkan satu daripada sebab yang lori² dan taxi² ini laju ia-lah kerana Enforcement Officers ini tidak memerhatikan keadaan mereka. Traffic Polis, mereka ini, Tuan Pengerusi, terbatas bilangan-nya, dia terpaksa menjaga di-dalam bandar² dan kadang² dia tidak dapat menjalankan kewajipan-nya di-luar² bandar. Pendek-nya di-seluruh Tanah Melayu ini pekan² yang bertulis 30 batu sa-jam itu hanya di-hormati sa-kira-nya telah ada nama baik atau nama tidak baik pekan itu sendiri ada speed trap atau jerat orang melajukan motor-car. Saya sendiri tahu di-Guar Chempedak, Guron, di-Sungkai dan Slim River, inilah tempat-nya kita hendak jaga yang lain itu tidak mengapa. Sebab Polis itu pun ada sistem, jadi saya pun tahu, Tuan Pengerusi, apa-lagi driver² taxi dan sa-bagai-nya. Jadi saya berharap kepada Kementerian ini memikirkan bagaimana Enforcement Officers ini sama ada berkenaan dengan lori yang lari 35 batu sa-jam atau pun dengan taxi yang melanggar batasan atau pun kepada Ahli² Parlimen yang laju sangat motor-car-nya, semua-nya ini di-jerat belaka di-tempat² yang tidak terfikir mungkin mereka itu kena jerat. Tuan Pengerusi, dengan yang demikian baharu-lah dapat penghormatan dilakukan dan keselamatan dapat di-wujudkan di-jalan raya di-Persekutuan Tanah Melayu ini. Kita telah habis daripada peperangan kita dengan komunis maka mari-lah kita perang pula orang² yang laju motor-car yang memakan nyawa orang ramai kadang² terlalu banyak.

Enche' Ahmad bin Arshad: Tuan Pengerusi, saya berchakap sedikit sahaja sambil mengalu²kan peruntokan Kementerian ini dalam Supply Head 55 muka surat 255, Item (1) berhubung dengan Kementerian Pengangkutan. Saya telah mendengar ucapan yang telah di-berikan oleh Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan ini dengan mendengar dan memikirkan-nya. Saya chuma hendak menarek perhatian Yang Berhormat Kementerian ini berhubung

dengan motorcycle. Motorcycle ini, Tuan Pengerusi, ada-lah sangat² di-gunakan oleh penduduk² di-luar bandar pada masa ini, daripada motorcycle besar sampai-lah motorcycle kecil. Mereka membeli motorcycle bukan-lah kerana kegunaan makan angin tetapi di-gunakan bagi pembangunan negara, erti-nya mereka membawa motorcycle pergi di-kebun² yang jauh² daripada kampung. Dari sekian hari, sekian bulan motorcycle ini memang bertambah kepada penduduk² di-luar bandar. Apa yang mereka harapkan kepada Kementerian ini supaya di-fikirkan dan di-kaji ia-itu lesen yang di-gunakan oleh mereka itu pada masa sekarang sa-tahun sa-banyak \$36. Ini mereka di-kenakan bagi motorcycle yang kecil horse-power-nya 100 c.c. ka-bawah. Saya mengharapakan pertimbangan supaya di-turunkan bayaran itu kepada \$16 sa-tahun—kerana ini bukan-lah satu perkara yang luar biasa kepada Persekutuan Tanah Melayu. Menurut apa yang saya tahu bahawa di-Singapura motorcycle yang horse-power-nya di-bawah 100 c.c. itu bayaran chukai-nya ia-lah \$16—kalau saya salah tolong betulkan.

Lagi satu, Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap di-atas ucapan Yang Berhormat Pemangku Kementerian Pengangkutan berhubung dengan Badan Keselamatan di-Jalan Raya. Saya ada-lah sangat mengalu²kan hal ini dan dengan sebab ini-lah dapat menchegeh keselamatan di-jalan raya. Dengan adanya Jawatan-Kuasa Keselamatan Jalan Raya saya nampak satu perkara kalau boleh di-fikirkan oleh Jawatan-Kuasa ini ia-itu kita sayugia-nya bagi pihak Kementerian ini mengadakan tempat bertedoh atau tempat menunggu penumpang² hendak naik bas atau motor-car di-bandar² yang besar atau di-pekan² yang besar². Biasa-nya sa-tengah² tempat itu memang telah di-buat tempat bertedoh. Apa yang saya perhatikan dengan sebab tidak ada tempat penumpang itu bertedoh kena hujan, mereka terpaksa menompang di-kedai kopi mengkelek anak mereka itu, mendapatkan bas dan motor-car.

Puan Hajjah Zain binti Sulaiman: Tuan Pengerusi, ini perkara yang lain pula yang hendak saya chakapkan ia-itu berkenaan dengan jalan raya.

Daripada 27hb November sa-hingga hari ini saya sentiasa di-dalam ketakutan ia-itu dari Petaling Jaya sampai ka-Kebun Bunga tidak berhenti²-lah kita berjumpa dengan lembu² (*Ketawa*). Walau pun di-dalam masa hujan lebat—dia diam² sahaja—macam manusia (*Ketawa*). Ada sa-kali lembu² itu masok di-tempat perhentian bus—macam orang hendak tunggu bus pula (*Ketawa*).

Pada satu malam saya balek dari Parlimen di-dalam hujan lebat, lembu melintas di-dalam gelap itu, saya tidak tahu macham mana hendak membuatnya, mengapa lembu² ini di-bebaskan benar oleh Kerajaan? Betul lembu, ada kaki, ada kepala, ada berekor, oleh itu tolong-lah sedikit dalam perkara ini supaya jangan berlaku lagi.

Enche' Tan Cheng Bee: Mr Chairman, Sir, I would like to touch on this Road Safety Council under the Ministry of Transport. I see that all along the roads, you find trailers attached to lorries running along the highways during the day time when usually traffic is heavy. I think this is very dangerous, especially when we consider that certain stretches of our Malayan roads are very narrow, for instance between Slim River and Tanjong Malim. We find these trailers hinged to the lorries swinging irregularly behind the lorries along the road, and it is really dangerous to car drivers when they find it necessary to overtake these lorries and trailers at these narrow stretches of the road. In my opinion, these trailers, for the safety of road users, should not be allowed to travel on the roads during the day time, but might be allowed during the night time when traffic is not so heavy.

Another point I would like to touch on is about motor cycles. I find that these motor cycles appear to have gadgets affixed to the exhaust pipes to make them sound like radio patrol cars when they move along the road, especially when two or three motor cycles speed on together. I was in the Kuala Lumpur Railway Station a few nights ago when I saw three motor cycles speeding along the road, and making the noise as if radio patrol cars

were travelling along the road. I think there is a law that prohibits unnecessary manipulation of exhaust pipes of motor vehicles, especially motor cycles, and I feel it is high time this law is applied to such offenders before things go out of hands, as I find that this has not only become a common practice in Kuala Lumpur, but also in Penang. When these motor cycles travel on the roads, they can be misleading and very annoying.

Enche' Abdul Rahman bin Haji Talib: Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih pada Ahli² Yang Berhormat yang telah mendatangkan berbagai pandangan untuk keselamatan kita. Saya chuba akan menjawab dalam masa yang singkat ini sa-tengah daripada perkara² yang telah di-bangkitkan oleh Ahli² Yang Berhormat, tetapi sebelum daripada itu, Mr Chairman, Sir, let me reply to the points raised by the Honourable Member for Tanjong. The first point raised was about co-operative societies, and I would like to inform him and this House that it is already the policy of the Ministry to give preference to Malay co-operative societies to operate transport and, when there is no such co-operative society, to RIDA on the understanding that RIDA would hand over the operation to a Malay co-operative society when it is formed and is ready to take over. At the present time several co-operative societies have already been given licences to operate transport.

The other point raised was about the application of the Penang City Council for extension of its bus route. I am sorry that the Honourable Member seemed to be so upset when he was ruled out of order, but I think I have to remind him that before he raises a question he must first make certain that his information is up-to-date. As I have said earlier, an appeal has been made to the Central Licensing Board, and as such, I do not wish to deal with that matter any further.

Coming to the point raised by the Honourable Member for Damansara, as I have informed you, Sir, the dispute between the Railway Administration and the Railway Employees Union has

been referred to a court of enquiry set up under the Industrial Courts Ordinance. Unfortunately the Honourable Member who claims himself to be a champion of the workers does not seem to understand the difference between a court of enquiry and an arbitration tribunal. A court of enquiry can be set up by the Government, as I explained to you, under section 6 (2) of the Industrial Courts Ordinance without the consent of the parties concerned; on the other hand, if you want to set up an arbitration tribunal, then you have to have the consent of both parties. Now it is a court of enquiry that has been set up under the Industrial Courts Ordinance.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Larut Utara telah membawa tiga perkara. Pertama berkenaan dengan bahagian orang² Melayu didalam Road Transport. Saya tidak payah-lah menjawab hal itu. Yang kedua berkenaan dengan membaharui lesen² kereta. Saya berharap perkara ini dapat di-cheptakan. Saya suka-lah hendak memberitahu Ahli Yang Berhormat itu, kalau sa-kira-nya semua orang yang memegang licence ini mengikut undang² ia-itu menghantar permohonan-nya dua minggu terlebih dahulu daripada masa licence itu mansokh, maka saya rasa tidak akan ada kengedalaan apa² tentang membaharui licence-nya.

Berkenaan dengan tempat menimbang kereta itu, sa-benar-nya pada masa sekarang ini, Pejabat Pendaftaran dan Pemeriksa Kereta² Motor itu tidak ada tempat menimbang-nya sendiri dan maseh lagi menumpang, tetapi kita berharap dalam masa tidak beberapa lama lagi, kita akan adakan tempat menimbang sendiri.

Ahli Yang Berhormat dari Temerloh dan beberapa orang Ahli² Yang Berhormat yang lain telah membangkitkan perkara kemalangan jalan raya dan keselamatan jalan raya. Pandangan² Ahli² Yang Berhormat termasuk juga Ahli Yang Berhormat dari Bachok, akan di-ambil ingatan dan akan ditimbangkan oleh lembaga atau badan yang berkenaan dengan keselamatan jalan raya ini.

Perkara yang kedua yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Temerloh itu ia-itu berkenaan dengan tambang bas² company. Saya suka hendak memberi tahu Ahli Yang Berhormat itu ia-itu tambang ini di-tetapkan oleh Licensing Board. Tambang bas itu di-tetapkan sa-banyak empat sen dalam satu batu, tetapi dalam undang² juga membenarkan Licensing Board ini menetapkan tambang yang lebeh daripada itu ia-itu di-antara lima atau lapan sen sa-batu, mengikut keadaan jalan-nya pada timbangan Licensing Board—ma'ana-nya jikalau jalan itu kurang baik dan dengan sebab itu kerosakan² kereta² dan bas² ini lebeh tinggi atau lebeh besar daripada kerosakan² yang di-dapati oleh bas yang berjalan dengan jalan yang baik, maka boleh-lah bagi jalan ini Licensing Board melebehkan tambang bas itu. Barangkali jalan yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Temerloh itu ia-lah jalan Triang. Jalan ini adalah satu jalan yang termasuk dalam kumpulan jalan yang kurang baik, oleh sebab itu, tambang-nya mahal sedikit.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah membangkitkan perkara berkenaan dengan parking regulations di-Kuala Lumpur. Saya suka-lah menjawab-nya di-atas perkara ini, walau pun perkara ini di-bawah Kementerian Pengangkutan, tetapi tanggung jawab-nya ia-lah di-bawah Kuala Lumpur Municipality, dan saya akan meminta supaya pandangan beliau itu akan di-sampaikan kepada majlis yang bersangkutan-paut dengan perkara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara telah membangkitkan berkenaan dengan licence motor-cycle supaya diturunkan bayaran-nya. Perkara menurunkan bayaran licence motor-cycle ini ta' boleh di-buat dengan sa-kali gus dan perkara ini terpaksa-lah di-rundingkan terlebih dahulu terutama sa-kali berthabit dengan perdagangan. Dan kata-nya pula apabila sa-sabuah negeri yang lain itu ada mempunyai licence yang murah, maka kita mesti mengikut negeri itu. Saya suka menerangkan ia-itu kita mesti-lah menimbangkan hal² bayaran licence mengikut kehendak² negeri kita sendiri.

Ahli Yang Berhormat dari Pontian Selatan telah membangkitkan berkenaan dengan lembu. Ini pun sabagaimana yang saya katakan tadi—entah mana lembu yang di-maksudkan—perkara lembu di-jalan² raya itu, kalau dalam kawasan Kuala Lumpur, adalah tanggungan Kuala Lumpur Municipality.

Sa-bagaimana yang saya katakan tadi, Tuan Pengerusi, pandangan² berkenaan dengan hal² jalan raya yang telah di-datangkan oleh Ahli² Yang Berhormat itu, saya ada-lah mengambil ingatan dan saya harap akan ditimbang dalam Majlis Keselamatan Jalan Raya yang mana peruntukan belanjawan-nya telah di-lebihkan sedikit kerana Kementerian ini ada-lah mengambil perhatian yang berat berbong dengan hal² keselamatan jalan raya kerana kemalangan dan kematian di-jalan² raya itu kadang² banyak. Dengan sebab itu-lah dalam perkara ini, kita akan memberi pandangan yang istimewa, khas-nya berkenaan dengan pandangan yang telah di-sampaikan oleh Ahli² Yang Berhormat itu.

Enche' Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Pengerusi, saya rasa pehak Menteri ini patut juga memberi jawapan di-atas pandangan yang telah saya kemukakan tadi ia-itu berkenaan dengan taxi cab yang di-pasang meter yang duduk di-dalam bandar² kecil. Ada-kah tidak Kementerian ini bersedia menimbangkan pada masa akan datang supaya taxi cab itu di-gunakan hanya di-bandar² besar sahaja, seperti di-Kuala Lumpur dan Pulau Pinang, kalau tidak harus-lah di-terangkan.

Yang kedua, masalaah kurang plate taxi di-tempat² yang banyak penduduk dan di-mana pirate taxi menjalankan peranan-nya.

Enche' Abdul Rahman bin Haji Talib: Tuan Pengerusi, memang saya terlupa hendak menjawab perkara yang di-majukan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh berkenaan dengan taxi cab. Perkara taxi cab itu akan ditimbang.

Berkean dengan menambahkan lagi plate² taxi itu, perkara ini berjalan bertangga². Dalam tiap² jajahan ada satu Jawatan-Kuasa yang boleh mem-

buat pengeshoran berapa plate taxi yang patut di-tambah. Shor daripada Jawatan-Kuasa Jajahan itu di-kemukakan kepada Jawatan-Kuasa Negeri dan kemudian shor Jawatan-Kuasa Negeri itu di-sampaikan pula kepada Kementerian. Apakala di-luluskan oleh Menteri yang bertanggung-jawab, baharulah Pegawai Pendaftar dan Pemereksa Kereta² Motor mengambil langkah mengisi tempat² yang kosong itu, serta mengishtiharkan kekosongan itu dan menjemput permohonan. Permohonan² itu akan di-timbang oleh Lembaga Pelesen Tempatan yang berkenaan. Pada fikiran saya, perkara yang samacham ini patut-lah di-beri keutamaan kepada orang² yang sa-benar²-nya ada kereta sendiri atau ada kemampuan membeli kereta sendiri dan ini-lah satu daripada perkara yang di-timbang juga oleh Lembaga itu. Tetapi kalau orang itu ada mempunyai kereta dan dia ada menjalankan pirate taxi dan kira-nya kita beri keutamaan kapadanya, maka jadi-lah sa-olah² yang kita ini hendak menggalakkan semua orang membawa kereta-nya sa-bagai "pirate taxi". Sa-benar-nya kita timbangkan keistimewaan hanya kepada orang yang mempunyai kereta tetapi tidak menggunakan kereta itu sa-bagai "pirate taxi".

Puan Hajjah Zain binti Sulaiman: Saya hendak mendapat penjelasan berkenaan dengan lembu itu. Sa-benar-nya, lembu itu betul, lembu yang sangat degil. Kalau sa-kira-nya lembu ini di-bawah jagaan Majlis Bandaran, saya berharap supaya Kementerian ini tolong sampaikan kepada Majlis Bandaran itu. Satu perkara lagi, kalau ta' ada pun, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri boleh menolong, sebab dia ada banyak anggota polis.

Enche' Abdul Rahman bin Haji Talib: Insha' Allah.

Enche' K. Karam Singh: Mr Chairman, Sir, with your permission, I would like to quote from the Industrial Courts Ordinance. Section 4 of the Ordinance under the heading, "Reference of disputes to Industrial Court or to arbitration", says:

"(2) Where a trade dispute exists or is apprehended, the Commissioner may, subject

as hereinafter provided, if he thinks fit and if both parties consent, either

(a) refer the matter for settlement to the Industrial Court;”—

Here, Sir, the important words are “if both parties consent”.

Then further on, section 4, sub-section (4), it is stated:

“(4) If there are existing in any agricultural undertaking, trade or industry any arrangements for settlement by conciliation or arbitration of disputes in such agricultural undertaking, trade or industry, or any branch thereof, made in pursuance of an agreement between organisations of employers and organisations of workmen representative respectively of substantial proportions of the employers and workmen engaged in that agricultural undertaking, trade or industry, the High Commissioner or the Commissioner, as the case may be, shall not unless with the consent of both parties to the dispute, and unless and until there has been a failure to obtain a settlement by means of those arrangements, refer the matter for settlement or advice in accordance with the foregoing provisions of this section.”—

that means, Sir, section 4, sub-section (2) (a): to refer the matter for settlement to the Industrial Court. So, Sir, what I was saying about the consent of both parties would appear to have been quite proper and in order. Thank you.

Question put, and agreed to.

The sum of \$7,142,821 for Heads S. 55 to S. 60 ordered to stand part of the Schedule.

Heads S. 61-S. 65—

The Minister of Works, Posts and Telecommunications (Dato' V. T. Sambanthan): Mr Chairman, Sir, with your permission I beg leave to introduce Heads S. 61 to S. 65 under the Ministry of Works, Posts and Telecommunications together. The total expenditure for my Ministry in 1963 is \$76,928,402 which shows an increase of \$4,474 million over the 1962 approved estimates. Under Head S. 61 I won't say anything much as the slight increase is due to normal increments and small increases in certain sub-heads are necessary owing to normal expansion in the works of my Secretariat.

Under Head S. 62, Postal Services, I am requesting a total provision of \$17,261,766. Before I go on to deal with Heads and sub-heads, I should like to touch on some general points and, in particular, to the progress made in 1962. The extension and development of postal services have continued both in the urban and rural areas. Mobile Post Offices have played a prominent part in bringing postal facilities to the rural people. Nine additional units were introduced this year and there are now 42 such units in operation. Additionally, 5 replacement Post Offices, 9 new Post Offices and 40 Postal Agencies were opened to meet the increased traffic. Fifty way-side Posting Boxes were installed and 50 stamp vendors' Licences were issued. The expansion and development of postal services throughout the country will be met by capital expenditure on new buildings and provisions in the Development Estimates. These necessitate provisions for additional staff and equipment to be provided for in Federal Estimates of expenditure for 1963.

The revenue for 1962 is estimated to be \$18.1 million but the 1963 forecast is expected to be in the region of \$19.6 million.

Continuing the policy of issuing commemorative stamps to mark important national and international events, it is proposed to produce three issues in 1963 to mark the World Freedom from Hunger Campaign, Commissioning of the Cameron Highlands Hydro-Electric Scheme and the opening of the new Parliament Building.

As in previous years the estimates proposals for Postal Services are sub-divided to cover the Pan-Malayan Headquarters Administrative and Accounting Organisation and the Operational arm of the Postal Department in the Federation of Malaya. Personal Emoluments proposals for the Administrative and Accounting Organisation are estimated to amount to \$1,148,168 and for the operation arm in the Federation \$8,939,252. These show an increase of \$28,836 and

\$248,638 respectively as against the 1962 provision. While there is a modest increase in the former there is a fairly substantial increase in the latter. This is due to the all-round increase in the volume of traffic handled. In keeping with Government's present policy of development in the rural areas, improvements have to be effected either by extending existing postal facilities to such areas or providing these facilities for the first time.

Mr Chairman: Order, order. The time is 11 o'clock p.m.

House resumes.

Mr (Deputy) Speaker: Honourable Members, I have to report that the Committee of Supply on the Supply Bill, 1963, has progressed up to Head S. 60 of the Schedule to the Bill. The Committee of Supply will resume tomorrow.

Adjourned at 11.00 p.m.